

**Bil. 40**

**Rabu  
24 Julai 1996**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN</b>	[Ruangan 1]
<b>USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1):</b>	
— Permohonan Pendaftaran Kontraktor Pembinaan, Penyelia Tapak dan Pekerja Mahir. — <i>Y.B. Tuan Lim Hock Seng (Bagan)</i>	[Ruangan 16]
<b>USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat Mengikut Peraturan 16(3)	[Ruangan 76]
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	[Ruangan 17]
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Amanah Luar Pesisir Labuan 1996	[Ruangan 18]
Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Pindaan) 1996	[Ruangan 31]
Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pindaan) 1996	[Ruangan 64]
Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (Pindaan) 1996	[Ruangan 74]
<b>UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:</b>	
Permohonan Melepaskan Kuota Unit Bumiputra Dalam Projek Perumahan Kedai dan Kilang IKS, Di Pulau Pinang: — <i>Y.B. Lim Hock Seng (Bagan)</i>	[Ruangan 77]
Isu Pemberian Saham Khas Bumi Kepada Individu Dan Kriterianya. — <i>Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)</i>	[Ruangan 77]

### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).
- „ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' (DR.) HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, S.M.J. (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN, D.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)

- Yang Berhormat PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- .. TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- .. TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
- .. DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- .. TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- .. DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- .. TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- .. TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- .. TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- .. TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- .. CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- .. TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- .. DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- .. PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- .. TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- .. TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- .. TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- .. DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- .. TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- .. TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- .. DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- .. TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- .. DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- .. TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- .. TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- .. PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- .. TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- .. DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- .. TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- .. TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- .. TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).

- Yang Berhormat **TUAN R. KARPAL SINGH** (Jelutong).
- „ **DR. L. KRISHNAN**, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ **TUAN LAU NGAN SIEW**, A.D.K. (Sandakan).
- „ **DR. LEE CHONG MENG** (Bukit Bintang).
- „ **DR. G. LEELAVATHI**, A.M.N. (Kapar).
- „ **TUAN LIEW AH KIM** (Seputeh).
- „ **TUAN LIM GUAN ENG** (Kota Melaka).
- „ **TUAN LIM HOCK SENG** (Bagan).
- „ **TUAN LIM KIT SIANG** (Tanjong).
- „ **TUAN VINCENT LIM KUO PHAU** (Petaling Jaya Utara).
- „ **PUAN LIM LAY HOON**, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ **TUAN LIM SI CHENG**, P.I.S. (Senai).
- „ **TUAN LIM SIANG CHAI** (Petaling Jaya Selatan).
- „ **DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM**, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ **TUAN MANSOR BIN MASIKON** (Batu Pahat).
- „ **DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI**, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ **TUAN MD. ISA BIN SABU** (Kangar).
- „ **TUAN MICHAEL LISA KAYA**, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ **TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU** (Kubang Kerian).
- „ **TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH** (Pasir Puteh).
- „ **TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN**, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ **DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID**, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ **DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN**, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut).
- „ **TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF** (Dungun).
- „ **TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA**, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ **TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH** (Pengkalan Chepa).
- „ **TUAN NOH BIN OMAR**, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ **DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI** (Balik Pulau).
- „ **DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH** (Beaufort).
- „ **TUAN ONG TIN KIM** (Teluk Intan).
- „ **DATO' OTHMAN BIN ABDUL**, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ **DR. PATAU RUBIS**, P.B.S. (Mas Gading).
- „ **TUAN PAUL NOUTIN**, A.D.K. (Penampang).
- „ **TUAN PHILIP YONG CHEW LIP**, A.D.K. (Gaya).



- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M.,  
K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah  
Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kedah).

---

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

### CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin.  Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

### CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh.
--------------------	---

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Rabu, 24hb Julai, 1996

*Mesyuarat dimulakan pada pukul  
9.30 pagi*

## DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)*

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji  
Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang  
Berhormat Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

*(Soalan No. 1 - Y.B. Wan Junaidi bin  
Tuanku Jaafar (Batang Lupar) tidak  
hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji  
Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang  
Berhormat Datuk Song Swee Guan.

*(Soalan No. 2 - Y.B. Datuk Song Swee  
Guan (Bandar Kuching) tidak hadir)*

AIR SUNGAI DI SARAWAK—  
LANGKAH MENCEGAH  
PENCEMARAN

**3. Tuan Jimmy Donald (Sri Aman)** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah jangka panjang dan jangka pendek yang akan diambil oleh kementerian beliau untuk mengatasi masalah sungai-sungai yang sentiasa keruh dan airnya yang tidak dapat diminum di seluruh Sarawak.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Abu Bakar bin Daud):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan lain terutamanya agensi-agensi kerajaan negeri sedang dan akan terus mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk mengawal pencemaran dan memastikan air sungai selamat untuk diminum. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian ini termasuklah penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Selain daripada itu, usaha-usaha lain yang sedang dijalankan seperti meningkatkan tahap kesedaran di kalangan pemaju-pemaju dan kontraktor-kontraktor yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti kerja-kerja tanah khususnya, supaya sentiasa peka dan prihatin terhadap kesan kelodakan air sungai akibat daripada aktiviti tersebut. Garis-garis panduan bagi mengawal hakisan tanah dan kelodakan sungai juga sedang disediakan untuk pihak-pihak perancang dan pelaksana projek.

**Tuan Jimmy Donald:** Tuan Yang di-Pertua, dari semasa ke semasa kita menerima aduan bahawa kawasan tadahan 'catchment area' air ke kampung-kampung dan rumah-rumah panjang di Sarawak di ceroboh dan di balak. Oleh itu, saya ingin tahu apakah tindakan yang diambil oleh kementerian apabila perkara seperti ini berlaku?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, apabila ada aduan-aduan yang seperti ini, maka tindakan untuk menyiasatnya dijalankan. Memanglah ada sungai-sungai kita dicemar oleh manusia. Seandainya mereka ada mempunyai bukti-bukti untuk dibawa perkara ke tengah, maka mereka akan didakwa.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berasaskan jawapan dari Yang Berhormat tadi saya ucapkan tahniah kerana menetapkan garis panduan atau syarat-syarat supaya menjaga sungai dari segi pencemaran dan sebagainya. Saya cuma hendak tahu bagaimanakah penguatkuasaan dan sama ada berapa kakitangan yang terlibat untuk menjalankan penguatkuasaan dan berapa kompaun yang telah dikenakan kepada sesiapa yang melakukan kesalahan?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada siasatan-siasatan yang telah dibuat daripada pegawai-pegawai yang telah menjalankan tugas dan mana-mana mereka yang telah didapati bersalah, mereka telah didenda atau dihukum dengan kompaun, angkanya tidak dapatlah saya sampaikan di sini, saya perlukan notis. Kakitangan untuk menjalankan penguatkuasaan, kita akui masih lagi kurang dan usaha-usaha untuk menambahkan lagi pegawai-pegawai ini sedang dibuat.

**KUARTERS KERAJAAN  
DI KAWASAN  
JALAN IMBI—JALAN  
COCHRANE—PEMBANGUNAN  
SEMULA**

**4 Tuan Tan Kok Wai (Cheras)** minta Perdana Menteri menyatakan rancangan pembangunan semula kawasan kuarters kerajaan meliputi Jalan Imbi hingga Jalan Cochrane, Kuala Lumpur. Apakah bentuk pembangunan semula itu, nama syarikat yang dipilih membangunkan kawasan tersebut, kos terbabit, apakah gantirugi yang diberikan kepada kakitangan awam yang terpaksa berpindah keluar, apakah merit yang digunakan untuk memilih syarikat berkenaan dan senarai pemohon yang tidak berjaya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad):** Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua projek pembangunan semula kuarters kerajaan yang meliputi Jalan Imbi hingga Jalan Cochrane. Dua projek tersebut ialah pembangunan semula kuarters kerajaan di Jalan Imbi hingga ke Jalan Davis dan pembangunan semula kuarters kerajaan di Jalan Cochrane dan Jalan Peel.

Bagi kawasan kuarters kerajaan di Jalan Imbi dan Jalan Davis, kerajaan telah bersetuju supaya kawasan itu dibangunkan sebagai Projek Dataran Perdana. Projek ini akan dilaksanakan oleh sebuah syarikat milik kerajaan iaitu Dataran Perdana Sdn. Bhd. Pembangunan yang dicadangkan adalah pembangunan bercampur iaitu kediaman dan komersil dengan komponen utama iaitu sebuah dataran yang luas yang akan dikenali sebagai Dataran Perdana untuk keperluan upacara rasmi negara.

Kos pembangunan semula kawasan ini belum dapat dipastikan lagi kerana kerajaan sedang mengkaji secara terperinci mengenai skop projek yang akan dilaksanakan kelak. Mengenai penghuni kuarters yang terlibat dalam projek ini, sukacita saya menjelaskan bahawa ianya akan dikendalikan mengikut prosedur kerajaan yang sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini akan dilaksanakan oleh syarikat milik kerajaan dan isu pemilihan adalah tidak berbangkit sama sekali.

Bagi projek pembangunan semula kawasan kuarters kerajaan di Jalan Cochrane dan Jalan Peel, kerajaan belum membuat sebarang keputusan muktamad mengenainya. Oleh itu, adalah terlalu awal untuk memberi detail dan penjelasan tentang perkara yang dibangkitkan mengenai projek ini.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana jawapan yang diberi nampaknya projek yang kedua iaitu di antara Jalan Peel dan Jalan Cochrane belum lagi ditetapkan. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa satu notis telah pun dikeluarkan oleh pihak kerajaan kepada kakitangan-kakitangan yang menghuni di kuarters kerajaan di antara Jalan Peel, Lorong Cochrane, Jalan Jaratte, Jalan Cochrane dan sebagainya telah pun dikeluarkan kepada mereka mengarahkan mereka supaya mengosongkan kuarters dan berpindah daripada situ selewat-lewatnya pada atau sebelum 15hb September, tahun ini? Dalam notis itu tidak ada sebarang jaminan diberi untuk menempatkan semula kakitangan-kakitangan kerajaan yang terlibat.

Maka, saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan, mengapakah notis ini dikeluarkan, sungguhpun Yang Berhormat Menteri menjawab tadi bahawa projek ini belum ditetapkan. Adakah ini merupakan satu keadilan kalau kakitangan kerajaan tidak akan ditempatkan semula sekiranya mereka diusir keluar daripada kuarters kerajaan yang mereka tinggal selama ini?

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, projek Jalan Imbi, iaitu Projek Dataran Perdana ada 344 orang yang menghuni kuarters kerajaan. Di Jalan Cochrane dan Jalan Peel, ada 1,245 orang—itu kita tahu dan kita beri notis. Buat sementara waktu ini dan apa pun notis seperti yang dikatakan, mereka bolehlah tinggal di situ sehingga satu keputusan yang muktamad dibuat. Notis itu bolehlah dianggap tidak ada apa-apa lagi yang hendak kita lakukan, kecuali keadaannya *status quo*.

Begitu juga dengan soalan Yang Berhormat tanya berkenaan dengan pengambilan tanah di Jalan Imbi, itu pun *status quo* juga.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menghuraikan dengan lebih lanjut berkaitan dasar-dasar atau garis panduan kerajaan supaya satu kawasan tanah kerajaan akan dibangunkan semula dan cara mana untuk mengatasi masalah setinggan di atas tanah yang akan diambil oleh mereka?

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tanah yang saya sebutkan, iaitu tanah di Jalan Cochrane, Jalan Peel dan juga Jalan Imbi, mana ada setinggan, kecuali kalau Yang Berhormat anggap kakitangan kerajaan yang tinggal di rumah kerajaan itu setinggan. Jadi, saya ingat tidak timbul masalah setinggan itu, ia adalah kakitangan kerajaan yang duduk di rumah kerajaan.

#### PERMIT IMPORT—SYARAT MENDAPATKANNYA

**5. Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) berapakah permit import (A.P.) kenderaan yang telah diluluskan kepada syarikat dan individu sejak bukan Januari, 1991 hingga Disember, 1995. Apakah syarat-syarat yang dikenakan bagi seorang atau syarikat untuk mendapatkan permit import (A.P.); dan
- (b) berapakah kereta nasional yang dieksport ke luar negeri dan apakah masalah yang dihadapi bagi melipatgandakan pengkeksportan kereta tempatan di keluar negeri.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MITI telah meluluskan bagi tahun 1995 sebanyak 4,829 unit lesen import kenderaan baru dan 9,769 unit kenderaan terpakai kepada syarikat-syarikat pemegang kuota bumiputera. MITI juga pada tahun yang sama telah meluluskan 1,519 AP kepada warganegara Malaysia yang membawa balik kenderaan persendirian selepas tamat tempoh bekerja atau belajar di luar negeri. Jumlah AP yang dikeluarkan bagi tempoh Januari, 1991 hingga Disember, 1995 seperti dipinta secara terperinci akan saya kemukakan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

Lesen import bagi kenderaan terpakai hanya diberikan kepada syarikat-syarikat pemegang kuota bumiputera yang telah diperuntukkan kuota sebelum kerajaan melaksanakan dasar membekukan permohonan baru semenjak tahun 1988. Walau bagaimanapun, kementerian sedia menimbangkan permohonan baru lesen import bagi pengimportan kereta penumpang baru dan kenderaan pacuan empat roda baru (4x4) daripada syarikat-syarikat bumiputera yang berjaya mendapatkan franchise dari syarikat-syarikat pengeluar kereta di luar negeri yang telah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- (i) bertaraf sekurang-kurangnya 70% bumiputera dari segi pegangan ekuiti;
- (ii) telah memperolehi hak franchise kenderaan berkenaan dari syarikat prinsipal di negara pengeluar;
- (iii) kenderaan yang diimport belum dipasang di Malaysia;
- (iv) pengimport hendaklah dibuat secara terus dari syarikat prinsipal di luar negeri; dan

- (v) mempunyai keupayaan dari segi pengurusan dan kewangan untuk mengendalikan sendiri perniagaan.

Bagi lesen import kenderaan persendirian pula, MITI akan menimbangkan permohonan dari rakyat Malaysia yang bermastautin di luar negeri sekurang-kurangnya bagi tempoh 12 bulan dan telah menggunakan secara sah kenderaan yang dia ingin mengimport, sekurang-kurangnya selama 6 bulan semasa tempoh bermastautin di luar negeri.

Untuk menjawab soalan (b), bagi tahun 1995 sejumlah 19,741 unit kereta Proton telah dieksporth. Di antara masalah-masalah yang dihadapi bagi melipatgandakan pengeksportan adalah:

- (i) buat masa ini kapasiti pengeluaran Proton adalah terhad kepada 180,000 unit setahun. Pasaran dalam negeri sahaja merangkumi lebih daripada 80% dan masa menunggu juga lama ini menghadkan jumlah kereta yang dapat dieksporth.
- (ii) faktor persaingan yang hebat dengan pengeluar-pengeluar kereta lain yang sudah established, dengan izin, yang sudah pun mencapai economies of scale, dengan izin, yang mampu mengeluarkan kereta dengan kos yang lebih kompetitif.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan mengenai perkara (b). Walaupun telah diberitahu di Dewan yang mulia ini, tidak ada unit-unit untuk dieksporth ke luar negeri atau di jual di dalam pasaran dalam negeri, tetapi apa yang kita tahu dan perhatian memang terdapat pihak-pihak pengedar Proton menawarkan kereta-kereta ataupun unit untuk dieksporth bagi dijual kepada pembeli-pembeli. Ini, mengikut katanya bagi mengelakkan tempoh menunggu lama. Jadi sejauhmanakah keadaan ini

benar dan saya ingin tahu berapakah jumlah unit-unit yang sepatutnya diekspor tetapi dijual dan dipasarkan dalam negeri dan apakah kriteria perbezaannya yang boleh kita kenal pasti?

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri telah pun menjawab soalan Yang Berhormat mengenai isu ini dan mengikut maklumat yang diterima oleh Kementerian, kita belum terima apa-apa dakwaan dan bukti-bukti yang kukuh untuk kita mendakwa mereka. Memang ini jelas bahawa kita akan mengambil tindakan yang sekeras-kerasnya, kerana ianya melanggar dasar kerajaan. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat-maklumat yang kukuh, saya bagi pihak Kementerian memberi jaminan, sekiranya maklumat ini dapat disampaikan kepada kami, kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya soalan tambahan bahagian (a). Satu ketika dahulu, timbul satu isu yang menyatakan pelajar-pelajar di luar negeri telah menyalahgunakan hak AP mereka kerana pelajar-pelajar ini dikatakan telah menjual APnya kepada pihak-pihak yang tertentu dan pihak Kementerian telah membuat kenyataan akan menyiasat kes tersebut. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan apakah hasil siasatan tersebut dan apakah langkah-langkah yang telah diambil supaya perkara tersebut tidak berulang lagi?

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh kita nafikan bahawa perkara ini wujud dan pihak Kementerian telah pun mengemaskinikan syarat-syarat pengeluaran AP kepada pelajar-pelajar kita—sebagai contoh, bagi menentukan bahawa selain daripada bukti-bukti yang menyatakan bahawa mereka telah pun menggunakan kereta-kereta yang akan

diimport di luar negeri perlu juga mengetengahkan bukti-bukti seperti invoice dan juga insurans, sekurang-kurangnya untuk 6 bulan.

### SEKOLAH JENAMA YANG TIDAK PERLU DIPINDAHKAN—KRITERIA

**6. Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah kriteria untuk menentukan sekolah-sekolah jenama yang tidak perlu dipindahkan untuk memberi laluan pembangunan pesat, berapa sekolah tersebut telah dikenal pasti setakat ini; dan

- (a) sebutkan nama-nama dan tempat letaknya di mana sekolah-sekolah telah diarah berpindah ke tempat lain supaya memberi laluan untuk pembangunan komersil dan infrastruktur awam sejak lima tahun yang lalu; dan
- (b) berapa sekolah akan dipindahkan atas sebab-sebab yang sama.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Dr. Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan mengekalkan sekolah-sekolah premier di lokasi asalnya kecuali atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Setakat ini sekolah-sekolah yang telah dipindahkan ialah Sekolah Menengah Convent dan Sekolah Rendah Kebangsaan Convent di Seremban. Lokasi barunya ialah di Jalan Labu, Seremban—pemindahan pada Disember, 1994.
- (b) Pada masa ini terdapat sebuah sekolah menengah dan 9 buah sekolah rendah di Wilayah Persekutuan sedang dalam proses pemindahan ke tapak yang lain.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawa beliau sebagai seorang Ahli Parlimen dari Melaka, saya rasa dia tentu sedar bahawa ada rancangan untuk kerajaan Negeri Melaka dan Majlis Perbandaran Melaka, Bandaraya Bersejarah untuk memindahkan kira-kira 9 buah sekolah di Melaka iaitu hampir 4 buah daripada kawasan Bandar Hilir dan 5 buah lagi dari kawasan Tengker. Adakah, pihak kementerian sedar bahawa Persatuan Ibubapa dan sekolah itu termasuk sekolah-sekolah missionary seperti SMV dan sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China telah menentang pemindahan tersebut dan adakah pihak kementerian akan berunding mengambil berat serta memastikan bahawa pandangan dan bantahan diambil kira supaya sekolah itu tidak dipindah untuk tujuan komersil? Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang selalu ambil kira dan memberi perhatian yang berat kepada pandangan-pandangan dari pihak ibu bapa dan juga dari pihak masyarakat tempatan, sebelum Kementerian Pendidikan membuat keputusan tentang pemindahan sekolah-sekolah. Dalam konteks ini cadangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu masih dalam peringkat perbincangan. Memang Kementerian Pendidikan akan mengambil kira pandangan dari semua pihak sebelum membuat suatu keputusan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak tahu apakah dasarnya kerajaan mengenai sekolah-sekolah yang terlibat apabila umpamanya di estet, umpamanya. Apabila estet itu dibangunkan semula jadi sekolah-sekolah yang terdiri di atas tanah estet itu terpaksa untuk dipindah dan ditutup.

Baru-baru ini kawasan saya di Padang Besar, kerana estet itu akan dimajukan, jadi sekolah dapat arahan untuk dipindah

atau ditutup. Jadi, apakah dasarnya sama ada kerajaan atau kementerian Yang Berhormat mempunyai satu dasar apabila estet itu ditutup atau estet itu dibangunkan, maka sekolah yang terlibat itu akan diberikan sekeping tanah apabila tanah itu dibangunkan untuk membina sekolah yang sama? Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah atas soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban. Dari segi dasarnya sekolah-sekolah yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat adalah di atas tanah kepunyaan pemilik estet itu. Jadi, memang Kementerian Pendidikan dalam konteks ini merayu kepada pihak estet supaya mengambil kira kebajikan pelajar-pelajar sebelum dia membuat keputusan tentang tapak tersebut. Dalam konteks ini, kementerian pendidikan selalu sedia untuk berkerjasama untuk memberi bantuan kepada sekolah-sekolah supaya dia akan dapat tapak yang baru. Khususnya, sekolah bantuan modal dan dalam konteks ini kementerian pendidikan akan cuba berbincang dengan pihak-pihak contohnya dengan pihak estet supaya satu tapak baru dapat dikenal pasti untuk sekolah tersebut.

#### **SISTEM BANK ISLAM— ARAHAN KOMITMEN AGENSI KERAJAAN**

**7. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman (Parit Buntar)** minta Menteri Kewangan menjelaskan sama ada Kerajaan bercadang mengarahkan agensi-agensinya menggunakan perkhidmatan Bank Islam atau sistem yang serupa oleh bank-bank perdagangan lain bukan sahaja sebagai langkah sokongan kepada institusi-institusi kewangan tersebut, tetapi juga untuk mengelakkan peraasaan was-was di kalangan para pegawai Kerajaan yang beragama Islam.



**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah):** Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan mewujudkan perbankan Islam, adalah sebagai alternatif kepada sistem perbankan konvensional dan mengharapkan kedua-dua sistem ini berkembang selari dan menjadi alternatif kepada pendeposit yang terdiri daripada orang perseorangan dan organisasi termasuk jabatan dan agensi-agensi kerajaan.

Pihak kerajaan sentiasa menggalakkan agensi-agensinya menggunakan perkhidmatan Bank Islam Malaysia Berhad atau Bank-bank yang menawarkan perkhidmatan skim perbankan tanpa faedah. Sokongan agensi-agensi kerajaan terhadap sistem perbankan Islam mencerminkan komitmen kerajaan dan agensi-agensinya untuk terus memajukan sistem perbankan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, terpulanglah kepada pengurus bank yang mengamalkan sistem perbankan Islam melipatgandakan kreativiti dan promosi mereka dengan menawarkan produk-produk dan pulangan yang menarik supaya lebih banyak jabatan dan agensi-agensi kerajaan menandatangani wang mereka atau menggunakan perkhidmatan bank Islam atau bank yang menawarkan sistem perbankan Islam. Sekian.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Bank Islam telah menubuhkan Jawatankuasa Syariah untuk menyelaraskan product-product perbankan tanpa faedah ataupun PTF. Jadi, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, sejauh manakah product-product ini dipakai oleh bank-bank perdagangan ataupun berapa banyakkah bank-bank perdagangan yang telah membuka tingkap yang dibentuk atau yang diilhamkan oleh pihak Bank Islam dari segi perbankan tanpa faedah ini? Terima kasih.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terdapat sebanyak 23 bank perdagangan dan juga 19 institusi kewangan termasuk 3 buah bank merchant bank yang telah melancarkan product-product yang berasaskan konsep Islam dan juga setakat ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah itu sebanyak lebih kurang 25 jenis product termasuk akaun semasa, akaun tabung, pekej pendidikan, pekej umrah, pekej kebajikan dan juga untuk pinjaman perumahan untuk pinjaman untuk eksport secara konsep Islam. Sekian.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah istilah, Tuan Yang di-Pertua, Perbankan Islam Tanpa Faedah, tanpa faedah ini ertinya "tidak berfaedah" (*Ketawa*) betul. Apakah perkara ini telah dirujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya rasa istilah ini tidak sesuai. Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak kerajaan atau kementerian tidak berhasrat untuk menukar istilah daripada "tanpa faedah" kepada "tanpa bunga"? Saya rasa itu lebih clear-tanpa bunga.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, sama ada ini tanpa faedah dan berasaskan kepada konsep Yang Berhormat, itu terpulang kepada orang ramai tapi bagi pihak kerajaan sama ada konsep "tanpa faedah" itu adalah yang "tidak berfaedah", tanpa faedah itu adalah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah dan konsep-konsep yang digunakan seperti Al-Wadiah, Wadiah, Yat-Damana, Al-Mudharabah dan lain-lain lagi. (*Ahli-ahli Dewan Ketawa*).

#### GAGASAN EAEC—HALANGAN DAN PERANAN AMERIKA

**8. Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah perkembangan gagasan EAEC sekarang nyatakan

halangan yang membantut perkembangan dan sejauh mana peranan Amerika Syarikat; dan

- (b) berapa lama sekalikah sidang kemuncak G15 diadakan dan bilakah Sidang kemuncak akan datangkan diadakan dan di mana.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dr. Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) EAEC adalah satu idea bagi mengadakan forum bebas seperti negara-negara Asia Timur berbincang dan mempertingkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi serta membantu negara-negara yang kurang membangun yang lain di rantau ini di dalam bidang ekonomi. Setakat ini, pada dasarnya keanggotaan EAEC adalah terhad kepada negara-negara Asia Timur tidak dibuka kepada Australia dan New Zealand.

Sikap Jepun yang berdolak-dalik dalam hal penyertaannya dalam EAEC ini dilihat sebagai satu usaha untuk menenangkan Amerika Syarikat yang ingin mempengaruhi EAEC. Oleh itu, Jepun telah mengemukakan syarat supaya keanggotaan EAEC dibuka kepada Australia dan New Zealand. Jepun yang merupakan rakan dagang utama dengan negara-negara tersebut juga telah mengemukakan cara tambahan iaitu EAEC hendaklah mendapat restu negara-negara ekonomi APEX. Amerika Syarikatlah satu daripada negara ekonomi APEX.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia akan terus berusaha untuk menjadikan EAEC ini satu kenyataan. Perbincangan di kalangan negara-negara Asia dalam proses ASEM (Asia-Europe Meeting) untuk mewujudkan

pendirian bersama terhadap isu-isu antarabangsa boleh menghasilkan satu gagasan negara-negara Asia Timur pada satu masa kelak.

- (b) G15 yang ditubuhkan atas semangat kerjasama negara-negara Selatan telah dilancarkan pembentukannya pada bulan Mei, 1989 semasa Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali di Belgrade, Yugoslavia. Sidang kemuncaknya diwakili oleh ketua-ketua negara atau kerajaan diadakan pada tiap-tiap tahun, manakala negara tuan rumah ditentukan mengikut giliran secara rundingan. Sehingga ini telah lima kali Sidang Kemuncak G15 diadakan, dan Sidang Kemuncak G15 yang kelima telah diadakan di Buenos Aires, Argentina pada 5hb hingga 7hb November 1995. Sidang Kemuncak G15 yang keenam akan diadakan pada 7hb hingga 9hb November tahun ini bertempat di Harare, Zimbabwe. Malaysia sekali lagi akan menjadi tuan rumah bagi Sidang Kemuncak G15 pada tahun 1997.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada EAEC boleh terus dilancarkan, sungguhpun tanpa penyertaan negeri Jepun, memandangkan pendirian negara Jepun yang berdolak-dalik seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah gunanya G15 kalau banyak negara tidak menunjukkan minat terhadap konsep G15 kerana Sidang Kemuncak pernah ditunda berkali-kali?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan penundaan Mesyuarat G15, ini adalah kerana banyaknya masalah teknikal dan

banyaknya program bertindih dengan program-program lain untuk ketua-ketua negara. Tetapi minatnya masih ada, dan forum ini masih perlu diwujudkan, di mana kita sedang membincangkan di peringkat G15 ini khususnya perkara-perkara yang berkaitan dengan perdagangan, pembangunan ekonomi dan lain-lainnya.

Mengenai EAEC, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya nyatakan bahawa kita memang boleh melancarkan kalau tanpa mana-mana pihak yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Tetapi yang pentingnya konsep ini adalah melibatkan negara-negara Asia Timur, dan kita ada cerah nampaknya bahawa harapan kita untuk menubuhkan atau melanjutkan EAEC ini atau merealisasikan EAEC ini adalah cerah sekarang pada masa Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negara Asean pada minggu lalu, kita fokus ke atas EAEC ini nampak lebih lagi, dan kita boleh katakan masa untuk EAEC ini adalah cerah. Pada masa kini juga forum ini telah berjalan walaupun tidak dinamakan EAEC, di mana mesyuarat 7 campur 3, iaitu Asean, China, Jepun dan Korea telah mengadakan pelbagai perbincangan ketika Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negara Asean.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menghuraikan lebih lanjut lagi apa tindakan atau rundingan lagi supaya negeri Jepun dan Amerika Syarikat dapat tidak ada lagi syarat-syarat tertentu untuk menyokong penubuhan EAEC pada masa akan datang?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita telah selama ini berusaha memperjelaskan konsep EAEC ini walaupun mereka masih belum dapat memahami sama ada dengan sengajanya atau tidak, kita tidak tahu, sebagaimana kerana tujuan-tujuan kita telah jelas. Saya katakan tadi bahawa rundingan EAEC

ini walaupun tidak dinamakan EAEC telah berjalan. Boleh dikatakan kemungkinannya bantahan-bantahan itu tidak akan menjadi begitu keras kemudian hari.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King.

*(Soalan No. 9 - Y.B. Tuan Tiong Thai King (Lanang) tidak hadir)*

#### **PENEROKA FELDA—JENIS POTONGAN DIKENAKAN**

**10. Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) jumlah tempoh masa dan jenis potongan yang dikenakan kepada setiap peneroka mengikut sistem blok di rancangan Felda; dan
- (b) berapa jumlah peneroka yang telah dikenakan tindakan keluar dari rancangan, permohonan tukar nama/milik dari suami kepada isteri dan sebaliknya, jangka masa ianya diproses, jumlah permohonan yang diluluskan/gagal mengikut negeri-negeri hingga Mei, 1996.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) ada tiga jenis potongan yang dikenakan kepada peneroka Felda, iaitu:
  - (i) Potongan tetap Felda - potongan ini meliputi bayaran kembali bagi kos pembangunan tanah, rumah dan tapak rumah, tabung tanam semula sawit, bayaran

tahunan yang disatukan, dengan izin, CAC dan hutang persendirian. Potongan dibuat secara ansuran selama 15 tahun.

- (ii) Potongan kos penyelenggaraan—ini berkait dengan kos operasi ladang. Antaranya pengangkutan, baja, jalan pertanian, analisa cerakinan daun, kimia, buruh sementara dan insurans ladang. Potongan ini dibuat berdasarkan perbelanjaan sebenar.
- (iii) Potongan persendirian—potongan persendirian dibuat bagi mengutip balik apa-apa pinjaman persendirian seperti perbelanjaan kedai atau sebagai simpanan seperti pelaburan di dalam Koperasi Permodalan Felda, caruman Hari Raya, potongan harta sepencarian dan sumbangan JKRR.
- (b) Sehingga kini seramai 902 peneroka telah dikenakan tindakan penyingkiran di atas pelbagai kesalahan, kedudukannya mengikut negeri adalah seperti berikut:

Perlis	4
Kedah	9
Perak	36
Selangor	10
Negeri Sembilan	262
Melaka	3
Johor	144
Pahang	378
Terengganu	37
Kelantan	16
Sabah	3

Sebanyak 166 permohonan telah diterima oleh peneroka untuk menukar milik kepada isteri. Daripada jumlah tersebut, 160 permohonan telah diluluskan, manakala 6 permohonan masih diproses. Tiada permohonan dari isteri untuk menukarkan milik semula kepada suami. Kedudukan mengikut negeri ialah seperti berikut:

Negeri	Permohonan	Lulus
Kedah	3	3
Perak	11	11
Selangor	2	2
Negeri Sembilan	30	27
Melaka	3	3
Johor	25	24
Pahang	84	82
Terengganu	8	8

Dalam keadaan biasa di mana dokumen permohonan lengkap dan tidak memerlukan maklumat tambahan dalam proses, kelulusan permohonan ialah 7 hari daripada tarikh permohonan diterima.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mendapat penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang serba boleh, (*Ketawa*) tentang penyingkiran peserta-peserta atau peneroka Felda, sehingga di Perlis pun sayarasa Rancangan Felda yang kecil sekali di Malaysia didapati 4 orang yang disingkirkan. Jadi, apakah boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan tentang kesalahan-kesalahan yang mungkin berat secara menyeluruh yang menyebabkan mereka ini diambil tindakan untuk meninggalkan Rancangan Felda.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana di Perlis, di Grik pun kita ada Rancangan Felda, dan kebanyakan mereka yang diambil tindakan untuk

disingkir ialah kerana kesalahan menjual getah keluar daripada Felda itu sendiri, iaitu menjual di kedai-kedai yang di luar Felda.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh peneroka dan juga keluarga peneroka didapati memang tindakan yang sewajarnya telah pun diambil. Soalnya adakah pemecatan ini dan penyingkiran ini dikira sah dari segi peraturan yang dibuat antara Felda dan juga peneroka, dan apakah pertimbangan kemanusiaan yang dibuat oleh pihak pengurusan Felda di peringkat zon yang berkenaan sekiranya arahan keluar kepada peneroka tersebut, sedangkan tidak ada tempoh yang wajar diberikan, amaran dan sebagainya, dan sekaligus hasil-hasil tanaman dan penuaian mereka tidak boleh diusahakan, keluarga yang berkenaan menghadapi permasalahan. Jadi, soalnya adakah pemecatan dan penyingkiran itu dikira sah dari segi perlembagaan dan undang-undang yang ada pada Felda?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi salah satu sebab peneroka Felda disingkir ialah kerana menjual getah keluar dari Felda ataupun kadangkala oleh kerana ladang yang tidak terurus buat sekian lama. Bagaimanapun seandainya mereka merasakan bahawa mereka tidak berpuas hati dan mereka teraniaya, mereka masih boleh membawa Felda ke mahkamah ataupun mereka boleh membuat rayuan terus kepada Yang Berhormat Menteri untuk pertimbangan beliau. Jadi, saya rasa dengan adanya dua cara ini kemungkinan peneroka-peneroka teraniaya dapat dikurangkan.

#### HARGA BARANG—PERATUS KENAIKAN

**11. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)** minta Menteri Perdagangan

Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan jumlah barangan yang telah naik harga selepas April 1995 dan nyatakan peratus kenaikan harga. Adakah kenaikan harga barangan asas yang berkali-kali ganda melebihi kadar inflasi rasmi sebanyak 4% mencerminkan bahawa kadar inflasi Kerajaan adalah tidak tepat dan tidak boleh dipercayai.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Tan Chai Ho):** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Indeks Harga Pengguna kenaikan harga bagi barangan dan perkhidmatan sejak April hingga bulan Disember 1995 dan daripada bulan Januari hingga Jun 1996 adalah seperti berikut:

	April- Disember 1995	Januari- Jun 1996
(i) Makanan	4.9%	5.3%
(ii) Pelbagai barang dan perkhidmatan	4.2 %	2.7%
(iii) Sewa kasar, bahan api dan kuasa	3.4%	3.1%
(iv) Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	3.1%	3.5%
(v) Perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah	2.8%	2.3%
(vi) Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan	2.5%	3.7%
(vii) Minuman dan tembakau	2.3%	2.4%
(viii) Pengangkutan dan perhubungan	1.8%	2.0%

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kadar inflasi yang diukur berasaskan Indeks Harga Pengguna bagi tahun 1995 dan bagi tempoh Januari hingga Jun 1996 masing-masing ialah 3.4 peratus dan 3.5 peratus. Indeks Harga Pengguna adalah berdasarkan formula Laspeires yang mengukur perubahan purata harga-harga kumpulan barang-barang dan perkhidmatan seperti

yang dinyatakan di atas yang mewakili corak perbelanjaan sebuah isi rumah sederhana di Malaysia. Kaedah ini digunakan oleh kebanyakan negara termasuk Malaysia.

Pengiraan bakul barangan dan perkhidmatan dalam Indeks Harga Pengguna tidak melibatkan barang-barang berbentuk modal (tanah, bangunan dan sebagainya), barang-barang mewah dan barang-barang kegunaan sektor perindustrian. Keseluruhannya Indeks Harga Pengguna tidak mencerminkan barangan dan perkhidmatan kegunaan luar isi rumah. Oleh itu, kadar inflasi yang dinyatakan adalah tepat dan mengikut kaedah pengiraan 'standard' yang diiktiraf oleh antarabangsa. Sekian.

**Tuan Lim Si Cheng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Yang Berhormat bagi memastikan matlamat Kempen Inflasi Sifar tercapai?

**Dato' Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjayakan Kempen Inflasi Sifar beberapa langkah-langkah positif telah diambil oleh Kementerian ini seperti menyediakan peruntukan untuk persatuan pengguna dan Majlis Hal Ehwal Pengguna peringkat negeri supaya mereka selalu mengadakan seminar-seminar pengguna, dialog-dialog atau mengadakan pameran mengenai Kempen Inflasi Sifar. Ini tentu akan meningkatkan kesedaran pengguna terhadap inflasi sifar. Dan juga Kementerian telah mengadakan satu pertandingan 'Keluarga Hidup Selesa'. Kementerian ini juga dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan lain seperti Kementerian Penerangan akan mengadakan atau membesarkan aktiviti-aktiviti Kempen Inflasi Sifar.

Dan juga dari segi perundangan, penguatkuasa telah meningkatkan

pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan di seluruh negara supaya peniaga-peniaga menjalankan urusan niaga dengan baik atau dengan beretika.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah saya nak tanya sama ada kerajaan berhasrat mewujudkan satu consumer price index yang berdasarkan kepada wilayah seperti bandar atau luar bandar atau mengikut golongan berpendapatan sebagai satu alternatif kepada indeks harga pengguna yang sedia ada sekarang? Terima kasih.

**Dato' Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, Indeks Harga Pengguna (IHP) yang lama akan kekal sebagai satu petunjuk umum ekonomi negara dan kerajaan akan wujudkan satu IHP baru atau yang kedua. IHP yang baru ini merupakan pengukur kepada pencapaian inflasi sifar, ini akan menggambarkan pencapaian inflasi sifar bagi golongan yang berpendapatan rendah iaitu RM1,500 atau ke bawah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 75 jenis barangan telah disenaraikan untuk tujuan IHP baru. Jenis barangan adalah termasuk makanan, minuman, pakaian, kasut, barang kesihatan, barang perubatan, perbelanjaan pembelajaran dan lain-lain. IHP baru ini sedang dibentuk oleh Jabatan Statistik Kerajaan dan akan diumumkan tak lama lagi.

#### SEKOLAH PENERBANGAN— BILANGAN

**12. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan sekolah penerbangan yang telah ditubuhkan sehingga kini; dan
- (b) bilangan pelatih yang telah dilatih dan apakah langkah-langkah yang

diambil bagi galakan untuk menarik minat rakyat Malaysia menyertai bidang ini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga kini terdapat dua buah sekolah penerbangan yang telah ditubuh dan diberi kelulusan untuk beroperasi di negara kita.
- (b) Jumlah bilangan pelatih yang telah dilatih sebagai juruterbang profesional di kedua-dua sekolah penerbangan tersebut ialah seramai 400 orang. Bagi menggalakkan rakyat Malaysia menyertai bidang ini, Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan akan memperkenalkan program Kit Planes di bawah Projek Rakan Muda tidak lama lagi.

Di bawah program ini, belia-belie kita akan digalakkan untuk menyertai aktiviti pemasangan kit planes dan seterusnya memandu kit planes yang siap dipasang. Melalui kegiatan tersebut adalah diharapkan generasi baru Malaysia akan meminati bidang penerbangan dan seterusnya menjadi juruterbang profesional.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan penjelasan. (Ketawa) Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Awal pagi Yang Berhormat.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Soalan dan minta penjelasan. Jadi, kedua-dua—soalan dan penjelasan.

Kalau dulu permainan golf dianggap sebagai satu permainan untuk orang-orang mewah tetapi sekarang ini sudah untuk

masyarakat umum. Semua orang main golf sekarang. Tetapi sekarang bawa kapal terbang pula, sekolah latihan memandu kapal terbang. Saya ingin tahu sama ada kementerian bercadang untuk memperbanyakkan sekolah-sekolah ini supaya minat ini terbuka kepada semua supaya rancangan seperti idaman Dato' Seri Dr. Mahathir kita supaya petani-petani boleh bawa kapal terbang untuk tabur baja. Jadi, kita buka, buat sekolah ini banyak dan latih masyarakat umum supaya menjadi lebih murah dan tidak menjadi satu minat yang mahal (exclusive hobby). Jadi, saya ingin tahu tidak adakah rancangan supaya melatih masyarakat untuk memandu kapal terbang ini diperluaskan supaya masyarakat umum bukan sahaja terdiri daripada orang-orang yang ada duit tetapi masyarakat misalnya di kawasan saya petani-petani pun boleh belajar bawa kapal terbang supaya boleh tabur baja dengan kapal terbang?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Untuk makluman Yang Berhormat, memang kerajaan sentiasa menggalakkan penubuhan sekolah penerbangan ataupun kelab-kelab penerbangan. Walau bagaimanapun, pada masa yang lepas setakat ini baru dua sekolah penerbangan yang telah ditubuhkan seperti yang saya sebutkan sebentar tadi iaitu Malaysia Flying Academy di Lapangan Terbang Batu Berendam yang telah ditubuhkan pada tahun 1982 dan satu lagi Mofaz Air Flying Academy di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi yang ditubuhkan pada tahun 1992.

Pada ketika ini Malaysia Flying Academy (MFA) telah melatih 300 juruterbang profesional sejak ditubuhkan pada tahun 1982 sementara Mofaz Air Flying Academy telah melatih 100 orang juruterbang profesional.

Bagi menggalakkan generasi baru atau generasi muda Malaysia terlibat dalam

kegiatan penerbangan sebagai satu hobi baru yang canggih tetapi harganya sederhana, kerajaan telah menggalakkan mana-mana pihak untuk menubuhkan kelab penerbangan seperti yang terdapat di negara kita iaitu Kelab Penerbangan Mikrolit yang terdapat lebih daripada 10 pada ketika ini. Antaranya di Langkawi, di Kedah sendiri, di Port Dickson, di Melaka, di Batu Pahat, di Pulau Pinang dan Terengganu. Inilah beberapa tempat yang telah ditubuhkan. Dalam menggalakkan belia-belie terlibat dalam penerbangan asas iaitu mikrolit, kerajaan juga telah menyokong dengan memberi bantuan lebih RM300,000 kepada Kelab Penerbangan 4B Malaysia yang telah pun mendapat 120 ahli untuk belajar terbang dan harga kosnya memang sedang kita cuba direndahkan kepada RM80 sejam. Untuk mengurangkan lagi kos ini supaya ramai belia boleh belajar terbang, kita sedang mendapatkan sponsorship daripada mana-mana pihak supaya kos penerbangan ini dapat ditanggung oleh pihak swasta dan akhirnya belia-belie kita boleh belajar terbang mungkin dengan harga sejam RM20 atau RM40. Ini sedang kita usahakan.

Bagi kit plane, ianya besar sedikit daripada mikrolit. Kementerian Belia dan Sukan buat kit plane yang macam Cessna, bila masuk ia akan tutup semua sedangkan mikrolit ia terbuka—jadi ada perbezaan dan kita percaya bila Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pengangkutan memulakan program ini maka lebih ramai lagi belia akan terlibat.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan negara kita yang begini besar yang ada 20 juta penduduk tetapi cuma ada dua buah sekolah penerbangan, saya difahamkan bahawa sekolah yang mengendalikan latihan penerbangan ini mengenakan bayaran yang begitu tinggi yang mana baru ada lebih kurang tidak sampai 1.000

orang yang telah menjalani latihan di dua sekolah penerbangan tersebut.

Jadi, saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang lebih berkesan yang sedang dijalankan oleh Kementerian Pengangkutan untuk sama ada hendak menganjurkan pemberian yang berbentuk biasiswa kepada pelatih-pelatih supaya menarik lebih minat dan juga mempertingkatkan jumlah latihan kepada pelatih-pelatih baru?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd.**

**Rustam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika ini mereka yang belajar memandu kapal terbang untuk menjadi juruterbang profesional kebanyakannya adalah ditaja oleh syarikat-syarikat penerbangan kerana kos latihan ini agak tinggi. Kerana itulah kita mendapati jumlah yang telah berlatih tidak banyak oleh kerana keperluan syarikat-syarikat penerbangan pada ketika ini tidak sebegitu besar.

Bagaimanapun, sekiranya terdapat lagi kegiatan ini sebagai satu hobi baru bagi pemuda-pemuda Malaysia, maka sudah tentu akademi penerbangan yang ada sekarang ini akan menerima pelajar yang lebih ramai. Kerana bagi dua akademi yang sedia ada, mereka sanggup lagi menerima sekali ganda daripada pelajar-pelajar yang ada pada ketika ini. Sebab itulah maka tidak banyak akademi penerbangan yang telah ditubuhkan. Oleh yang demikian, kerajaan telah mengambil tindakan untuk menggalakkan belia-belie supaya terlibat dalam penerbangan dan akhirnya akan ramai lagi yang ingin pula memandu kapal terbang secara profesional. Ini adalah baru merupakan peringkat permulaan menggalakkan kegiatan ini dan kementerian sekiranya ada keperluan akan menimbangkan untuk mengadakan sokongan ataupun biasiswa dengan kerja sama agensi-agensi penerbangan yang lain pada masa depan.



**LESEN KERETA SEWA (TEKSI)  
KEPADA INDIVIDU—  
PEMBERHENTIAN**

**13. Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said (Kuala Kedah)** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) benarkah pemberian lesen-lesen kereta sewa (teksi) kepada individu akan dihentikan; dan
- (b) adakah benar pemberiannya akan dibuat secara berkumpulan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Tuan Idris bin Jusoh):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam soalan ini ada dua cara pengangkutan yang telah ditanya. Satunya teksi, yang mana ia merupakan kereta penumpang yang menggunakan meter yang digunakan di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan juga Pulau Pinang.

Keduanya, kereta sewa iaitu kereta penumpang tanpa meter yang kebiasaannya digunakan di kawasan luar-luar bandar. Sehingga 31hb Disember 1995, ada 12,935 teksi dan 30,597 buah kereta sewa. Masa kini pemberian lesen teksi dan kereta sewa dibekukan untuk kementerian menjalankan kajian-kajian yang menyeluruh tentang cara pengangkutan tersebut.

- (b) Selepas dicairkan ada kemungkinan besar bahawa lesen kereta sewa akan masih lagi diberi kepada individu-individu tetapi untuk teksi hanya kepada syarikat besar sahaja.

**Puan Seripah Noli binti Syed Hussin:** Soalan tambahan. Apakah langkah-langkah untuk menyekat dan cara-cara untuk mengesan penjualan permit dan

lesen teksi dengan cara sulit daripada tuan punya teksi yang tidak mampu mengendalikan perniagaan ini tanpa memberitahu kepada kementerian terlebih dahulu?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Masa kini kementerian sedang membuat penyiasatan dengan cara turun ke padang, melihat sendiri cara operasi teksi-teksi tersebut dan melihat siapakah yang menjadi pengurusnya, siapa yang mengendalikan teksi-teksinya dan siapa yang menandatangani cek dan sebagainya, dengan cara ini kita telah dapat kenal pasti beberapa syarikat yang tidak tulen dalam menjalankan operasi-operasi mereka.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah pihak kementerian bercadang untuk memberi lesen-lesen ini secara terbuka dan kompetitif sepertimana yang dilakukan dalam negara-negara yang lain, iaitu secara opsyen supaya nilai lesen itu adalah lebih tinggi dan dengan cara itu 'to deregulate', dengan izin, industri transport ini.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Itulah yang saya katakan tadi, satu kajian secara menyeluruh sedang diadakan supaya wujudnya integrasi di antara semua cara pengangkutan yang ada di dalam negara kita ini. Jadi, selepas daripada ini kita akan pastikan cara-cara pengeluarannya akan dikeluarkan dengan baik.

**BANGUNAN MELEBIHI LIMA  
TINGKAT—KAJIAN  
KESELAMATAN**

**14. Dato' Hon Choon Kim (Seremban)** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada kerajaan telah menghantar arahan kepada tuan punya bangunan yang melebihi lima tingkat untuk mengemukakan laporan

kajian mengenai keselamatan bangunannya ekoran keruntuhan Highland Tower. Sila nyatakan juga jumlah laporan yang telah diterima dan apa tindakan yang sedang dan akan diambil terhadap mereka yang enggan mengikut arahan ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan difahamkan bahawa pihak berkuasa tempatan kini sedang di dalam proses untuk mengeluarkan arahan kepada pemilik-pemilik bangunan yang melebihi lima tingkat untuk mengemukakan laporan kajian mengenai keselamatan bangunan yang terbabit. Oleh kerana perkara ini masih di dalam tindakan, maka jumlah laporan yang dikemukakan masih belum dapat dipastikan.

Sekiranya pemilik bangunan enggan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan berkaitan dengan perkara ini, maka mengikut Seksyen 85A(5) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) pihak berkuasa tempatan boleh memeriksa bangunan berkenaan atau mendapatkan bangunan itu diperiksa oleh seorang jurutera yang dilantik olehnya dan menuntut segala kos yang ditanggung bagi melaksanakan pemeriksaan tersebut daripada pemilik bangunan yang terbabit.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2, 9 dan 15 hingga 76 akan dijilid dalam buku berasingan).*

## USUL

### MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

#### Permohonan Pendaftaran Kontraktor Pembinaan, Penyelia Tapak dan Pekerja Mahir

*10.33 pagi.*

**Tuan Lim Hock Seng (Bagan):** Tuan Yang di-Pertua, saya memberi notis mengikut Peraturan Mesyuarat 18 untuk mengusulkan seperti berikut:

Bahawa Dewan ini memberi laluan kepada Ahli Parlimen kawasan Bagan, Tuan Lim Hock Seng untuk mengemukakan satu usul perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tarikh tamat permohonan pendaftaran kontraktor pembinaan, penyelia tapak dan juga pekerja mahir kepada Lembaga Pembangunan Perindustrian Pembinaan Malaysia (LPIPM) atas sebab-sebab berikut:

Tuan Yang di-Pertua, permohonan pendaftaran kontraktor pembinaan penyeliaan tapak dan pekerja mahir telah tamat pada 19hb Julai tahun ini, menteri telah memberitahu Dewan yang mulia ini pada 8hb Julai dan juga 11hb Julai tahun ini bahawa sejumlah 70,000 naskah borang pendaftaran kontraktor telah dijual, tetapi hanya 20,000 sahaja diterima balik dan antaranya hanya 5,000 sahaja telah diluluskan.

Negara kita mempunyai tidak kurang dari 600,000 pekerja pembinaan tempatan dan juga 200,000 pekerja pembinaan asing dan juga berpuluh-puluh ribu orang penyelia tapak, kebanyakan mereka masih belum mendaftar.

Kementerian Kerja Raya hanya memberi dan menerima borang permohonan di Kuala Lumpur sahaja. Negeri-negeri lain tidak ada kaunter seperti ini, orang-orang lain dari Kuala Lumpur sukar mendapat borang berkenaan.

Saya telah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa borang seperti ini pun telah habis dijual pada 11hb Julai tahun ini. Walaupun kementerian ada menghantar perwakilannya ke kawasan-kawasan luar dari Kuala Lumpur untuk hanya sehari atau dua, masih tidak dapat memenuhi permintaan orang ramai. Di Pulau Pinang borang seperti ini dijual secara harga haram sehingga RM9 untuk pekerja mahir dan RM30 untuk kontraktor.

Tuan Yang di-Pertua, pejabat LPIPM di Menara Dato' Onn atau PWTC Tingkat 19 dan 20 kini penuh dengan orang-orang yang ingin membeli borang atau menyerah borang-borang mereka. Mereka perlu mengambil nombor giliran hari ini dan datang esok untuk dilayan urusan.

Saya melihat dengan mata sendiri keadaan ini di pejabat LPIPM. Ramai telah merungut dan mengadu berbagai-bagai. Kesalahan tidak mendaftar boleh didenda sebanyak RM50,000 dan juga diarah berhenti kerja. Ini membawa implikasi serius kepada rakyat dan negara. Menteri telah berulang kali menyatakan beliau tidak akan melanjutkan tempoh tamat iaitu 19hb Julai tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu supaya perkara ini boleh dibincang dalam mesyuarat ini demi untuk kepentingan orang ramai. Sekian sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat dari kawasan Bagan pada 22hb Julai 1996 jam 11.16 pagi. Teks Usul itu adalah

seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara itu tertentu dan bagi kepentingan orang ramai, tetapi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Perkara ini boleh dibangkitkan pada bila-bila masa pun, bahkan pada 11hb Julai yang lepas perkara ini telah ditanya oleh pencadang Usul ini di dalam urusan Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut dan pertanyaan itu telah dijawab oleh Timbalan Menteri Kerja Raya.

Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini. (*Tepuk*)

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT TEKNOLOGI MARA (PINDAAN) 1996

#### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pendidikan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**Setiausaha:** Rang Undang-undang Amanah Luar Pesisir Labuan 1996—

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga.**

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Kota Melaka ada apa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng:** On a point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Keberapa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order No. 9.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, No. 9.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, pada hari Isnin saya telah membawa satu perkara kepada Tuan Yang di-Pertua, mengenai kelewatan *Hansard* dibekalkan kepada Ahli-ahli Parlimen di mana ia lewat satu hari, tetapi nampaknya selepas aduan disampaikan kepada Tuan Yang di-Pertua, ia telah lambat sampai 3 hari. *Hansard* untuk hari Isnin kita masih belum terima, sekarang ini sudah hari Rabu. Sungguhpun Tuan Yang di-Pertua telah menyeru kepada pihak kerajaan untuk menyegerakan dan menyelesaikan perkara ini, kerana mengikut kata-kata Tuan Yang di-Pertua, "ini adalah satu perkara mustahak dan Parlimen mesti memainkan peranan untuk negara", tetapi nampaknya pihak kerajaan tidak serius langsung dan perkara ini, di masa ini nampaknya lagi serius. Sampai hari ini sudah tiga hari lewat, kita masih belum dapat *Hansard*. Saya tidak tahu macam mana Ahli-ahli Parlimen boleh menjalankan tugas tanpa *Hansard* yang dibekalkan kepada Ahli-ahli Parlimen. Saya harap kita patut memberikan satu arahan kepada kerajaan supaya jangan main-main dalam perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Baiklah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Berikan *Hansard* kepada Ahli-ahli Parlimen supaya kita boleh menjalankan tugas untuk negara, jangan berkhidmat untuk diri sendiri sahaja. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, kita akan memberi perhatian yang lebih serius, Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG AMANAH LUAR PESISIR LABUAN 1996

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*10.40 pagi.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pewujudan dan pengiktirafan Amanah Luar Pesisir dan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti amanah adalah merupakan salah satu aktiviti penting di pusat kewangan luar pesisir ataupun dengan izin, IOFC, Labuan di samping aktiviti perbankan dan insurans.

Ia pada amnya merupakan suatu perkhidmatan yang digunakan oleh pemilik-pemilik aset untuk melindungi aset mereka dan juga untuk membolehkan aset itu diuruskan dengan sebaiknya oleh pemegang-pemegang amanah bagi faedah pihak-pihak tertentu atau benefisiari yang dinyatakan dalam sesuatu suratcara amanah berkenaan.

Bagi Amanah Luar Pesisir Labuan, ia bertujuan untuk menarik pemilik aset bukan pemastautin untuk menggunakan perkhidmatan pemegang amanah yang berdaftar di IOFC Labuan untuk melindungi dan menguruskan aset mereka bagi faedah benefisiarinya. Dengan demikian, pewujudan Amanah Luar Pesisir Labuan ini akan memberi faedah kepada syarikat-syarikat amanah yang ditubuhkan di IOFC Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, aktiviti perbankan dan aktiviti insurans telah pun mempunyai Akta Luar Pesisir mereka sendiri iaitu Akta Bank Luar Pesisir Labuan 1990 dan Akta Insurans Luar Pesisir Labuan 1990 manakala aktiviti Amanah Luar Pesisir masih lagi belum mempunyai aktanya yang tersendiri.

Dengan demikian, satu akta khusus mengenainya perlu diwujudkan bagi memaju dan mengawal selia aktiviti amanah di IOFC Labuan.

Fasal 7 kepada Rang Undang-undang Amanah Luar Pesisir Labuan itu mentakrifkan Amanah Luar Pesisir sebagai suatu amanah yang dibuat oleh bukan pemastautin yang melibatkan harta takalih di Malaysia. Benefisiari amanah itu hendaklah juga terdiri daripada bukan pemastautin sewaktu amanah itu dibuat dan salah seorang daripada pemegang amanah itu hendaklah terdiri daripada syarikat amanah yang berdaftar di Labuan.

Dengan demikian, rang undang-undang itu secara keseluruhannya menyediakan rangka perundangan mengenai aktiviti Amanah Luar Pesisir di IOFC Labuan bagi menjaga kepentingan semua pihak yang terlibat termasuk pembuat amanah, benefisiari dan pemegang amanah. Ia pada amnya memperkatakan mengenai perkara-perkara berikut:

- (i) prosedur bagi mewujudkan sesuatu amanah dan syarat-syarat sah sesuatu Amanah Luar Pesisir;

- (ii) perihal pembuat amanah;
- (iii) hak dan kepentingan benefisiari;
- (iv) kedudukan dan tanggungjawab pemegang amanah; dan
- (v) peranan Pendaftar Syarikat Amanah.

Sifat-sifat utama Amanah Luar Pesisir yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (i) orang yang layak membuat amanah adalah terdiri daripada bukan pemastautin. Bagaimanapun harta yang diamanahkan boleh termasuk harta takalih di Malaysia sekiranya dibenarkan oleh pihak-pihak berkuasa yang berkenaan di Malaysia;
- (ii) tempoh sesuatu amanah adalah 100 tahun kecuali terdapat tempoh tertentu yang dinyatakan dan terma-terma amanah berkenaan. Ia boleh diperbaharui semula. Tempoh yang diamalkan di negara-negara lain adalah di antara 100 hingga 120 tahun;
- (iii) Amanah Luar Pesisir yang dibuat secara fraud dengan tujuan untuk mengelakkan tuntutan pemiutang adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan tuntutan pemiutang berkenaan;
- (iv) amanah yang melibatkan wang haram tidak dibenarkan dan pihak pemegang amanah dikehendaki melaporkan mengenai harta amanah yang disyaki diperolehi secara haram;
- (v) sesuatu amanah tidak dimestikan berdaftar dengan Pendaftar Amanah. Ini adalah untuk memberi kebebasan kepada pembuat amanah;
- (vi) penalti am tidak melebihi RM10,000 boleh dikenakan ke atas

pihak-pihak yang melanggar peraturan akta kecuali terdapat penalti khusus yang dinyatakan di bawah sesuatu seksyen tertentu;

- (vii) menteri diberi kuasa untuk membuat peraturan di bawah akta dan mengecualikan mana-mana peruntukan akta kepada mana-mana pihak yang berkenaan. Ini adalah untuk memberi fleksibiliti jika didapati sesuai; dan
- (viii) sesuatu amanah adalah diberi perlindungan dari segi kerahsiaannya.

Tuan Yang di-Pertua, draf rang undang-undang itu mengandungi 62 seksyen yang dibahagikan kepada lima bahagian. Antara perkara-perkara yang diperuntukkan dalam bahagian-bahagian tersebut adalah seperti berikut:

- (i) perkara-perkara umum mengenai Amanah Luar Pesisir seperti takrif-takrif dan ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam draf akta, penjelasan mengenai bagaimana wujudnya sesuatu amanah, penjelasan mengenai amanah khairat dan penjelasan mengenai kepentingan seseorang benefisiari;

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

- (ii) pewujudan dan pengiktirafan Amanah Luar Pesisir seperti kelayakan sesuatu Amanah Luar Pesisir, kedudukan Amanah Luar Pesisir yang dibuat dengan tujuan untuk mengelakkan tuntutan pemiutang ke atas pembuat amanah, peraturan-peraturan pendaftaran Amanah Luar Pesisir, tempoh Amanah Luar Pesisir, pengubahan dan pembatalan Amanah Luar Pesisir serta pemindahan Amanah Luar Pesisir daripada Labuan ke pusat luar pesisir yang lain;

- (iii) peruntukan-peruntukan mengenai benefisiari seperti kelayakan, penolakan tuntutan dan kepentingan benefisiari ke atas sesuatu Amanah Luar Pesisir;
- (iv) peruntukan-peruntukan mengenai pemegang amanah seperti prosedur perlantikan, prosedur mengenai penerimaan dan perletakan jawatan, kewajipan, kuasa-kuasa, prosedur mengenai perlantikan pelindung amanah dan perwakilan kuasa, prosedur mengenai pengumpulan dan peruntukan harta amanah, kerahsiaan, liabiliti dan kedudukan Pemegang Amanah yang meletak jawatan atau dipecat;
- (v) peruntukan-peruntukan mengenai Amanah Luar Pesisir seperti prosedur bagi mengubah terma amanah bagi pihak orang yang belum dewasa, kuasa-kuasa am mahkamah mengenai pentadbiran dan pelaksanaan amanah, perlindungan bagi orang-orang yang berurusan dengan Pemegang Amanah, had masa tindakan, penalti berkaitan dengan kesalahan di bawah akta, kuasa mendakwa dan mengkompaun oleh Pendaftar dengan kebenaran Pendakwa Raya serta kuasa menteri untuk membuat peraturan di bawah akta dan mengecualikan mana-mana peruntukan akta kepada mana-mana pihak.

Bahagian V Rang Undang-undang menyediakan peruntukan-peruntukan am mengenai Amanah Luar Pesisir.

Cadangan pewujudan akta induk itu adalah bagi memastikan aset-aset pemilik dapat dilindungi dan diuruskan dengan sebaik mungkin oleh pemegang-pemegang amanah bagi faedah benefisiarinya. Akta itu adalah sesuai dan mencukupi untuk memaju dan mengawal selia aktiviti Amanah Luar Pesisir di IOFC Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pewujudan dan pengiktirafan Amanah Luar Pesisir; dan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Labuan.

*10.50 pagi*

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Amanah Luar Pesisir Labuan 1996.

Pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan kerana telah berjaya membentangkan rang undang-undang ini ke Parlimen yang mana ia telah lama dinanti-nantikan oleh para pelabur ataupun players dalam aktiviti-aktiviti luar pesisir di Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, Labuan telah menjadi pusat kewangan luar pesisir antarabangsa pada tahun 1990 dan akan meraikan tahun keenam, ulang tahunnya menjadi IOFC pada bulan Oktober tahun ini, semenjak ianya telah diisytiharkan hampir 6 tahun yang lalu yang mana telah menjadikan Labuan ataupun menukar wajah Labuan daripada sebuah pulau di pinggiran ataupun sebuah pulau yang tidak begitu dikenali. atau dengan izin, the back of Malaysia, menjadi sebuah pusat yang sudah mula berkembang maju di Malaysia Timur dengan berbagai-bagai projek, termasuklah pembangunan ujana

kewangan (financial park), the earth satelit station, fiber optic cable, hospital dan juga beberapa buah hotel yang bertaraf antarabangsa.

Sejumlah wang dan tenaga manusia telah pun ditumpukan di Wilayah Persekutuan Labuan khusus untuk menjadikannya sebagai sebuah pusat atau menjadi sebuah full place international off-shore financial centre yang telah pun memakan belanja lebih kurang RM2.5 bilion yang kebanyakannya dikeluarkan atau dibelanjakan oleh pihak swasta. Ini adalah merupakan, bagi saya, suatu confident, daripada para pemain dalam industri ini dan juga rakyat Malaysia yang menyokong sepenuhnya hasrat kerajaan untuk menjadikan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir antarabangsa yang terkenal.

Tuan Yang di-Pertua, Fasa I adalah merupakan basic bagi saya ialah pengwujudan, dengan izin, hard infrastructural project, yang saya sebutkan sebentar tadi telah pun hampir selesai dan Labuan juga telah menyediakan, soft infrastrukturnya, dengan izin, dalam bentuk latihan dan juga menyediakan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan yang kompetitif dan komprehensif dari segi legislature atau lagislationnya. Maka bagi saya, pembentangan Rang Undang-undang Amanah Luar Pesisir Labuan, 1990 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi adalah merupakan satu lagi usaha kerajaan dalam menyediakan soft infrastructure bagi membolehkan Labuan lebih efisien dan berdaya saing sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir yang terkenal di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan rang undang-undang ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang beberapa soal pokok. Pertama, saya ingin bertanya apakah perbezaan utama di antara Akta

Amanah Luar Pesisir Labuan 1996 dengan Pendaftaran Amanah dengan Pendaftar Syarikat (ROC) dalam bentuk domestic trust yang ada pada hari ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya begitu tertarik dan berpuas hati tentang beberapa peruntukan yang telah disediakan di dalam rang undang-undang ini, pertamanya, seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi ialah tentang optional, pendaftaran sukarela bagi mana-mana amanah yang dibuat oleh settler melalui undang-undang ini yang mana menjadikan Labuan adalah antara yang, one of the few, dengan izin, di dunia ini yang membenarkan pendaftaran optional ini dibuat bagi mana-mana trust. Dan ini adalah merupakan satu peruntukan yang amat menarik bagi saya, kerana seperti yang disebutkan, setiap amanah yang ditubuhkan itu mempunyai tujuan-tujuan tertentu dan setiap amanah yang ditubuhkan itu kebanyakannya ialah bagi melindungi kepentingan settler ini ataupun beneficiary kepada trust ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan membenarkan pendaftaran ini didaftarkan dengan lembaga iaitu Lembaga LOFSA (Labuan Off-Shore Financial Services Act) yang mana ditadbir oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan dan tidak didaftarkan dengan Pendaftar Syarikat adalah lebih memudahkan dan menyenangkan bagi pemain dalam sektor ini di Labuan dan dapat dibuat dengan mudah dan ianya juga, bagi saya, bila diberikan kuasa atau diberikan pengecualian untuk didaftar atau tidak, maka ini lebih menarik dan memberikan confident kepada settler yang ingin membuat amanah di sana.

Perkara yang ketiga, ialah mengenai setiap amanah yang ditubuhkan di Labuan nanti adalah dibenarkan melalui rang undang-undang ini untuk melabur di dalam pasaran saham negara kita dan ini adalah

suatu usaha yang amat baik kerana ianya akan lebih memberikan confident, ianya akan lebih membuka serta meningkatkan aktiviti-aktiviti pasaran modal di negara kita ini bila setiap amanah yang dibuat di Labuan dibenarkan untuk melabur di pasaran saham negara kita ini—merupakan satu lagi provision di dalam undang-undang ini, menjadikan Labuan akan lebih menarik kepada pelabur.

Perkara keempat dalam rang undang-undang ini, yang merupakan suatu provision yang juga menarik, ialah membenarkan setiap amanah yang ditubuhkan di pusat-pusat kewangan luar pesisir lain di dunia ini untuk didaftarkan di Labuan dan vise-verse ataupun setiap syarikat amanah yang berdaftar di Labuan juga boleh mendaftar ataupun boleh didaftarkan di mana-mana pusat kewangan luar pesisir di dunia ini. Bagi saya ini juga akan dapat mempertingkatkan aktiviti perniagaan di Labuan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, mungkin tertinggal atau ada sebab-sebab lain, saya tidak dapat melihat dan saya tidak dapat menangkapnya, dalam Seksyen 62, Rang Undang-undang ini, dari segi pengecualian yang dibuat. Saya ingin menyentuh soal ini kerana ada satu enakmen yang dinamakan trustee in-corporation enactmen 1991 bagi negeri Sabah, tidak disebutkan di sini untuk dikecualikan. Jadi saya ingin mendapat penjelasan, mengapa ini tidak dikeluarkan daripada rang undang-undang ini. Apakah ianya masih terpakai, kerana Labuan hanya menjadi Wilayah Persekutuan pada tahun 1984 dan undang-undang ini berkuatkuasa semenjak 1991. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan sama ada ianya dikeluarkan atau masih diguna pakai untuk tujuan undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 ataupun OCA



yang mana telah melarang warganegara Malaysia menjadi pemegang saham syarikat-syarikat yang beroperasi di luar pesisir Labuan dan juga syarikat luar pesisir ini juga tidak dibenarkan untuk menjalankan apa-apa urusan niaga dengan rakyat Malaysia yang bermastautin di Malaysia. Ini di bawah peruntukan seksyen 7(3)(a) di dalam Akta Syarikat Luar Pesisir 1990.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah pelaburan di Pusat Kewangan Luar Pesisir menunjukkan yang kebanyakan aktiviti-aktiviti luar pesisir ini mempunyai persamaan dalam menggalakkan pelaburan ataupun menarik para pelaburnya ialah dari segi lokasi. Contohnya, Bahamas, Cayman Island, Channel Islands dan Miami, Florida. Ini bagi saya, sehingga kini menunjukkan bahawa tumpuan di Labuan adalah merupakan industri perbankan luar pesisir, dan kebanyakan bank-bank luar pesisir ini lebih menumpukan kepada pasaran domestik dalam memasarkan produk-produk dan perkhidmatan mereka. Namun, tumpuan ini tidak memberikan apa-apa kesan kepada ekonomi tempatan ataupun ekonomi Labuan. Mungkin ini kerana perbankan tidak memerlukan ramai kakitangan di Labuan untuk beroperasi. Apa yang kita perlukan ialah suatu aktiviti atau pekerjaan untuk menggalakkan lebih ramai penghijrahan ke Labuan dan pembangunan ekonomi di Labuan itu dapat dirangsang dan dapat diberikan perhatian oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, potensi Labuan masih belum berkembang, walaupun ekonomi Malaysia bertambah, syarikat yang didaftarkan di Malaysia yang berusaha untuk beroperasi di dalam dan di luar negara dan mereka lebih menggunakan perkhidmatan luar pesisir untuk membentuk pelaburan di luar negara sekiranya mereka ini dibenarkan mendaftar di Labuan. Persoalannya, apakah kerajaan, apakah kementerian akan menimbang

supaya para pelabur pemastautin Malaysia dibenarkan membuka syarikat dalam jurisdiction Labuan sebagai IOFC ini untuk beroperasi di luar daripada negara kita ini? Ini sekurang-kurangnya akan dapat memberikan pulangan kepada negara kita daripada mereka terus melabur dan terus menggunakan jurisdiction lain selain daripada Labuan. Jadi, apakah kerajaan boleh menimbang perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, mungkin akta yang sedia ini mereka tidak boleh dibenarkan beroperasi. Takut mungkin kerajaan akan kerugian akibat daripada kekurangan pendapatan dan sebagainya. Jadi, kebanyakan perniagaan, contohnya syarikat yang didaftarkan di Malaysia ini boleh dibenarkan mengurus niaga, boleh membantu sedikit-sebanyak menjadikan Labuan lebih produktif.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan persaingan di antara pusat-pusat luar pesisir adalah amat tinggi, kerana semua pusat-pusat yang menyediakan perkhidmatan seperti ini mempunyai jurisdiction dan perundangan serta infrastruktur yang terbaik untuk menarik pemainnya di sana. Kita seharusnya memberikan atau memikirkan cara untuk menggalakkan lebih ramai para pelabur secara domestik dan juga internasional untuk melibatkan diri di Labuan. Saya menyanjung baik usaha kerajaan baru-baru ini untuk menubuhkan sebuah syarikat reinsurance antarabangsa di Labuan. Ini sedikit-sebanyak dapat mengawal pengaliran keluar tukaran asing daripada negara kita ini yang berbentuk 'invisible' ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan sedikit cadangan kepada kerajaan, khususnya Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab atas pembangunan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan. Yang pertama, ialah pihak kerajaan dapat membenarkan rakyat Malaysia mempunyai saham di dalam

syarikat yang didaftarkan di Labuan ataupun dengan kata-kata pendeknya membenarkan warganegara Malaysia terlibat di dalam Syarikat Luar Pesisir Labuan.

Saya difahamkan cadangan ini pernah dibuat dan telah ditolak oleh kerajaan kerana penubuhan awal IOFC ini katanya adalah untuk menggalakkan rakyat bukan Malaysia untuk menjalankan aktiviti-aktiviti luar pesisir di Labuan. Tetapi minat kepastian mengapakah saya ingin tahu kalau ini menjadi alasannya, kenapa pula kerajaan di peringkat awal juga telah memberikan kebenaran kepada syarikat bank dan insurans serta syarikat amanah dari segi pegangan sahamnya dibenarkan dimiliki oleh warganegara Malaysia? Ini bagi saya mempunyai beberapa kebaikan. Yang pertama, untuk membuktikan bahawa kata-kata yang mengatakan Malaysia mempunyai pusat kewangan luar pesisir tetapi pihak penguasa tidak mempunyai apa-apa kontrol adalah tidak benar sekiranya warganegara Malaysia dibenarkan untuk membuka syarikat luar pesisir di Labuan. Syarikat ini akan dikawal selia oleh undang-undang Luar Pesisir dan undang-undang Malaysia. Pelaksanaannya menjadi lebih mudah kerana syarikat ini adalah syarikat Malaysia dan menjadikannya lebih senang untuk memastikan aktiviti-aktiviti yang halal sahaja boleh dilakukan di Labuan.

Yang kedua, dari segi 'transfer pricing' sekiranya ini dilaksanakan, maka transfer pricing, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bolehlah dilakukan di Malaysia dengan syarikat luar pesisir yang dimiliki oleh warganegara Malaysia.

Yang ketiga, Kerajaan Malaysia tidak akan mendapat apa-apa keuntungan daripada Syarikat Luar Pesisir yang didaftarkan oleh rakyat Malaysia kerana undang-undang Malaysia 'base on the right and the remittance basis'. Tetapi syarikat milik Malaysia, rakyat Malaysia

yang berdaftar di Labuan nanti akan menyumbangkan kepada tabung perbendaharaan kita melalui berbagai-bagai cara. Boleh saya sebutkan di antaranya ialah fees pembayaran sekiranya syarikat ini didaftarkan sebagai Syarikat Luar Pesisir melalui annual fees sebagai bayaran untuk memastikan perjalanan Syarikat Luar Pesisir ini berjalan dengan baik, cukai di bawah Labuan Off-shore Basis Activity, dan cukai terhadap gaji pekerja, cukai terhadap keuntungan syarikat trust dan syarikat profesional dan cukai kepada keuntungan syarikat tempatan yang menyumbang kepada pembangunan infrastruktur di Labuan. Ini adalah di antara sumbangan yang boleh kita kutip sekiranya rakyat Malaysia dibenarkan untuk menjadi pemegang saham dalam syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan.

Jadi, saya mengharapkan Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memikirkannya ataupun kerajaan dapat menimbangkan soal-soal ini supaya Labuan lebih aktif dengan aktiviti-aktiviti luar pesisir.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga ingin membangkitkan beberapa isu yang mana kementerian ini adalah bertanggungjawab di atas perjalanan, yang pertamanya, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir (LOFSA).

Tuan Yang di-Pertua, LOFSA dari segi keahlian jemaah pengarahnya adalah terdiri daripada beberapa ahli-ahli profesional yang menganggotai ahli-ahli lembaga ini dan saya cuma ingin menarik perhatian kementerian supaya dapat menimbangkan untuk melantik salah seorang daripada syarikat-syarikat atau mereka yang benar-benar terlibat dalam aktiviti-aktiviti amanah luar pesisir ini. Misalnya hari ini ada wakil daripada syarikat perakaunan, ada wakil daripada syarikat perbankan, tetapi tidak ada wakil

yang duduk sebagai ahli lembaga yang terdiri daripada mereka yang benar-benar terlibat di dalam aktiviti amanah luar pesisir ini. Jadi, diharapkan pihak kementerian dapat menimbangkan atau dapat menambah lagi keahliannya supaya apa jua permasalahan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat amanah di Labuan ini dapat diatasi dengan cepat sekiranya mereka duduk sebagai ahli lembaga penarah di dalam LOFSA ini.

Saya mempunyai keyakinan bahawa LOFSA akan dapat melaksanakan tanggungjawabnya seperti yang diperuntukkan dalam rang undang-undang —LOFSA yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk memasarkan serta menjadikan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir. Cuma saya ingin bertanya semenjak ianya ditubuh di Labuan, sejauh manakah aktiviti-aktiviti pemasarannya dilakukan di luar negara? Kerana saya mengikuti perkembangan sebelum LOFSA ditubuhkan beberapa lawatan pemasaran ataupun road-show dilakukan sebelum LOFSA ditubuhkan untuk menarik pelabur-pelabur antarabangsa datang ke Labuan, tetapi setelah LOFSA ditubuhkan, saya belum lagi mendengar aktiviti-aktiviti ini diteruskan dan saya melihat infrastrukturnya telah pun sedia ada. Ujana kewangannya sudah siap dibangunkan dan walaupun lebih daripada 50% bangunan ini masih kosong, jadi kita mengharapkan LOFSA dapat bergerak lebih aktif untuk menarik lebih ramai pelabur datang ke Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Lembaga Pembangunan Labuan kerana Lembaga Pembangunan Labuan ini juga adalah mempunyai hubung kait di bawah pentadbiran Kementerian Kewangan. Yang pertama ialah dari segi kakitangan. Saya dapati hari ini Lembaga Pembangunan Labuan kehilangan beberapa orang kakitangan penting (key

personnel) dalam Lembaga Pembangunan Labuan yang sehingga hari ini belum lagi digantikan oleh pegawai-pegawai yang baru khususnya dalam bidang pembangunan ataupun bahagian pembangunan yang masih kekurangan bukan sahaja pegawai tertinggi tetapi pegawai sokongan seperti engineers, arkitek dan sebagainya. Dan bila ini berlaku, maka wujudlah kompelin-kompelin daripada pihak awam dan para pelabur di Labuan kerana untuk mengadakan sesuatu untuk mendapatkan kelulusan pembangunan dan sebagainya memakan masa yang lama. Ini adalah disebabkan tidak ada pegawai yang bertanggungjawab untuk meluluskan ataupun mempertimbangkan permohonan ini di dalam Lembaga Pembangunan Labuan. Jadi, saya mengharapkan supaya kementerian dapat melihat supaya Lembaga Pembangunan Labuan mempunyai kakitangan yang mencukupi supaya segala aktiviti ataupun urusan-urusan yang dipertanggungjawabkan kepada LDA ini tidak akan terjejas. Kerana sekiranya pembangunan tidak dapat berjalan dengan licin, maka para pelabur akan kehilangan kepercayaan tentang pembangunan Labuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga, saya ingin menarik perhatian Kementerian Kewangan tentang kedudukan serta perlantikan Ahli Lembaga Pembangunan Labuan. Yang pertama, apabila LOFSA ditubuhkan, maka tanggungjawab Lembaga Pembangunan Labuan untuk membangunkan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir telah pun dipindahkan kepada LOFSA ataupun tanggungjawab LDA untuk membangunkan Labuan sebagai pusat kewangan sudah diambil alih oleh LOFSA dan LDA secara aktiviti ini hanya menumpukan soal-soal pembangunan Labuan, development activities, dengan izin, dan juga usaha-usaha untuk membangunkan Labuan sebagai sebuah

pusat pelancongan. Jadi, LDA cuma mempunyai dua fungsi dan juga pelesenan di dalam bahagian pelancongan dan juga aktiviti kerajaan tempatan iaitu pengeluaran lesen-lesen dan sebagainya.

Maka dengan itu, saya melihat perlunya ada, bila kita mengatakan LDA bertanggungjawab tentang pembangunan Labuan, maka sepatutnya ada ahli lembaga pengarah yang terdiri daripada anak tempatan ataupun pegawai-pegawai yang memang mahir tentang pembangunan Labuan dilantik sebagai ahli lembaga pengarah supaya segala kepentingan yang melibatkan warga Labuan ini akan dapat terpelihara dan akan mendapat pembelaan dan saya melihat apabila salah satu daripada kuasa LDA ini telah dipindahkan kepada LOFSA, saya tidak melihat apakah rasionalnya masih lagi ada wakil daripada bank swasta menjadi Ahli Lembaga Pengarah dalam LDA ini.

Saya tidak mempersoalnya sekiranya wakil daripada bank swasta ini duduk sebagai ahli lembaga pengarah dalam LOFSA tetapi dalam LDA saya melihat sudah tidak ada keperluan mengapa wakil daripada bank swasta ini masih perlu duduk sebagai ahli lembaga pengarah dalam Lembaga Pembangunan Labuan ini. Dan bagi saya adalah lebih appropriate, dengan izin, sekiranya wakil Labuan itu duduk dalam LDA. Memang pada masa yang lalu ada wakil daripada Labuan tetapi kini sudah tidak lagi dilantik untuk duduk dalam ahli Lembaga Pembangunan Labuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh bahawa saya telah diberitahu kerajaan telah pun mengarahkan supaya pihak MAMPU untuk mengkaji tentang kedudukan pentadbiran yang ada di Wilayah Persekutuan Labuan yang mana kini kita mempunyai jabatan/kementerian di Labuan yang bertanggungjawab tentang pembangunan Labuan iaitu Lembaga

Pembangunan Labuan, Majlis Perbandaran Labuan dan juga Jabatan Perdana Menteri di bahagian Kemajuan Wilayah. Dengan kewujudan ketiga-tiga agensi kerajaan ini, bagi saya ianya banyak mendatangkan kelemahan daripada kekuatan.

Jadi, saya bersetujulah kalau misalnya pihak kerajaan bercadang untuk mencantumkan ketiga-tiga agensi yang ada ini di bawah satu bumbung untuk mentadbir Labuan dalam bentuk pembangunannya kerana Jabatan Perdana Menteri bertujuan untuk membangunkan Labuan di bawah Bahagian Kemajuan Wilayah; Lembaga Pembangunan Labuan bertanggungjawab untuk pembangunan infrastruktur Labuan dan juga sektor pelancongannya. Majlis Perbandaran Labuan juga bertanggungjawab tentang aktiviti kerajaan tempatan di Labuan.

Semuanya ini tertumpu kepada aktiviti-aktiviti fizikal bagi Wilayah Persekutuan, Labuan. Jadi, sekiranya hanya satu agensi sahaja untuk mentadbirkan Labuan, maka lebih senang, kerana kita mempunyai 'distinct demarcation', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di antara aktiviti luar persisir dengan aktiviti-aktiviti infrastruktur Labuan itu sendiri. Jadi, tidak perlu ada tiga agensi kerajaan dan di bawah seorang yang menjadi pentadbirnya. Satu kepala hendak jaga tiga aktiviti ini bagi saya lebih mendatangkan banyak inefficiencies daripada efficiencynya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya perkara ini berlaku, segala aktiviti Jabatan Perdana Menteri boleh dibuat oleh sebuah agensi, misalnya Majlis Perbandaran Labuan juga boleh mengendalikan perkara ini, seperti apa yang berlaku dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, cuma dari segi kuasa ketua pengarah itu janganlah terlalu kuat sangat ataupun terlalu banyak diberikan kepada ketua pengarahnya sehingga advisory boardnya tidak

mempunyai kuasa. Jadi, kalau boleh Labuan kita ubah suai sedikit supaya sekurang-kurangnya ada perwakilan daripada badan-badan tertentu untuk mentadbirkan agensi ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang perlu saya bangkitkan dalam membahaskan rang undang-undang ini. Sekali lagi, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerana membentangkan rang undang-undang ini.

Sekian, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

*11.33 pagi.*

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat dari Labuan, yang telah membahaskan rang undang-undang ini dengan panjang lebar dan kenalah pada tempatnya beliau mempunyai kepentingan Labuan, bukan kepentingan dirinya, kerana beliau sahajalah Ahli Parlimen dari Labuan.

Saya ingin menjawab dan menerima cadangan beliau, juga ingin saya menyatakan mengenai dengan akta ini dahulu, yang mana Yang Berhormat membangkitkan Fasal 62 yang menyatakan peruntukan-peruntukan Akta Pemegang Amanah 1949 dan lain-lain Akta Kerajaan Persekutuan tidaklah terpakai bagi Amanah Luar Persisir, yang diwujudkan dengan sah atau dikuatkuasakan atau didaftarkan di bawah akta ini, yang mana ianya tidak termasuk apa Yang Berhormat sebut tadi Enactment Trustee Corporation Sabah.

Untuk menyelesaikan masalah ini, bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Fasal

62 hanya menyentuh undang-undang persekutuan sahaja, kerana kedudukan rang undang-undang ini berhadapan dengan Rang undang-undang Persekutuan yang lain perlu diperjelaskan. Jadi, yang disebut dalam Seksyen 62 ini ialah undang-undang persekutuan.

Sebab akta ini tidak menyebut undang-undang negeri, yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ialah kerana kedudukannya adalah jelas, apa-apa yang bercanggah dengan undang-undang persekutuan iaitu perkara di dalam rang undang-undang negeri yang bercanggah dengan rang undang-undang persekutuan adalah dengan tersendiri tidak sah. Sebab itu tidak masuk dalam ini dan peruntukan ini adalah diberi termaktub dalam Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan. Jadi, tidak perlulah kita masukkan dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Labuan telah menyebut beberapa perkara seperti Seksyen 7 dan yang penting, Yang Berhormat sebut tadi ialah, saya ambil yang penting dahulu, iaitu mengenai dengan kedudukan akta ini.

Untuk pengetahuan dan untuk maklumat pada Dewan yang mulia ini, sebenarnya akta ini sepatutnya dibuat dua tahun dahulu bersama dengan Akta Perbankan dan Akta Insurans. Tetapi ianya dibuat sekarang kerana kesuntukan masa, dahulu banyak masalah yang ditimbulkan, tetapi ingin saya nyatakan akta ini dimodelkan kepada 'Jersey Trust Act' 1984 kerana 'Jersey trust Act' ini mempunyai beberapa perkara yang tidak dianggap liberal. Kerana Yang Berhormat sebut tadi, kalau hendak dimodelkan seperti di bawah Akta Bahamas, Cayman, Channel Island, khususnya Cook Island, kebanyakan akta-akta itu terlalu liberal, yang membolehkan perbuatan-perbuatan yang dari segi etika kenegaraan kita tidak menerimanya. Misalnya di Cook Island dibenarkan penggunaan wang haram, yang

mana kita tidak membenarkan. Satu daripada cara-cara kita tidak membenarkan penggunaan wang haram ialah kita tidak membenarkan apa-apa pelaburan ataupun harta yang hendak diamanahkan itu dibuat di dalam bentuk cash, kalau hendak menggunakan wang mestilah melalui saluran-saluran yang boleh dengan izin, di 'trace', cash kita tidak beri.

Yang pertama, kita mempunyai jaringan-jaringan intelligence yang tertentu untuk memastikan bahawa harta-harta yang diamanahkan oleh bukan pemastautin yang akan dimanfaatkan oleh orang bukan pemastautin itu adalah harta-harta yang tidak haram. Jadi, di sini kita perlu mengetatkan sedikit, walaupun pada awalnya Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Labuan tadi mungkin terjejas, iaitu kebolehan kita bersaing dengan pusat-pusat lain. Tetapi apa Yang Berhormat bimbang ataupun takut, persoalan yang penting, ialah apa yang dapat dimanfaatkan oleh negara khususnya Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, negara dapat memanfaatkan melalui misalannya beneficiaries kena bayar cukai kepada Kerajaan Persekutuan.

Yang kedua, syarikat amanah yang ada 14 itu pun kena bayar cukai kepada Kerajaan Persekutuan dan juga seperti Yang Berhormat sendiri iaitu kebolehan pusat-pusat ini melabur di dalam KLSE. Jadi, dari segi kemudahan-kemudahan itu ianya akan dapat membantu ekonomi negara dan hasil daripada pendapatan itu boleh kita salur balik kepada Labuan Development Agency untuk membantu pembangunan Labuan sendiri dan juga di lain-lain tempat seperti di Kedah, di Kelantan, di Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga bertanya mengenai apakah perbezaan di antara syarikat amanah yang ditubuhkan di bawah ROC dengan syarikat-syarikat amanah yang ditubuhkan di bawah LOFSA

yang kita bawa dalam akta ini? Ingin saya nyatakan ada empat ciri yang penting. Syarikat amanah yang kita maksudkan di dalam akta ini adalah untuk bukan pemastautin sahaja iaitu settlornya bukan pemastautin dan beneficiarynya bukan pemastautin.

Yang ketiga, harta adalah bukan dari Malaysia dan kebanyakan harta yang boleh diamanahkan bukan dari Malaysia, tetapi keadaan-keadaan tertentu harta takalih dari Malaysia boleh dimasukkan dengan syarat ianya mendapat approval, dengan izin daripada badan-badan tertentu seperti FIC dan dengan syarat menteri membolehkannya.

Yang keempat, kerahsiaan. Itu yang penting kerana di dalam akta, di bawah ROC ataupun di dalam syarikat-syarikat ROC ciri-ciri ini tidak begitu ditekankan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga mencadangkan beberapa cadangan yang boleh kita pertimbangkan, tetapi Ahli Yang Berhormat pastikan yang pentingnya Labuan itu sendiri dan beliau telah memasuki beberapa cadangan untuk LOFSA bagi dirombak semula lembaga....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat masa sudah suntuk. Yang Berhormat diminta sambung pada petang ini.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.45 petang.

*Mesyuarat ditempohkan pada pukul 11.30 pagi.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 2.45 petang.*

(Tuan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)

**RANG UNDANG-UNDANG  
AMANAH LUAR PESISIR  
LABUAN 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, sila sambung jawapan.

2.45 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, pada pagi tadi saya telah selesai menjawab mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan mengenai dengan akta yang dibentangkan.

Pada petang ini, saya akan mengambil masa sedikit lagi untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai dengan LOFSA dan LDA yang dikaitkan di dalam perbahasan Ahli Yang Berhormat dari Labuan.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan telah bertanya tadi apakah tindakan yang telah diambil oleh LOFSA selepas penubuhannya di dalam usaha mempromosi LOFSA ke dunia?

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini segala promosi yang dibuat adalah dibuat oleh pihak MIDA di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang telah menjalankan usaha promosi di dalam bentuk road-show dan lain-lain lagi dan ianya terus berjalan sehingga tahun 1997 yang mana LOFSA sendiri akan mengambil alih fungsi ini.

Buat masa ini untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, LOFSA bagi dirinya telah pun mengadakan usaha untuk memperkenalkan dirinya ke pasaran dunia melalui penulisan-penulisan untuk media

antarabangsa dahulu. Pada tahun hadapan, insya-Allah, road-show dan lain-lain usaha promosi besar-besaran akan diambil alih oleh LOFSA sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan iaitu di dalam LDA yang mana dikatakannya berlaku penindihan fungsi pembangunan fizikal di mana LDA, Jabatan Perdana Menteri dan juga Majlis Perbandaran Labuan menjalankan usaha-usaha yang bertindih yang mungkin ini menunjukkan ataupun menghasilkan efisiensi yang kurang ataupun yang rendah tahapnya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Akta LDA, tidak ada peruntukan untuk menggabungkan ketiga-tiga ini di dalam satu struktur yang mana fungsi-fungsi ini dapat dimasukkan di bawah unit-unit. Insya-Allah, pihak kerajaan akan mengkaji masalah ini yang mana jikalau didapati bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, khususnya di dalam soal efisiensi dan soal pertindihan, pihak kerajaan akan mengambil kira dan jika perlu pindaan akta LDA akan dilakukan demi kepentingan pembangunan LOFSA dan seterusnya pembangunan Labuan, yang mana Yang Berhormat dari Labuan merupakan Ahli Parlimen yang ulung dan yang tunggal dia seorang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, perkara akhir sekali Yang Berhormat dari Labuan telah pun membangkitkan mengenai dengan keanggotaan di dalam Lembaga Pengarah LDA dan juga LOFSA. Ini pun akan diambil kira, khususnya, beliau mengatakan bahawa wakil dari bank-bank tidak perlu lagi duduk dalam LDA dan perlu digantikan oleh anak-anak tempatan yang berkeelayakan. Saya pun dari segi ini, ini adalah satu cadangan yang logik yang mana anak tempatan, khususnya Yang Berhormat sendiri boleh menduduki di dalam lembaga itu—jikalau ini

dibenarkan oleh pihak kerajaanlah. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, segala cadangan bernas yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan akan diambil perhatian dan jika ada mana yang saya tertinggal, saya harap pihak Yang Berhormat akan dapat membangkitkannya sekali lagi kepada saya secara persendirian dan kita akan cuba melakukan apa sahaja untuk memastikan bahawa LDA, LOFSA akan menjadi dua wahana yang baik untuk pembangunan Labuan dan negara seterusnya.

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sudah habiskah?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Belum, belum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum lagi?

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Penjelasan. *(Ketawa)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jalan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tahulah tetapi bunyi cakapan dia itu macam sudah habis. *(Ketawa)*

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Pagi tadi saya bangkitkan soal keahlian dalam LOFSA yang mana tidak mengambil kira mereka yang terlibat secara aktif dalam aktiviti amanah luar pesisir ini, yang tidak mempunyai wakil dalam LOFSA. Maka, saya rasa, oleh kerana aktiviti amanah adalah merupakan ko-aktiviti dalam mana-mana aktiviti

keuangan luar pesisir ini, saya kira kalau misalnya ada wakil daripada agensi insurans dan juga bank-bank luar pesisir, saya kira adalah logik sekiranya mereka yang terlibat secara langsung dalam aktiviti amanah ini juga ditimbang untuk menganggotai lembaga atau ahli jemaah pengarah LOFSA ini.

Perkara kedua, mungkin tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyentuh soal pertindihan fungsi yang telah dijalankan oleh agensi kerajaan, khususnya Lembaga Pembangunan Labuan, Majlis Perbandaran Labuan dan juga Jabatan Perdana Menteri di Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan. Banyak aktiviti yang selama ini, khususnya dalam pembangunan infrastruktur dilaksanakan oleh Jabatan Perdana Menteri di bawah Bahagian Kemajuan Wilayah dan soal-soal pembangunan yang dimajukan oleh pihak swasta dari segi pentadbiran, dari segi kelulusan, perancangan dan sebagainya adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Pembangunan Labuan.

Saya melihat, termasuklah aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Labuan selaku kerajaan tempatan, ianya boleh disatukan di bawah satu agensi baru ataupun yang sedia ada yang mana lebih baik difikirkan oleh kerajaan supaya tidak ada pertindihan dan tidak terlalu banyak agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan Labuan itu secara khusus, lebih baik kita wujudkan sebuah agensi yang bertanggungjawab kepada keseluruhan pembangunan Labuan. Maka, seperti yang saya cadangkan tadi, supaya diwujudkan satu agensi sahaja di mana kita dapat menyatukan ketiga-tiga aktiviti agensi kerajaan ini di bawah satu bumbung supaya ianya lebih efisien. Itulah sedikit sebanyak dan saya minta penjelasan.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju sangat mengenai dengan cadangan ataupun



saranan Yang Berhormat Labuan mengenai dengan keanggotaan anggota dari industri bank, insurans dan amanah, malah di Labuan kita sekarang ada 14 syarikat amanah yang ditubuhkan dan juga syarikat-syarikat peguam yang menjalankan kerja-kerja amanah ini. Ini akan diambil kira, insya-Allah, di hari muka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan LDA, LDA sendiri boleh merupakan agensi induk itu tetapi malangnya tidak ada peruntukan. Di dalam pengetahuan saya, agensi-agensi pembangunan wilayah (regional development agency) di sesetengah agensi ini telah memansuhkan fungsi-fungsi agensi line yang mana dimasukkan (diserapkan) ke dalam unit agensi pembangunan wilayah. Kemungkinan itu adalah wujud di dalam kes LDA ini dan sepertimana yang saya katakan tadi, pihak kerajaan melalui MAMPU akan mengkajikannya dan jika perlu, kita akan adakan pindaan membolehkan satu pembentukan struktur pentadbiran yang efisien dan yang lebih menguntungkan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ucapan saya untuk membalas perbahasan yang dibuat oleh Yang Berhormat wakil dari Labuan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 62* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*3.00 ptg.*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) mempunyai akta penubuhannya sendiri sejak tahun 1983. Walau bagaimanapun, akta penubuhan itu tidak mempunyai peruntukan yang khusus bagi membuat dan melaksanakan peraturan tatatertib secara yang lebih teratur. Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang pada masa ini menerima pakai Perintah Am (Bab D) dan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 terhadap kakitangan perkhidmatannya. Melalui resolusi yang dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang serta dipersetujui oleh menteri di bawah kuasa am yang diberikan dalam akta berkenaan kepada menteri bagi membuat peraturan-peraturan

yang diperlukan dalam pengurusan badan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, peraturan tatatertib yang sedia ada tidak begitu lengkap. Antara kelemahan-kelemahannya ialah:

- (i) punca kuasa peraturan tatatertib tidak dinyatakan;
- (ii) peraturan berkenaan penubuhan dan perjalanan Jawatankuasa Tatatertib dan Rayuan Tatatertib tidak disediakan;
- (iii) tidak ada peruntukan mengenai surcaj;
- (iv) tidak ada peruntukan mengenai pegawai-pegawai yang dikenakan perintah tahanan, sekatan kediaman dan sebagainya; dan
- (v) terdapat peraturan yang tidak konsisten dengan Perintah Am (Bab D) dan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Tuan Yang di-Pertua, maka untuk melengkap dan mengemaskinikan Peraturan-peraturan Tatatertib (Pindaan) kepada Akta Ibu adalah perlu untuk membolehkan PERDA membuat Peraturan Tatatertib. Pindaan ini adalah untuk memasukkan peruntukan-peruntukan baru ke dalam akta. Peruntukan baru yang dicadangkan bertujuan membolehkan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang membuat peraturan-peraturan berhubung dengan kelakuan dan tatatertib. Peruntukan-peruntukan sedemikian akan membolehkan Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib ditubuhkan, juga peruntukan-peruntukan bagi kesalahan dan hukuman tatatertib diadakan.

Peruntukan baru juga dimasukkan bagi membolehkan Lembaga Kemajuan

Wilayah Pulau Pinang mengenakan surcaj terhadap pegawai-pegawai dan pengkhidmat yang cuai atau tidak menunjukkan accountability dalam urusan kewangan, perakaunan dan pengurusan harta.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang perlu mempunyai Peraturan Tatatertib supaya proses tindakan tatatertib ke atas pegawai dan pengkhidmatnya dapat dibuat dengan lebih teratur dan mengikut peraturan bagi mengelakkan penganiayaan dan ketidakadilan ke atas pegawai yang terlibat. Peraturan Tatatertib yang sedia ada perlu dipinda bagi mengelakkan kesasihannya dicabar oleh mana-mana pihak. Dengan itu, pindaan dibuat dalam Akta Ibu bagi memberi kuasa kepada Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dengan kelulusan Menteri untuk membuat peraturan-peraturan tatatertib. Peraturan-peraturan Tatatertib yang dibuat di bawah seksyen tersebut meliputi peraturan mewujudkan kesalahan tatatertib, hukuman tatatertib serta prosiding tatatertib.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 17, seksyen-seksyen berikut:

Seksyen 17A, peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Tatatertib bagi kategori berlainan pegawai atau pengkhidmat-pengkhidmatnya.

Seksyen 17B, peruntukan membenarkan rayuan dibuat kepada menteri atau Lembaga Rayuan Tatatertib mengikut mana yang berkenaan terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib.

Seksyen 17C, peruntukan bagi memberi kuasa kepada Lembaga dengan kelulusan Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengadakan peruntukan mengenai kesalahan dan hukuman tatatertib.

Seksyen 17D, E, F, G dan H adalah peruntukan berhubung dengan pengenaan surcaj terhadap mana-mana pegawai yang sedang atau telah bekerja dengan Lembaga dan surcaj kepada Pengurus Besar serta komposisi pihak berkuasa Lembaga bagi maksud tindakan surcaj yang berkaitan.

Dengan adanya peruntukan-peruntukan tersebut dalam Akta Ibu, peraturan-peraturan tata tertib yang khusus dapat diadakan oleh Lembaga dan membolehkan proses tindakan tata tertib ke atas pegawai dibuat dengan teratur dan mengikut peraturan serta mengelakkan ketidakadilan ke atas pegawai yang terlibat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada sokongan?

**Dato' Dr. Affiuddin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Bagan.

3.06 ptg.

**Tuan Lim Hock Seng (Bagan):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang atau dikenalkan sebagai PERDA.

Tuan Yang di-Pertua, PERDA ditubuh untuk menolong rakyat, terutama sekali orang-orang luar bandar membangunkan ekonomi dan taraf sosial mereka. Tidak dinafikan bahawa kerajaan telah banyak menyalur sumber-sumber wang dan kuasa-kuasa untuk lembaga ini menjalankan projek-projek dan rancangan-rancangan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Keenam yang telah lalu, Kerajaan Pusat telah memberi sejumlah RM120 juta untuk PERDA menjalankan kegiatannya. Projek-projek yang dijalankan oleh PERDA merangkumi pembinaan jalan-jalan luar bandar, membuka kawasan perindustrian kecil dan sederhana, membina rumah-rumah dan juga lain-lain kegiatan seperti perusahaan pengilangan.

Tuan Yang di-Pertua, di Pulau Pinang dan Seberang Prai, kedua-dua kawasan ini adalah di bawah perintah dua kerajaan tempatan, iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan juga Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP). Jikalau kita meninjau makna nama kerajaan tempatan ini 'perbadanan', maka maknanya ialah 'bandar'. Seluruh kawasan di Pulau Pinang dan Seberang Prai adalah bandar. Jadi, tiada kawasan luar bandar. Penang Rural Development Authority (PERDA) maknanya sebuah lembaga ditubuh untuk memajukan kawasan luar bandar. Jikalau tiada kawasan luar bandar, mengapa perlunya perbadanan ini? Saya fikir lebih sesuai PERDA ditukar nama kepada satu nama yang lebih sesuai supaya ia tidak mengelirukan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti lembaga-lembaga di negeri-negeri lain, iaitu KEDA, KEJORA, JENGKA, KESEDAR atau KETENGAH dan sekarang ini PERDA, semua ini adalah di bawah jagaan Kerajaan Pusat. Mereka tidak terikat atau boleh dijaga oleh kerajaan tempatan. Maka kuasa yang ada padanya sangat bebas dan sangat luas. Ini telah menjadi satu situasi yang bertindih-tindihan kuasa. Misalnya, pada satu kawasan yang dimasuki oleh PERDA, PERDA ada kuasa. Kerajaan tempatan ada kuasa. Kerajaan negeri pun ada kuasa. Jadi, siapa yang menjaga siapa? Ini adalah pertindihan kuasa yang saya maksud. Mungkin lebih tepat kalau PERDA ini adalah satu, dengan izin. 'government within a government'.

Tuan Yang di-Pertua, PERDA telah muncul sebagai sebuah agensi yang giat membina rumah-rumah kos sederhana dan kos rendah. Di Pulau Pinang khususnya di Seberang Prai, PERDA telah memperolehi tanah-tanah atau dengan izin, land bank, yang sangat luas khususnya dari tanah-tanah sawah padi. Kawasan-kawasan sawah padi di Permatang Rotan, Penaga, Teluk Air Tawar, Sungai Acheh dan juga Balik Pulau telah banyak ditambun dan dibina rumah. Sebenarnya, peranan PERDA adalah sangat dihargai.

Apa yang saya ingin membangkitkan di sini ialah PERDA ini banyak membantu kaum bumiputera sahaja. Kaum bukan bumiputera jarang dapat bantuan dari PERDA dan rumah-rumah yang dibina juga kurang dibahagikan kepada kaum bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bantah kalau PERDA menolong kaum bumiputera tetapi saya pertikaikan bahawa peranan PERDA ini jarang membantu kaum-kaum bukan bumiputera. Tuan Yang di-Pertua, di Pulau Pinang ada berbagai-bagai agensi kerajaan seperti UDA, Kemas dan juga satu lagi Penang Bumiputera Steering Committee dan semua ini adalah menjaga kepentingan kaum bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, pada satu masa kira-kira dua tahun yang lalu apabila PERDA membuka peluang untuk orang ramai mendapat borang permohonan untuk rumah-rumah kos sederhana dan rumah kos rendah, ramai telah mencurah-curah pergi ke pejabat PERDA untuk mendapat borang permohonan sehingga pintu kacanya pun telah dipecahkan. Susah payah mereka dapat borang dan meminta ADUN atau Ahli Parlimen untuk mengesahkan butir-butir pemohon, akhirnya saya dapat tahu kebanyakan pemohon ini putus asa sahaja. Entah macam manalah PERDA membahagikan unit-unit rumah ini. Ini adalah menimbulkan syak wasangka sama ada

pembahagian ini adalah terus dan adakah adil?

Suka saya menyatakan di sini, orang-orang bukan bumiputera bukan semua bernasib baik dan bukan semua kaya. Mereka juga ada yang miskin. Kalau saya ikut ucapan dan cerita Yang Berhormat dari Yan semalam, cerita orang miskin, kaum bukan bumiputera pun panjang seperti helaian kain. Tuan Yang di-Pertua, mereka ini pun memerlukan pertolongan dan bantuan dari kerajaan sebab mereka banyak diabaikan oleh kerajaan, maka mereka merasa tertekan.

Tuan Yang di-Pertua, PERDA di Pulau Pinang mempunyai kuasa yang besar sehingga tidak payah menghirau kerajaan negeri dan kerajaan tempatan dalam hal menjalankan projek-projek. Tanah-tanah sawah padi yang saya maksudkan tadi kepada pihak pemaju swasta memajukan kawasan pertanian khususnya sawah padi adalah seolah-olah mimpi sahaja, tetapi PERDA terus membuka. Pihak kerajaan negeri dan kerajaan tempatan pun tidak boleh membantah. Bukan sahaja tidak boleh bantah, bahkan perlu membina kemudahan-kemudahan asas untuk menjayakan projek-projek yang dirancangan oleh PERDA.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini di Balik Pulau, PERDA terus membuka kawasan belukar (swamp land) tanpa kelulusan kerajaan negeri. Ini adalah saya kata pertindihan kuasa dan penduduk-penduduk di kawasan Balik Pulau, dan saya pasti Yang Berhormat dari Balik Pulau nanti akan sentuh berkenaan dengan hal ini juga, kebanyakan nelayan di kawasan sana telah mengadu kepada pihak akhbar bahawa satu projek raksasa iaitu Pan-Shrimp, sebuah ladang menternak udang telah dijalankan dan projek ini mengikut aduan nelayan-nelayan mungkin akan mencemarkan laut cetek di sana dan juga dengan tebingan belukar ini, sumber-sumber makanan ikan dan juga

tempat-tempat pembiakan ikan ini akan hilang dan mereka akan hilang peluang untuk cari makan di tempat sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya hargailah kejayaan PERDA dalam bidang membina rumah-rumah kos sederhana dan rendah. Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang (Penang Development Board—PDC) mahupun Kerajaan Pulau Pinang pun tidak boleh bersaing dengan PERDA pada masa sekarang ini. Apa yang PDC dan kerajaan negeri gemar atau minat hanya projek-projek mewah seperti padang golf, rumah-rumah mewah dan kondominium sahaja. Oleh kerana kegagalan peranan kerajaan negeri membantu orang miskin mendapat kediaman kos rendah, ramai telah merintih. Saya berharap PERDA dapat menyusun polisi mereka demi memperuntukkan rumah-rumah kepada kaum bukan bumiputera juga.

PERDA pernah melibatkan diri dalam perusahaan mengilang seperti minuman tin dan juga makanan dan antaranya yang saya tahu ialah minuman tin dan perusahaan membuat telur masin tetapi perusahaan ini semua mengalami kegagalan besar sehingga ia perlu ditutup.

Tuan Yang di-Pertua, pada tiga atau empat tahun yang lepas, kawasan perindustrian kecil dan sederhana (IKS) di Bukit Minyak adalah satu kawasan yang dibuka untuk membantu pengusaha-pengusaha kecil membina kilang-kilang kecil. Tanah-tanah seluas setengah hingga satu ekar dijual pada harga RM7.00 hingga RM7.50 sekaki persegi. Ini jikalau dibanding dengan harga yang ditawarkan oleh PDC adalah lebih rendah harganya. Pada waktu yang sama PDC menjual tanah-tanah perindustrian dengan harga RM12.00 sekaki persegi pada tempat dan lokasi yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan PERDA adalah baik kerana menolong pengusaha-pengusaha kecil tetapi saya nampak tanah-

tanah ini banyak dibeli oleh kilang-kilang yang besar sehingga pelaburan dari negara asing pun ada membina kilang di kawasan PERDA ini. Mereka membeli beberapa lot dan bercantum, selepas itu membina kilang besar. Ini adalah luar dari maksud asal menolong orang-orang tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, jika boleh saya meminta kementerian memberitahu segala aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PERDA, khasnya bilangan rumah dan bilangan yang telah diagih kepada kaum bukan bumiputera. Perlulah saya mengatakan di sini bahawa PERDA ada peranan yang penting untuk dimainkan di Pulau Pinang. Kami bukan membantah penubuhan PERDA ini tetapi polisi-polisi PERDA perlu diubah suai demi untuk menampung keperluan semua kaum dan bukan untuk satu kaum sahaja seperti apa yang telah dikatakan oleh pemimpin tertinggi kami, "Wo men to se ichiaren—kami semua sekeluarga" dan bukan untuk menjadi satu kumpulan kaum tertentu sahaja. Perlu saya menekankan di sini bahawa saya tidak pernah membantah kerajaan menolong kaum bumiputera. Apa yang saya mahu cuma satu keadilan dan satu kesaksamaan sahaja.

Sekian sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Balik Pulau.

*3.20 ptg.*

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 (PERDA).

Terdahulu daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sekembalinya kita dari makan tengahari tadi, saya juga turut mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri, tetapi saya hendak tegur supaya sitting order Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat ini patut diperelokkan sedikit. Sepatutnya sitting order Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat diberi keutamaan sedikitlah dalam majlis-majlis rasmi kerajaan yang seperti itu. Ini menunjukkan adalah sedikit penghormatan yang diberi, kalau tidak pun pada Tan Sri secara peribadi, tetapi pada institusi Parlimen ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi kepada ucapan saya, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bagan tadi. Saya bukanlah hendak menjawab bagi pihak PERDA, sebab saya bangun bercakap sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat, yang mana hampir setengah daripada kawasan Parlimen saya adalah termasuk dalam kawasan PERDA.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan tadi telah membangkitkan isu bahawa di negeri Pulau Pinang ada anomali kerana ada dua kerajaan tempatan, satu Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan satu lagi Majlis Perbandaran Seberang Perai. Oleh sebab takrif bandar di dalam menamakan kerajaan tempatan itu dia mengatakan bahawa sebenarnya tidak ada kawasan luar bandar di Pulau Pinang. Jadi, dicadangkan ditukar nama dan beliau menggunakan premis yang sedemikian untuk kemudiannya membina hujah-hujah yang telah beliau kemukakan selepas itu.

Saya kurang setuju sebab nama Penang Regional Development Authority ini bukan maksudnya Penang Rural Development Authoritylah. Kalau Yang Berhormat mempunyai masalah tentang penggunaan takrif Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Perbandaran Seberang Perai, sebenarnya saya pun ada masalah dengan kerajaan tempatan juga. Bagi saya kita tidak perlulah tukar nama, tetapi sebagai Ahli Dewan Rakyat kawasan Balik Pulau, saya pernah beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini mengatakan bahawa Majlis Perbandaran

Pulau Pinang ini pun patut dipecahkan kepada dua pihak berkuasa tempatan yang berasingan, yang mana yang di sebelah timur laut itu hendak panggil apa pun panggillah, yang sebelah barat daya ini, hendak panggil apa dia pun panggil. Jadi, saya tidak nampak ada masalah di situ, tinggal lagi ini adalah bidang kuasa kerajaan negeri sebenarnya, jadi di Parlimen ini kita tidak perlu bercakap tentang perkara ini.

Mengenai pertindihan kuasa yang dibangkitkan saya ingat sememangnya dalam rationale masa pembentukan PERDA dahulu sudah ada rasional yang kukuh kenapa diwujudkan satu entiti Kerajaan Persekutuan di Pulau Pinang. Saya tidak mahu mengatakan mengenainya, tinggal lagi saya hendak bercakap tentang perkara yang disentuh secara spesifik iaitu mengenai kawasan saya tadi.

Cadangan untuk memperluaskan ternakan udang di Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau iaitu sekarang ini sudah ada syarikat yang dinamakan oleh Yang Berhormat tadi Syarikat Pan Shrimp yang mengusahakan penternakan udang di kawasan tersebut. Baru-baru ini PERDA ada cadangan untuk memperbesarkan kawasan operasi syarikat tersebut. Sebenarnya ianya telah mendapat bantahan daripada nelayan-nelayan tempatan dan saya sedia maklum tentang perkara ini dan sebenarnya Jabatan Perikanan sendiri pun telah membuat teguran.

Secara peribadi, saya tidak bersetuju dengan apa-apa usaha untuk kita membangunkan mangrove area di pantai barat di kawasan saya dan saya sebenarnya bersetuju dengan pendapat yang dikemukakan oleh Jabatan Perikanan supaya kita kekalkan kawasan mangrove tersebut.

Pertama, kerana ia mempunyai nilai ekologi yang baik dan ia juga ada hubungan langsung dengan kebajikan nelayan-nelayan pantai di situ dan kita juga hendak

memelihara kawasan main growth tadi. Jadi, itu pendapat peribadi saya.

**Tuan Lim Hock Seng:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasihlah kepada Yang Berhormat dari Balik Pulau kerana memberi peluang kepada saya untuk membuat penjelasan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat dari Balik Pulau projek menternak udang ini, sama ada ia betul-betul dijalankan oleh PERDA atau diswastakan kepada satu kumpulan yang dinamakan 'Adona', kalau tidak silap, sila beritahu kedudukan.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Yang Berhormat dari Bagan, saya bukan Ahli Lembaga PERDA, Pengerusi PERDA ataupun daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya bercakap sebagai Ahli Dewan Rakyat, jadi kita minta kementerian yang sepatutnya menjawab. Tinggal lagi apa yang saya hendak kata ialah menyentuh tentang soal penggunaan tanah mangrove di kawasan tersebut.

Sebagai Ahli Dewan Rakyat di kawasan itu, saya kurang bersetuju untuk dibangunkan kawasan mangrove dengan memperluaskan kawasan ternakan udang yang sedia ada. Yang sudah itu biarlah diadakan tetapi untuk kita bangunkan kawasan tersebut, saya ingat adalah bercanggah sebenarnya dengan dasar di peringkat Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri. Perkara khusus tentang pengusaha projek tersebut dan sebagainya, itu saya minta kementerian yang berkenaan menjawab, kerana saya bercakap sebagai Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan tersebut sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kembali saya kepada soal PERDA ini. Walaupun rang undang-undang yang dikemukakan hari ini sebenarnya menyentuh soal untuk memberi

peruntukan-peruntukan yang khusus mengenai peraturan tata tertib kakitangan PERDA. Saya mohon untuk bercakap dalam konteks yang lebih luas tentang apakah tafsiran saya mengenai peranan PERDA di kawasan saya sendiri dan juga di keseluruhan negeri Pulau Pinang iaitu dalam kawasan-kawasan yang termasuk di dalam liputan kawasan PERDA. Memanglah sebahagian besar daripada kawasan yang dimasukkan dalam kawasan PERDA adalah kawasan-kawasan daripada Seberang Perai tetapi yang ada ialah kawasan di atas pulau yang masuk dalam kawasan PERDA hanyalah daripada kawasan Parlimen Balik Pulau.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada kita melihat tentang peranan dan juga strategi yang patut dilaksanakan oleh PERDA dalam mencapai objektif yang dicatit dalam penubuhannya yang kita tengok adamacam-macam objektif.

Yang pertama, dia kata untuk memajukan kumpulan sasaran PERDA yakni mereka yang tinggal di dalam kawasan PERDA, dalam semua bidang sosio-ekonomi melalui usaha pembangunan manusia, ekonomi dan fizikal dengan tumpuan kepada peningkatan pendapatan dan taraf hidup.

Yang kedua, dia mengatakan objektifnya ialah untuk membangunkan kawasan PERDA menerusi pembangunan industri pertanian, perumahan serta kemudahan infrastruktur.

Yang ketiga, untuk mengimbangi pembangunan di kawasan PERDA dengan kawasan di luar kawasan PERDA.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita pergi kepada bagaimana untuk mencapai atau menggubal satu strategi untuk mencapai objektif-objektif yang disebut tadi haruslah satu agensi seperti PERDA melihat persekitaran hari ini di Pulau Pinang dan membuat unjuran tentang apakah dia persekitaran yang akan wujud di negeri Pulau Pinang di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, "Penang Leads" adalah motto kerajaan negeri dan kita tidak punya keraguan langsung bahawa dari segi petunjuk-petunjuk makro-ekonomi, dari segi petunjuk-petunjuk agregat negeri Pulau Pinang akan mencapai matlamat-matlamat makro-ekonomi tadi lebih terdahulu daripada Malaysia dalam konteks Wawasan 2020. Sebenarnya kerajaan negeri Pulau Pinang akan mencuba untuk mencapai apa yang ingin dicapai dalam matlamat makro-ekonomi 2020 Malaysia—10 tahun lebih awal daripada apa yang akan dicapai di Malaysia.

Dalam konteks Penang Leads ini saya tidak punya keraguan langsung bahawa negeri Pulau Pinang akan mampu mencapai matlamat-matlamat makro-ekonomi yang tersebut. Pulau Pinang adalah sebuah ekonomi yang cukup dinamik khususnya di sebelah pulau dan sekarang ini pun di sebelah Seberang Perai. Ia mempunyai struktur ekonomi yang agak berbeza daripada struktur ekonomi kebangsaan dan juga berbeza daripada kebanyakan struktur ekonomi negeri-negeri yang lain yang mana ianya merupakan sebuah ekonomi yang agak matang yakni ia mempunyai sumbangan industri pembuatan dan juga perkhidmatan yang besar sebagai dua komponen yang besar dalam sumbangan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar.

Satu lagi ciri yang ada kepada Pulau Pinang ialah Pulau Pinang mempunyai kekurangan tanah khususnya di sebelah pulau. Definisi pulau adalah ianya dikelilingi oleh air. Jadi, masalah kekurangan tanah ini sebenarnya bukan masalah, tetapi ini kita mengambilnya sebagai satu faktor "exogenous" dalam pada kita membuat perancangan. Antara lain ia mempunyai implikasi bahawa harga tanah adalah tinggi dan dengan itu penggunaan tanah hendaklah juga dioptimumkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedar bahawa Pulau Pinang di antara tiga, empat negeri yang termasuk di dalam lingkungan

Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (MT-GT) yang dicadangkan di kawasan utara Semenanjung, Selatan Thai dan juga di Indonesia.

Ini juga satu faktor yang sepatutnya diambil dalam perancangan apa-apa juga yang hendak dijalankan oleh PERDA untuk mencapai objektifnya. Kita juga sedar bahawa pada tahun 2003, kita akan memasuki era ASEAN Free Trade Agreement (AFTA). Maknanya kita akan masuk kepada satu era yang mana kita terpaksa melakukan perubahan-perubahan yang tertentu untuk kita memanfaatkan sebanyak mungkin daripada terlaksananya AFTA nanti. Ianya mempunyai implikasi yang cukup besar, bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi bagi keseluruhan kawasan utara di Semenanjung Malaysia.

Satu perkara lain yang akan mengubah dan mencorakkan struktur dan juga mekanisme insentif yang ada di kawasan tersebut ialah apabila projek jambatan darat Songkla ke Pulau Pinang dilaksanakan dan ianya akan dilaksanakan, ia akan mengubah satu historical geographical route di dalam perdagangan timur dan barat dengan kita wujudkan jambatan darat di antara Songkla di sebelah pantai timur dan di sebelah pantai barat di sebelah Malaysia.

Jadi, ini semua merupakan faktor-faktor yang akan mencirikan masa depan persekitaran di Pulau Pinang dan hari ini kita lihat di Pulau Pinang dua sektor yang saya sebutkan tadi, yang menjadi sektor yang menampung gunatenaga yang besar iaitu sektor pembuatan yang mana kawasan perindustrian Bayan Lepas yang termasuk dalam kawasan saya adalah merupakan satu kawasan yang mempunyai kelompok kilang-kilang elektronik dan elektrik yang terbesar di dunia. Tidak ada satu pun syarikat ataupun global players di dalam industri elektronik dan elektrik yang tidak ada kilang di kawasan Bayan Lepas. Ianya merupakan satu daripada concentration kilang-kilang elektronik dan elektrik yang terbesar di



dunia ini. Dan satu lagi ciri ialah sektor servisnya adalah cukup besar di Pulau Pinang sama ada yang bersangkut-paut dengan industri tourism, pelancongan ataupun pengangkutan ataupun perbankan, insurans dan sebagainya.

Jadi, ini adalah perkara-perkara yang saya harap dapat PERDA mengambil kira dalam pada kita membentuk strategi-strategi untuk mencapai matlamat PERDA. Kita juga harus ingat bahawa kita harus ....

**Tuan Lim Hock Seng:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau mengatakan Pulau Pinang adalah satu pusat di mana industri elektronik adalah begitu pesat sekali dan kepada pengetahuan semua, pada masa sekarang industri elektronik telah memasuki satu era yang mundur atau setback dan banyak kilang elektronik di Pulau Pinang sekarang telah tutup dan banyak pekerja pun telah diberhentikan kerja. Macam mana pandangan Yang Berhormat, sama ada strategi atau polisi negeri Pulau Pinang ini iaitu, dengan izin, put all the eggs in one basket, pada masa sekarang kemerosotan sedang melanda perindustrian elektronik dan akan mengakibatkan kemunduran kepada Pulau Pinang?

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Bagan. Sebenarnya, saya baru hendak beri dia punya mukadimah, tidak pergi kepada isinya lagi. Memang terdapat orders yang mengurangkan di dalam komponen-komponen elektronik hari ini dan sememangnya saya ingat itu satu penyesuaian yang baik kerana dari segi strateginya kita memaksa sektor pembuatan di Pulau Pinang ini membuat satu peralihan kepada jenis-jenis pengeluaran yang kurang berintensitikan buruh dan lebih berintensitikan modal dan

lebih berlandaskan kepada input-input teknologi dan sebagainya.

Saya rasa memang dalam jangka masa lima, sepuluh tahun yang akan datang ini kita akan mendapati bahawa seperti yang saya pernah kata di sini apabila negeri-negeri macam negeri China dan juga negeri Russia dapat mencapai satu kestabilan politik, ianya akan menjadi tempat yang lebih menarik untuk multinational ini untuk melabur, untuk membuat kerja-kerja yang sedang dibuat di Malaysia sekarang yang lebih berintensitikan buruh.

Saya rasa pahit teruk macam mana pun, kita kena juga lalui proses itu barulah kita pergi kepada satu tahap yang lebih matang. Saya tidak menyangkal bahawa industri elektronik buat masa sekarang ini ada menghadapi kesuntukan order dan mungkin ada kilang yang akan mula memberhentikan pekerja. Tetapi pada masa yang sama ada juga banyak kilang yang tidak cukup pekerja untuk bekerja di dalam kilang tersebut. Tetapi saya berpendapat secara umumlah di Malaysia ini kita perlu, oleh sebab itulah kita selalu bercakap berkenaan kemasukan buruh asing ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Ahli dari Balik Pulau, seandainya senario yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat mungkin berlaku ada pekerja yang layoff, saya hendak bertanya adakah DAP macam orang Bagan akan menghasut pekerja-pekerja, sebab depa ini memang tidak ada kerja lain, hendak menghasut sahaja. Bagaimana pandangan Ahli Yang Berhormat kalau berlaku keadaan begini, apa patut kita buat kepada DAP terutama Bagan ini?

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Yang di-Pertua, ya Bagan sebab dia duduk di sebalik sana, dia tidak duduk di atas pulau, jadi saya jaranglah bertembung dengan Ahli Yang Berhormat dari Bagan kecuali di dalam Dewan ini. Tetapi kita rasakan peralihan yang kita katakan tadi, perubahan struktur yang patut dan sememang patut kita lalui walaupun ianya akan menjadi sedikit pahit terpaksa kita lalui untuk kita sampai kepada satu tahap yang lebih tinggi dan untuk kita mencapai apa yang dikatakan tadi untuk meransangkan pertumbuhan berdasarkan total factor productivity dan bukan daripada penambahan input sahaja.

Sebab itulah masalah pendatang pekerja asing ini merupakan satu masalah yang membimbangkan kita kerana kalau kita menyelesaikan masalah kesuntukan buruh semata-mata dengan memasukkan pekerja asing, maka kita tidak memaksa diri kita untuk membuat adjustment yang sepatutnya kita buat, yang lebih mencerminkan kematangan struktur ekonomi kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada soal PERDA ini, kalau kita ingat balik, kalau kita fikir balik apakah dia masalah yang menjadi rationale kenapa PERDA diperlukan dan ditubuhkan pada masa ianya ditubuhkan. Saya mempunyai tafsiran rationale kenapa kita perlu PERDA ditubuhkan dalam kawasan-kawasan liputannya, dengan objektif-objektifnya ialah berpunca daripada tahap persediaan mereka yang berada di dalam kawasan tersebut, berada pada satu tahap yang tidak membolehkan mereka menyertai pembangunan ekonomi di Pulau Pinang pada tahap yang bermakna. Maksudnya ialah ramai orang di dalam kawasan tersebut tidak mempunyai keupayaan untuk masuk dalam gelanggang dan menyertai pembangunan ekonomi di negeri Pulau Pinang.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Penjelasan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Bermakna pada pandangan Balik Pulau, saya yakin, seperti yang dimaklumkan tadi, PERDA masih perlu diteruskan dan ini bermakna berbeza dengan pandangan Bagan sebentar tadi, kerana Bagan kata PERDA ini rural, oleh kerana kawasan Pulau Pinang tidak ada kawasan luar bandar, tidak perlulah PERDA terus diwujudkan. Ini mungkin dia tidak duduk dalam Pengarah PERDA, mungkin Bagan buat cerita begini. Saya minta pandangan daripada Balik Pulau sedikit.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** "Raison d'etre"—kewujudan PERDA itu adalah jelas, kerana mereka yang duduk di kawasan itu, misalnya kawasan saya yang termasuk dalam kawasan PERDA adalah kawasan luar bandar. Mungkin pada mereka yang tidak pernah pergi, apabila dia lalu dekat lapangan terbang itu dia pergi jalan pusing-pusing, dia jumpa satu kawasan yang tidak ada bezanya dengan kawasan mana-mana di Perak ataupun di Kedah, ianya adalah kawasan luar bandar, sebenarnya. Jadi, itulah yang menjadi sebab kenapa terwujudnya PERDA itu, iaitu tahap kesediaan mereka yang di kawasan itu rata-rata berada di satu tahap yang tidak begitu memberangsangkan dan kita khawatir bahawa ketidakupayaan dan ketidaksediaan mereka ini akan mewujudkan satu keadaan ketidakseimbangan dari segi keupayaan mereka yang di situ dan mereka yang di luar daripada kawasan itu. Apabila wujud ketidakseimbangan keupayaan ini, maka akan terus terlangsunglah ketidakseimbangan manfaat yang akan diperolehi oleh kedua-dua pihak ini dalam pada keadaan ekonomi negeri Pulau Pinang akan bertambah.

Jadi, menyedari perkara ini, saya rasakan, misi penting PERDA dan strategi terpenting PERDA ialah strategi untuk meningkatkan kesediaan dan kita memang terima sebagai

satudasar kita akan meningkatkan kesediaan orang-orang dalam kawasan ini tanpa mengambil hak orang-orang lain. Kita berminat untuk mencapai segala ini tanpa meragut hak orang lain. Dalam konteks ekonomi yang lebih besar, kita ingin mendapat manfaat yang lebih besar dan siapa yang hendak mendapatkan yang lain itu, kita tidak pernah mempersoalkannya.

Jadi, saya ingin menyarankan di sini sebenarnya strategi PERDA semestinyalah 'people oriented'. Semestinyalah berdasarkan kepada manusia itu sendiri, strategi PERDA seharusnya berlandaskan kepada pembangunan sumber manusia itu sendiri, kerana dengan hanya cara kita menekankan soal pembangunan sumber manusia itulah barulah kita dapat meningkatkan keupayaan manusia itu sendiri. Saya bukan tidak bersetuju bahawa pembekalan infrastruktur itu penting. Saya bukanlah tidak bersetuju bahawa penyediaan kemudahan-kemudahan asas akan meningkatkan secara langsung, walaupun tidak banyak, kualiti hidup mereka yang ada di kawasan sekeliling.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau orang tidak ada longkang depan rumahnya, kita bubuh longkang, tidak ada jalan depan rumahnya, kita bubuh jalan, dia seronoklah. Kalau dahulu air hujan, air penuh depan rumahnya, sekarang ini ada longkang, tidak ada banjir dalam rumah dia. Dahulu susah dia hendak jalan, kita bubuh jalan, jadi dia senang bergerak ke sana ke sini, tetapi orang itu dok macam itu juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Balik Pulau. Tadi Yang Berhormat kata, kalau di depan rumah orang tidak ada longkang, sekarang buat longkang, tetapi saya tahu di satu kawasan

yang dipanggil kawasan Permatang Pauh, ada cadangan membina sebuah bandar yang dipanggil Bandar PERDA. Di sana dahulu ada longkang, ada sawah padi yang menjadi takungan air semasa banjir di tempat-tempat lain, tetapi sekarang ini, sawah padi sudah hilang, longkang pun sudah hilang, jadi, bolehkah Yang Berhormat Balik Pulau menjelaskan macam mana PERDA menolong kawasan Seberang Prai Tengah di sana, di mana banjir kilat adalah diakibatkan oleh pembangunan?

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Itu bukan cerita PERDA, itu fenomena yang mempunyai kesahihan di merata-rata tempat. Itu cerita pihak berkuasa kerajaan tempatan dan sebagainya yang dalam pada kita hendak mengarah kepada pembangunan kita kadang-kadang lalai dari segi penyediaan saluran dan sebagainya. Kita mengganggu bumi ini yang telah wujud secara semula jadi, selepas itu kita tidak perbetulkan dia balik. Yang Berhormat dari Shah Alam pun dok pening kepala dengan banjir dalam kawasan dia. Tetapi point yang hendak saya buat di sini ialah kita hendak menekankan soal hanya dengan kita mengubah dan membangunkan manusia dalam kawasan itu sahajalah baru PERDA boleh berjaya untuk mencapai matlamatnya.

Saya sedang memberi satu contoh tadi, kalau daripada tidak ada longkang depan rumah, dan sekarang ada longkang, tetapi orang itu tidak berubah juga, orang itu dari segi potensinya, dari segi budayanya, dari segi nilai dia, dia masih macam itu juga, tidak ada perubahan yang hakiki, yang struktural kepada masyarakat setempat kalau kita hanya membekalkan kemudahan-kemudahan asas yang fizikal. Jadi, PERDA perlu, sebagai satu strategi, meletakkan objektifnya yang tertinggi ialah untuk mengubah manusia dalam kawasan itu. Jadi, kita balik kepada soal pendidikan, balik kepada soal latihan, balik kepada soal

bagaimana untuk meningkatkan keyakinan dan semangat orang-orang di situ supaya mereka merasakan dan berkeyakinan bahawa mereka boleh bersaing dengan orang lain dan mampu mendapat manfaat jika mereka bekerja dengan keras, jika mereka dibekalkan dengan ilmu dan juga dengan kemahiran-kemahiran yang tertentu.

Saya tidak mahu, misalnya, orang-orang Melayu di Pulau Pinang, di dalam kawasan saya, berada dalam satu keadaan yang kita boleh kata berkeadaan 'seige mentality', dalam satu keadaan di mana mereka berasa terkepung. Kita mahukan PERDA menjadi satu agensi yang memainkan peranan penting, bukan untuk kita mengekalkan "seige mentality" di kalangan orang-orang Melayu di Pulau Pinang, tetapi untuk mengeluarkan orang-orang Melayu di Pulau Pinang daripada mentaliti yang tersebut.

Oleh yang demikian, soal latihan, pendidikan dan soal merangsang mereka adalah soal yang penting. PERDA, saya ingat dalam pada ia membentuk 'master plan'nya atau apa benda pun untuk membangunkan kawasannya nanti hendaklah memberi penekanan yang cukup kuat kepada perkara-perkara ini dan PERDA tidak boleh appeal kepada 'seige mentality' itu sendiri dalam pada membentuk rancangan-rancangan pembangunannya. PERDA mestilah melakukan sesuatu untuk memecahkan mentaliti tersebut dan bukan melakukan sesuatu berlandaskan mentaliti yang tersebut.

PERDA harus mengambil satu pendekatan yang moden, satu pendekatan bukan konsep membangunkan kampung-kampung tradisional. Konsep membangunkan kampung tradisional adalah satu konsep yang mengekalkan status quo dari segi fizikalnya dan juga dari segi konsepnya, dari segi nilainya dan dari segi budayanya. Konsep yang harus dilakukan oleh PERDA ialah konsep membandarkan mereka di dalam kawasan yang tersebut. Bukan saya ingin mengatakan bahawa

PERDA harus terlibat sebagai satu developer untuk membangunkan bandar-bandar tetapi perubahan konsep daripada konsep kampung tradisional kepada konsep bandar.

Ini bukanlah satu perbezaan konsep yang hanya berlandaskan fizikalnya, maknanya, rumah macam itu, duduk dalam kampung, pergi duduk dalam suasana yang urban, bukan sahaja dari segi fizikal sahaja berbeza konsepnya, tetapi juga jika perubahan itu daripada kampung tradisional kepada bandar moden, maka dia juga memerlukan perubahan dari segi nilai dan dari segi budaya. Hanya dengan perubahan dari nilai dan budaya itulah yang akan mengubah manusia-manusia ini supaya mereka meningkatkan keupayaan mereka, supaya mereka terkeluar daripada mentaliti seige tadi dan punyai keyakinan untuk bersaing dengan orang lain.

Oleh yang demikian, sebab itulah saya kurang bersetuju dengan konsep kampung tradisional ini khususnya dalam konteks latar belakang yang saya sebutkan tadi di Pulau Pinang, iaitu dalam konteks Pulau Pinang sebagai sebuah pulau yang punya kesuntukan tanah, dalam konteks Pulau Pinang di dalam IMT-GT, dalam konteks Pulau Pinang dalam gambaran yang akan tercetus jambatan darat Songkla-Penang akan dilaksanakan, dalam konteks Pulau Pinang sebagai sebuah ekonomi yang bercorak seperti yang saya katakan tadi. Maka adalah menjadi satu yang tidak adil, satu yang tidak akan menjadi efektif kalau kita mengajukan sebagai satu konsep-konsep pembangunan kampung tradisional. Maka kita tidak mengeluarkan orang-orang yang terlibat dalam kawasan sasaran kita daripada mentaliti yang saya katakan tadi.

Jadi, saya ingin menyarankan kepada PERDA bahawa berlandaskan 'the human resource development approach', konsep pembangunannya adalah mesti berasaskan pada satu konsep perbandaran atau membandarkan orang-orang yang terlibat

dalam kawasan mereka dan bukannya mengekalkan status quo dan berlandaskan konsep seperti konsep kampung tradisonal.

Saya bersetuju misalnya kita lihat dalam laporan tahunan PERDA sebahagian besar daripada perbelanjaan yang dibelanjakan oleh PERDA dibelanjakan dalam program kampung tradisonal. Kalau setakat kita hendak beri jalan, hendak perbetul surau dan sebagainya, okay, yang itu tidak apa, memang jangka pendek, jangka sederhana itu adalah perkara-perkara yang sepatutnya kita lakukan. Tetapi apabila PERDA mahu melakukan perancangan masa depan ataupun mahu membentuk satu konsep untuk membangunkan kawasan ini bukan bangun dari segi fizikalnya sahaja. Maka saya mengajukan supaya janganlah berlandaskan kepada konsep yang mengekalkan status quo, satu konsep yang berlandaskan macam kita appeal kepada the lowest common dominator di kalangan kumpulan sasaran kita, lepas itu kita membentuk satu konsep yang berlandaskan yang itu sahaja.

PERDA sepatutnyalah mempunyai satu sikap untuk mengubah the status quo dan cabaran sebenarnya yang dihadapi oleh PERDA adalah berat kerana bukan dia hendak ubah dataran ataupun bentuk fizikal bukitkah, jalankah, dan sebagainya, dia hendak ubah kepala otak orang dan oleh sebab itu ia menjadi satu cabaran yang cukup berat. Tetapi kadang-kadang perubahan-perubahan macam ini, dia simbolik, kadang-kadang kita boleh mencapai perubahan ini dengan perkara-perkara dan pendekatan yang simbolik kalau kita laung-laungkan selalu bahawa kita mahu orang dalam kawasan itu tidak berbeza dengan orang di luar dari kawasan itu.

Kita mahu mereka memikir soal-soal yang lebih luas daripada kawasan mereka. Kita pun mahu mereka terlibat dalam proses industrilisasi di kawasan lain dalam kawasan itu. Kita mahu mereka memecah mentaliti bahawa mereka adalah duduk dalam satu

kawasan yang terpisah sebab dia duduk dalam kawasan PERDA dan dia perlu duduk di luar kawasan PERDA. Jadi seolah-olah perancangan dan pemikiran dalam kawasan ini berlandaskan persekitaran yang berbeza daripada orang yang duduk dekat luar. Ini adalah dichotomy yang sepatutnya diruntuhkan oleh PERDA. Kita tidak mahu pembahagian dari segi mental persepsi orang yang duduk dalam kawasan PERDA, yang duduk di luar kawasan PERDA itu masih kekal. Kerana itu adalah satu persepsi yang tidak realistik langsung dalam konteks kita bercakap tentang IMT-GT, Songkla-Penang ini tak munasabah langsung kalau kita hendak bercakap dalam kawasan PERDA dan kawasan luar PERDA sebagai satu dichotomy yang memandu perancangan pembangunan kita, dalam pada kita hendak mengubah dan meningkatkan kualiti hidup orang dalam kawasan ini.

Jadi, ini satu perkara lagi yang kita hendak tekankan kepada PERDA dan PERDA mestilah tidak mengambil sikap bahawa ini kawasan PERDA dan yang itu luar kawasan PERDA. Di kawasan PERDA ini mempunyai ciri-ciri atau sifat-sifat dia tertentu dan pertimbangan tertentu seolah-olah ianya berbeza langsung dengan yang ini pada hal dia duduk atas satu pulau. Dan sepatutnyalah pertimbangan diambil tentang apa yang berlaku di sebelah di luar kawasan PERDA dan di dalam kawasan PERDA, ia saling complementary dan kita tidak boleh yang sebenarnya yang saya hendak tekankan kita tak boleh appeal kepada orang di situ untuk mengekalkan mereka dalam kedudukan mereka di situ. Jadi, itulah kita kena ubah dan akhirnya kita hendak mencapai satu kelompok middle class, Melayulah katakan, di Pulau Pinang. Middle class ini mempunyai pendapatan dalam lingkungan yang tertentu dan pewujudan middle class ini mestilah didokong oleh orang-orang yang mempunyai pekerjaan dan mendapat pendapatan atau gaji pada peringkat-peringkat yang tertentu.

Tapi, hakikatnya middle class di mana-mana negara pun didokong oleh orang yang bergaji yang mempunyai pendapatan tetap yang tertentu bukan kalau kita hendak kontraskan dia dengan 'the middle class' mana-mana negeri pun bukan terdiri daripada entrepreneur. Jadi saya membuat perbezaan tersebut kerana kalau kita hendak mewujudkan satu middle class dalam kawasan tersebut, middle class kalau kita gunakan takrif yang saya katakan tadi maknanya ianya mestilah, orang kata, driven by skills and qualifications, Jadi berbalik kepada soal pendidikan dan soal training.

Satu fenomena yang membimbangkan kita hari ini ialah kita lihat di kalangan belia, di kalangan orang-orang muda, semua orang hendak jadi usahawan, semua orang hendak jadi korporat. Jadi ini menjadikan pada dia seolah-olah satu excuse supaya dia tidak mencapai kecemerlangan dalam pembelajarannya. Kita tengok budak-budak muda semua hendak jadi korporat, hendak berniaga. Jadi seolah-olah bila hendak jadi korporat hendak berniaga, tak payah perlu kelulusan yang tinggi, tak payah hendak belajar teruk-teruk, sebab lepas itu boleh berniaga dan jadi korporat. Jadi ini satu unsur yang membimbangkan kita dan kalau ianya berterusan maka kita tidak akan tercapai membentuk satu middle class yang saya maksudkan tadi. The middle class mestilah dibentuk oleh sekelompok yang cukup besar dan mereka mempunyai kelulusan dan kemahiran-kemahiran yang tertentu pada tahap-tahap tertentu. Jadi, oleh sebab itu kita balik-balik pada soal pendidikan, soal latihan, soal latihan semula, soal peningkatan kemahiran sebab kita tak akan dapat bentuk kalau kita tidak buat macam ini.

Pada masa yang sama kita mestilah memupuk dan memelihara serta membiakkan lagi keusahawanan di kalangan kumpulan sasaran ini kerana kita perlukan juga golongan ini. Tetapi kita perlu berhati-hati sebab sekarang ini di kalangan generasi muda ini dia ada masalah

sedikit, kalau pihak PERDA misalnya pergi tengok dalam kawasan dia, sebahagiannya duduk dalam kawasan saya, kita naik susah hati sebab pembangunan yang ada di luar di kawasan itu dilihat sebagai satu safety net kepada dia yang seolah-olah memberi kepada dia satu keyakinan bahawa dia mampu tergelincir dari segi pembelajaran kerana kalau dia tergelincir macam manapun, ini dia ada kilang, dia boleh pergi kerja, dia tak payah perlu belajar kuat-kuat dan dapat kelulusan yang tinggi-tinggi. Sekarang pun dalam suasana persekitaran Malaysia umumnya bila kita bercakap tentang pertumbuhan ekonomi, 'pong-pong, pong-pong' bercakap dalam TV dan sebagainya .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Pong-pang, Pong-pang itu apa dia? (*Ketawa*)

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Dalam TV, dalam paper dan sebagainya kita bercakap, kita seolah-olah menonjolkan golongan-golongan corporate people ini, peniaga ini dan mereka ini sebenarnya menjadi role model kepada golongan yang ada dalam sekolah.

**Dr. Tan Chong Keng:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, ya.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Balik Pulau yang seringkali sebut korporat, peniaga usahawan. Saya hendak ingatkan dia daripada rakyat jelata Pulau Pinang ramai yang masih menjadi petani. Nampaknya Yang Berhormat sudah lupa industri pertanian. Apa yang akan berlaku kepada sawah padi di Seberang Prai? Apa yang akan terjadi kepada produksi beras negara kita? Terima kasih.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, kawan saya. Saya akan pergi kepada soal pertanian di Pulau Pinang.

Kita ada tafsiran kita yang tersendiri, nanti Yang Berhormat, saya akan sampai kepada pertanian di Pulau Pinang. Saya akui bahawa ada sebahagian daripada kawasan saya sendiri, perikanan merupakan kegiatan ekonomi yang penting, beras padi sudah tidak ada.

Tentang imej di kalangan budak-budak sekolah, di kalangan muda-mudi sekarang ini. Ini masalah di peringkat kebangsaan. Jadi, kita mengenengahkan secara simbolik melalui media massa dan sebagainya, sebagai role model kepada budak-budak ini, ini orang yang berjaya, yang kita beri pengiktirafan dan sebagainya adalah mereka yang buat duit banyak-banyak. Jadi, mereka buat duit banyak-banyak, kita beri pengiktirafan kepada mereka. Bukan saya kata tak bagus, tetapi dia mewujudkan satu persepsi, satu nilai tafsiran di kalangan pelajar-pelajar bahawa mereka pun hendak jadi macam itu juga. Mereka merasakan bahawa hendak jadi macam itu, tak perlukanlah mereka hendak susah-susah belajar, hendak mendapat kelulusan dan kemahiran yang tinggi.

Jadi, saya bimbang sebab saya katakan tadi yang perlu hendak dicapai oleh PERDA ialah mewujudkan satu golongan menengah Melayu. Golongan menengah Melayu ini adalah didokong oleh mereka yang mempunyai kemahiran dan kelulusan yang tertentu. Lepas itu baru ianya disupport pula oleh golongan-golongan 'entrepreneurs' tadi. Tetapi kalau kita tidak ada 'middle class' ini, tak ada kelompok yang besar seperti pegawai-pegawai kerajaan yang ada di Kuala Lumpur. Kita boleh takrifkan mereka sebagai middle class, jadi kehadiran mereka di Kuala Lumpur mewujudkan satu middle class di luar daripada kawasan yang original. Semua mereka adalah terdiri daripada orang-orang yang punyai kelulusan dan kemahiran yang tertentu, dan akhirnya mereka terdiri daripada orang yang mempunyai kuasa beli yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya kalau kita tidak ada middle class ini dalam konteks senario Pulau Pinang yang saya sebutkan tadi, kalau kita tak wujudkan middle class yang punyai kuasa beli dia yang tertentu, akhirnya 'natural process' kuasa pasaran akan menyebabkan sebahagian besar daripada orang yang sekarang ini tinggal di dalam kawasan PERDA akan terhalau keluar daripada kawasan ini. Itu proses 'economic attrition' yang tak dapat kita elakkan.

Jadi, memang pada jangka masa pendek kita address masalah perumahan di tempat-tempat macam di Pulau Pinang dengan menambahkan bekalan rumah-rumah murah dengan banyak supaya kita dapat memenuhi permintaan semasa supaya kita dapat memberi kesempatan kepada seberapa ramai mungkin orang untuk beli rumah. Ini kita balik kepada konsep yang saya bangunkan tadi dari segi simbolik. Kita pun tak mahu juga PERDA, salah satu agensi yang terlibat ini, kalau kita menghala kepada 'low cost, low cost, low cost' selalu pun, kita seolah-olah membentuk satu imej bahawa untuk orang-orang dalam kawasan PERDA setakat low cost sahajalah. Jadi, kita meletakkan secara simbolik bahawa kedudukan kita itu setakat situ sahaja. Walaupun kita perlu melakukan perkara tersebut untuk kita menyelesaikan masalah 'short term'—jangka masa pendek, masalah permintaan untuk rumah yang begitu banyak daripada mereka yang tidak mempunyai kuasa beli yang cukup.

Jadi, kita kena bekalkan sebanyak mungkin rumah-rumah kos rendah. Tetapi janganlah kita menjadikan keseluruhan misi kita untuk membekalkan rumah, rumah kos rendah. Jadi, symbolically ia menunjukkan, dia mengekalkan mentality yang saya sebutkan tadi, ia tidak boleh memecahkan pemikiran orang untuk keluar dari mentality tersebut, dan kalau kita tak dapat mengeluarkan orang daripada mentality tersebut, tidak mungkin mereka dapat keyakinan bahawa mereka boleh bersaing

dengan orang lain. Jadi, itulah perkara yang membimbangkan.

Akhirnya, kalau kita tak selesai masalah pembangunan manusia, kita tak selesai masalah pendidikan, kita tak selesai masalah latihan, kita tak selesai masalah peningkatan kemahiran, kita tak akan selesai masalah pewujudan kuasa beli. Kita tak selesai masalah pewujudan kuasa beli, akhirnya kita tak selesai masalah perumahan. Mereka ini terkeluar pergi ke Kulim, pergi Sungai Petani, mereka beli rumah, akhir sekali kawasan PERDA tak ada orang lain duduk.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak minta penjelasan daripada Balik Pulau. Dari segi prinsipnya kita boleh bersetuju bahawa tidak wajar sekelompok daripada masyarakat di negara ini dibelenggu dalam kumpulan yang tinggal di bawah low cost, rendah. Ini satu prinsip yang saya kira ramai dan patut dialu-alukan. Persoalannya, apa pilihannya, apa cadangan untuk mengatasi perkara ini? Mungkin ada pandangan mengatakan bahawa kebanyakan kita tidak mampu untuk menyediakan perumahan kepada mereka yang berpendapatan rendah, oleh kerana kos tanah yang tinggi. Mungkin Yang Berhormat sebagai bekas pensyarah, tokoh akademik universiti, dapat memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, cara bagaimana? Mungkin kita adakan kos tanah yang berbeza. Mungkin kita adakan sistem pengangkutan yang baik, yang boleh kita meletak rakan-rakan kita, saudara-mara kita yang tak berapa mampu, pendapatan yang agak rendah agak jauh daripada tempat kerja mereka, tetapi kita adakan sistem pengangkutan yang baik.

Dengan cara ini, kos tanah tempat yang ditempatkan mereka ini agak rendah dan mutu perumahan walaupun setakat

RM30,000 sebagai contoh, dapat juga memberikan perumahan yang baik. Macam di kampung, RM30,000 di kampung adalah satu kaedah kualiti rumah yang agak baik. Tetapi RM30,000 di Kuala Lumpur rumah kos rendahlah. Mungkin ini menjadi satu persoalan. Kita tidak mahu rumah kos rendah sekarang ini akan menjadi 'the future ghetto of 2020'. Ini satu persoalan 'we call the dynamite of tomorrow, the timing bom of tomorrow' dari segi implikasi sosial kepada negara dan kepada bangsa kita.

Saya rasa ini perkara yang amat baik yang dikemukakan oleh Balik Pulau. Saya hendak minta Balik Pulau berhujah lebih sedikit, apa alternatifnya kepada kita untuk menghadapi masalah yang saya nampak amat baik dibangkitkan sekarang ini? Saya minta penjelasan.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih Yang Berhormat dari Rompin. Itulah pada jangka masa panjang kita rasa khuatir. Saya bukan hendak pandang rendah kepada setengah tempat. Kadang-kadang kita pergi misalnya untuk memanjangkan contoh yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Rompin. Kalau kita tengok rumah pangsa di Jalan Pekeliling, kita lihat itu merupakan usaha awal dahulu untuk kita membekalkan rumah yang 'affordable' kepada orang ketika itu. Kalau kita fikirkan kita sebagai satu bangsa, satu negara dalam kita membangunkan tamadun Malaysia ini, kalau lagi 40 tahun artifak yang kita tinggal untuk generasi masa depan hendak nilai kita, kalau dia pergi tengok di flat itu, kita rasa macam tak patut kita ada macam itu. Jadi, saya punya pandangan yang sama dengan Yang Berhormat dari Rompin, kita tidak mahu dalam pada kita cuba menyelesaikan masalah permintaan rumah kos rendah sekarang ini, kita akan mewujudkan 'urban slump of the future' lagi 30, 40, 50 tahun ke depan.

Tetapi itulah dia kadang-kadang Yang Berhormat dari Rompin memikirkan soal di Pulau Pinang ini sahajalah dalam konteks tak ada tanah, harga tanah akan jadi mahal dan harga tanah itu akan ditentukan oleh mereka yang punya kuasa beli. Dia jadi macam auction, siapa yang mampu letak



harga yang paling tinggi itulah harga dia. Kita masuk dalam satu kitaran, kalau kita tak selesai masalah keupayaan kuasa beli itu, kita tak akan selesai masalah ini sampai bila-bila pun.

Kita boleh berpura-pura, untuk jangka masa pendek kita boleh buat macam benda-benda yang tertentu tapi kita boleh mungkin mewujudkan fenomena yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Rompin, dia boleh jadi urban slum of the future. Akhirnya untuk jangka masa panjang kita kena selesaikan masalah human capital development ini yang akan ada kesan yang structural yang substantive kepada kumpulan sasaran kita. Itu long term solutionlah: short term solution tak boleh nak buat apa; kita kena bekalkan juga rumah tinggal, lagi saya harapkanlah bila orang nak buat rumah kos rendah ni, ingatlah bahawa yang nak duduk dalam rumah kos rendah ni terdiri daripada mereka yang mempunyai keluarga dan nak membangunkan keluarga masing-masing. Mereka hendak membesarkan anak masing-masing, yang akan membentuk persekitaran yang mana anak dia membesar akan menentukan masa depan masyarakat kita di masa depan. Jadi, kadang-kadang kita buat rumah kos rendah dah orang kata mentang-mentang buat rumah kos rendah kadang-kadang tengok pun orang nak duduk dalam rumah tu pun kita rasa kasihan, sebab kita rasa berkemungkinan beberapa institusi masyarakat akan terhakis dalam keadaan mereka hidup tersebut.

Jadi, soal ini satu masalah yang cukup menaruh sebenarnya, kalau ada satu kelompok orang yang tidak punya keupayaan oleh sebab mereka tidak punya kesediaan dan tahap persediaan yang tentu dia tak punya keupayaan. Kita bermatlamat untuk meningkatkan keupayaan dia, maknanya kita katakan kepada dia, dia kena ubah diri dia, dia berada pada kedudukan dia ada sekarang sebab dia kurang keupayaan. Maka kalau dia nak ubah kedudukan dia, dia kena ubah diri dia sendiri, dia kena ubah nilai, dia kena ubah budayanya cara dia hidup. Tapi kalau kita melayani

kedudukan dia itu dengan membekalkan sesuatu yang dia mampu pada ketika itu, maka kita tidak memaksa dia untuk berubah. Tapi pada masa yang sama kalau kita tak ambil kira juga kedudukan dia pada hari ini, maka dia tak mampu pula untuk menyertai dalam keadaan yang ada sekarang. Jadi agensi macam PERDA ini, saya ingat bukan agensi macam PERDA sahaja, tetapi banyak agensi lain yang menghadapi dilema macam ini.

Kalau misalnya kita tengok sekelompok orang purchasing power dia tak cukup besar, tapi purchasing power dia tak cukup besar sebab dia tak cukup bersedia, dia tak cukup bersedia mungkin sebab dia tak kerja cukup keras, sebab dia tak cukup rajin ataupun dia punya nilai yang kurang progresif, tapi dia punya kehendak. Kalau kita melayani kehendak itu pada tahap yang dia boleh mampu maka kita tidak memaksa dia untuk berubah, tapi kalau kita buat benda yang kita rasa patut kita buat, maka ianya di luar kemampuan dia pula maka dia pula menjadi satu golongan yang tersisih. Jadi kita kena imbangi dua perkara ini supaya, ada elemen untuk kita memaksa orang tu mengubahkan diri dia sendiri tetapi ada elemen untuk jangka masa sekarang pun membolehkan dia menyertai apa-apa yang kita nak rancangkan khususnya dalam konteks perumahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Mertajam tadi ialah tentang beliau bangkit dua kali tadi cerita tentang tanah padi dan cerita tentang pertanian di Pulau Pinang. Dalam pada saya mencirikan senario yang berdepan dengan Pulau Pinang senario-senario yang akan mencorakkan persekitaran di Pulau Pinang, IMT-GT dan segala macam ini, saya tidak menyebut sebenarnya sektor pertanian kerana ada sebab-sebab yang tertentu.

Pertamanya, kita harus sedar bahawa apabila kita melaksanakan AFTA itu nanti dan kita dalam mesyuarat yang lepas kita

baru luluskan dalam Dewan Rakyat ini 8,000 lebih dalam senarai yang kita nak masukkan dalam CEPT itu, iaitu senarai yang termasuk di dalamnya berbagai jenis produk-produk pertanian sama ada yang separa proses ataupun belum diproses langsung. Ia punya implikasi kepada agensi-agensi seperti PERDA dan ia juga ia mempunyai implikasi kepada bagaimanakah kita nak mentafsirkan sektor pertanian dalam negara kita hari ini? Adalah jelas bahawa negara-negara seperti Malaysia, Thailand dan Indonesia mempunyai cita rasa yang sama, lebih kurang, corak pengeluaran pertanian yang lebih kurang sama; yang membezakan Malaysia dengan Thailand membezakan Malaysia dengan Indonesia hanyalah kedudukan ekonomi dalam konteks perbandingan itu dengan mereka, kita lebih tinggi, oleh itu upah kita lebih tinggi. Jadi, memang kalau kita laksanakan AFTA nanti melalui skim CEPT ini, comparative advantage akan dalam banyak keluaran agriculture akan berada kepada negara-negara Thai dan juga Indonesia. Jadi, kita perlu melakukan perubahan yang sewajarnya dalam kita mencorakkan pembangunan sektor agriculture ini.

Saya bukanlah satu orang yang romantik dari segi tafsiran tentang masa depan ni, kalau kita nak tanam padi sebab kita nak tanam padi sebab bapa kita tanam padi, tok kita tanam padi, tu satu konsep yang romantik dalam keadaan yang saya sebutkan tadi ni kita tak sempat nak jadi romantik, kita kena jadi satu orang yang realistik. Jadi, macam di Balik Pulau tu, dia tak boleh nak tanam padi dah, tak ada tanah. Sebab itu, dalam hampir 30 tahun tidak ada kita tanam padi dan kita rasa penggunaan tanah itu lebih baik digunakan untuk perkara-perkara lain daripada kita menanam padi. Masalah perikanan pun satu masalah yang kurang diberi perhatian sikit oleh PERDA. Sebenarnya masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bagan itu dalam kawasan itu adalah satu kawasan perikanan, kampung nelayan

yang diperbuat ternakan udang, itu juga satu kawasan yang PERDA ada sejak tahun, saya ingat sejak tahun 1983 dulu lagi depa nak buat projek perumahan kos terendah sampai hari ini tak selesai-selesai lagi. Jadi, itu ada kelemahan-kelemahan yang patut diberi perhatian oleh PERDA tapi saya tak nak cakap....

**Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera):** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Bendera, bangun, ya.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya nak minta penjelasan dan pandangan daripada Yang Berhormat dari Balik Pulau berkenaan dengan pertanian khasnya berkenaan taman bunga, sayur dan buah-buahan. Mungkin, apa pandangan Yang Berhormat bahawa PERDA digalakkan menjalankan agrobased industry yang berasas kepada kegunaan biotechnology seperti hydroponics atau tissue culture. Mungkin padi boleh ditanam di atas flat-flat atau car-park ataupun ternakan seperti kambing dan lembu pun boleh di dalam dalam bangunan bertingkat-tingkat dalam satu controlled environment. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Bukit Bendera. Itulah yang saya hendak tekankan, maknanya kita, bila kita nak, yang saya kata saya bukan romantik itu, yang maksud kita macam gitulah. Kalau kita dok biasa tanam mempelam tepi rumah, dua ekar, setengah ekar, habis tu kita nak kata orang kat Penang kita nak "pedo" juga hak tu sebagai menjadi asas sektor pertanian kita dalam konteks di Pulau Pinang dia takkan pi ke mana. Kalau kita nak perbetul juga nak buat keropok, nak buat kerepek ke dia takkan pergi ke mana. Dalam konteks di Pulau Pinang, kita tak sepatutnyalah melakukan perkara-perkara tersebut.

Jadi, saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat dari Bukit Bendera. Sebenarnya saya tidak mengenyepikan sektor pertanian ini. Sebenarnya, dalam konteks Pulau Pinang, dalam konteks kita perlu mewujudkan kuasa beli yang tertentu, maka hendaklah pembangunan pertanian ini (agrobased) ada tempatnya di Pulau Pinang dan you cannot go wrong with food. Tetapi, konsep pembangunan agrobased industry ini mestilah berdasarkan kepada penggunaan teknologi yang canggih sedikitlah. Satu daripada bidang penyelidikan dan pembangunan yang ditekankan oleh kerajaan adalah bidang pembangunan biotechnology. Kita pergi ke arah itu, ke arah yang memungkinkan tambahan nilai ditambah yang banyak. Penggunaan klon, genetic engineering atau apa bendakah dan saya rasa perkara-perkara seperti hydroponics agricultural, production technics macam yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bendera, di kawasannya banyak flat, ia boleh try di atas bumbung flat pengeluaran agricultural product yang tertentu.

Maknanya fokus ataupun cara kita berfikir tentang pembangunan sektor pertanian di Pulau Pinang hendaklah jauh berbeza daripada mind-set yang kita ada sekarang dan apabila kita mengarahkan pandangan orang kepada arah yang tersebut, kita kata, you go agrobased, you go berdasarkan biotechnology, you go with cloning, genetic engineering, jadi ia ada perubahan yang disebut-sebutkan selalu, ada paradigm shift dan baru ada perubahan nilai yang kita sebut-sebutkan tadi.

Saya sangat setuju. Misalnya bunga orkid (ornamental flowers) mempunyai pasaran yang cukup besar di Pulau Pinang tetapi tidak berapa diberi perhatian dari segi projek-projek pertanian, yang saya tahu melalui pembacaan saya. Tetapi tanaman bunga ini tidaklah semudah macam yang kebanyakan orang fikir.

Kalau kita hendak bangun industri ini dalam konteks keluasan tanah yang terhad ataupun harga tanah yang mahal dan kita hendak buat ia dengan sempurna, dengan ada quality control yang baik, maka kita kena gunakan teknologi yang cukup tinggi. Tetapi kita hendak menghalakan orang ke arah itu, saya setuju bunga. Even tropical ornamental fish atau benda-benda yang macam itu.

Kadang-kadang kita berasa pelik. Sebenarnya keluaran pertanian seperti ini (ornamental fish and flowers) dan sebagainya, sebenarnya pusat pengeluarannya banyak di kawasan-kawasan bandar daripada kawasan-kawasan luar bandar. Di kawasan luar bandar ini, janganlah kita menjadi romantik dan mengekalkan konsep-konsep pengeluaran pertanian itu kepada konsep-konsep yang tradisional. Kita cuba ubahkan mereka kepada konsep-konsep yang lebih baru supaya selain daripada mendapat perubahan pemikiran itu, mereka juga dapat memasuki bidang yang memungkinkan mereka mendapat pendapatan yang tinggi.

Saya bukanlah hendak peleceh pembuatan keropok, kerepek dan semua ini tetapi kita rasa kalau kita mempromosikan industri kecil-kecilan yang macam itu, ia akan memberi pulanganlah. Secara mutlak ia ada peningkatan tetapi peningkatan itu adalah pada satu tahap yang tidak boleh membekalkan sianu itu dengan kuasa beli yang boleh memungkinkan dia kekal dalam kawasan yang tersebut. Itulah sebabnya kalau kita hendak buat agricultural industry buat dan ianya patut dibuat tetapi cara pengeluarannya haruslah berdasarkan teknologi yang tinggi.

Satu perkara yang lain yang saya rasa PERDA boleh memainkan peranan yang baik ialah dalam pembangunan sektor pembuatan ini. Seperti yang saya katakan

tadi, kawasan Bayan Lepas, kawasan Mak Mandin dan kawasan Perai adalah merupakan tiga kawasan perindustrian. Kalau digabungkan ketiga-tiganya ialah satu kawasan perindustrian yang cukup besar. Tetapi kita nampak sekarang ini tidak ada satu synergy di antara kehadiran begitu banyak kilang multinasional kebanyakannya, dengan apa yang cuba hendak dilakukan oleh PERDA dan juga agensi-agensi yang lain. Synergy di antara ini dengan PERDA untuk PERDA mencapai matlamat-matlamatnya. Satu daripada matlamat PERDA ialah untuk meningkatkan keupayaan kumpulan sasarannya untuk membolehkan mereka menyertai pembangunan industri pembuatan ini.

Saya ingin menyarankan di sini supaya PERDA dalam konteks ini mempertingkatkan lagi peranannya, mencari lagi banyak ruang-ruang yang mana PERDA dengan kelompok multinasional yang ada di Bayan Lepas, Perai dan Mak Mandin ini supaya ia dapat menghasilkan entrepreneurs dan juga industrialists daripada kalangan mereka sendiri. Tetapi ini juga, satu perkara yang memerlukan bahawa kumpulan sasar yang dimaksudkan tadi hendaklah mempunyai kemahiran dan juga latihan yang tertentu untuk mereka boleh menyertai dalam cerita-cerita ini.

Kita juga lihat misalnya PERDA boleh melakukan dan meransangkan joint ventures dalam bidang-bidang yang bersifat high-tech ini. Ini realiti, kita mesti terima realiti. Kita hendak mempromosikan bumiputera bukan bumiputera joint ventures dalam bidang-bidang ini dan dalam konteks di Pulau Pinang kita kena terima bahawa pendekatan yang sedemikianlah yang mungkin mencapai kejayaan. Tetapi hendaklah dilakukan dengan cara yang benar-benar supaya pihak bumiputera itu terlibat dengan secara aktif.

Baru-baru ini dilancarkan Bumiputera Trade Venture Capital di Pulau Pinang. Itu merupakan satu sumber wang yang berpotensi digunakan oleh kelompok-kelompok yang hendak dibangunkan oleh PERDA dalam bidang ini. Saya rasakan sekarang ini dalam konteks PERDA merancang pembangunan perindustriannya, kilang-kilang ini semua di Bayan Lepas, Perai dan Mak Mandin, ia macam terasing daripada perancangan kita, terasing daripada perasaan kita. Kita melakukan perkara dan tidak mengambil kira kehadirannya dan potensinya untuk tolong kita.

Jadi, saya ingin menyarankan di sini supaya PERDA mempunyai atau membuka ruang-ruang yang banyak ke arah penglibatan di dalam industri pembuatan pada peringkat yang tertentu. Seperti juga pertanian, kita hendak graduate daripada repair motor, bubuh wayar, kita hendak graduate daripada situ, hendak pergi ke arah yang lebih baik, kita hendak pergi ke precision tooling, wafer fabrication dan sebagainya. Kita hendak pergi ke arah yang macam itu. Bukan saya hendak kata repair motorsikal, hendak tampal tayar, repair radio dan sebagainya itu benda yang tidak penting. Itu benda yang kita kena buat.

Tetapi dalam konteks Pulau Pinang yang saya sebutkan tadi, kita hendaklah menghala ke arah yang lebih tinggi. Kepada penglibatan dalam pengeluaran komponen-komponen high-tech dan sebagainya. Saya sedar bahawa PERDA adalah kalau kita lihat Penang Skills Development Corporation, PERDA hanyalah satu-satunya badan yang mana kumpulan sasar boleh memasuki PSDC. Kalau selain daripada orang daripada kumpulan sasar di PERDA ini hendak masuk PSDC, kalau dia hendak masuk melalui kilang masing-masing, ia boleh masuk melalui PERDA sahaja dan PERDA adalah pintu untuk mereka ini masuk ke PSDC. Dan apabila orang yang dapat

masuk PSDC ini, dia boleh graduate kepada peringkat yang lebih tinggi dan memungkin mereka ini mendapatkan atau mewujudkan perniagaan dalam bidang-bidang yang saya sebutkan tadi.

Dalam konteks ini juga, saya ingin menyarankan kepada PERDA supaya memainkan peranan yang lebih aktif untuk memastikan bahawa pintu yang ada pada PERDA untuk orang memasuki PSDC itu diperluaskan lagi dan dengan itu juga kita harap PERDA dapat mewujudkan lebih banyak program yang memungkin apabila mereka keluar nanti, mereka berkemampuan sama ada secara sendiri ataupun dengan cara joint venture dengan mana-mana pihak yang lain, terlibat di dalam industri pembuatan yang saya maksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya era yang kita hadapi sekarang ini era yang akan kita hadapi di masa depan iaitu satu era yang lebih demokratik sifatnya daripada era yang lepas. Era sekarang dan era di masa depan adalah era yang demokratik kerana kemampuan atau kedudukan kita dalam strata ekonomi dalam masyarakat bergantung sebahagian besarnya kepada 'kepala otak' kita. Kita memasuki.....

#### **Seorang Ahli: Minda.**

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Minda. Keupayaan pemikiran kita. Kalau di masa awal dahulu, di masa pertanian menjadi tulang belakang sesuatu ekonomi, di zaman middle ages dahulu selepas manusia melilau-lilau, mereka membuat bandar, mereka mewujudkan kawasan pertanian dan pertanian merupakan tulang belakang sesuatu ekonomi. Pada ketika itu wujud satu sistem feudal, orang yang ada tanah sahaja yang boleh meraut kekayaan dan mempunyai kedudukan dalam masyarakat. Apabila kita ada revolusi industri di tahun 1700, 1800 di Eropah, yang dapat meraih kekayaan dan

mempunyai kedudukan dalam masyarakat serta mempunyai kuasa politik dan kuasa ekonomi adalah terdiri daripada kapitalis, mereka yang mempunyai modal. Tetapi pada masa yang sama, orang yang ada tanah masih juga ada kuasa.

Pada hari ini kita masuk kepada satu era, begitu juga di masa hadapan di mana sebenarnya kalau kita fikir tidak berapa perlu hendak ada tanah, bukan kita tidak hendak tanah, bukan kita tidak hendak modal, tetapi kita boleh mencapai upwards mobility dalam masyarakat dari segi ukuran-ukuran ekonominya semata-mata dengan kita menggunakan minda kita. Jadi kesemua manusia diberi Tuhan potensi itu dan pada hari ini bukan macam dahulu lagi, kalau kita bijak, tetapi kalau bapa kita tidak mempunyai tanah, sampai bila kita tidak boleh pergi mana. Kalau di zaman feudal atau zaman raja-raja berkuasa, kalau kita bijak macam mana pun, kita tidak boleh buat apa, tidak boleh pergi mana. Tetapi kalau di zaman industrial revolution dahulu, smoke stack industry dan sebagainya, jika kita tidak ada modal kita juga tidak boleh buat apa.

Pada hari ini kalau kita membangunkan potensi yang ada dalam kepala kita, di antara telinga kita, kita boleh pergi jauh di dalam membangunkan ekonomi semata-mata menggunakan yang itu sahaja. Sebab itulah saya menyarankan, kita hendaklah memberikan penekanan kepada pembangunan human capital, sebab sekarang kita tidak mahu lihat ada excuse, tanah tidak cukup, duit tidak ada dan sebagainya menjadi excuse yang diberikan, kita tidak berkemampuan untuk pergi ke hadapan.

Sebenarnya orang dalam kawasan PERDA ini berkemampuan untuk pergi ke hadapan kalau kita bangunkan mindanya supaya dia berkeyakinan dan mempunyai perubahan dari segi cara dia berfikir, dari segi nilai dan sebagainya. Jadi, tidak boleh kita pisahkan agenda

pembangunan minda ini, pembangunan sumber manusia, pembangunan modal manusia ini dengan macam mana kita hendak buat untuk mencapai matlamat-matlamat yang dikemukakan oleh PERDA.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sangatlah supaya orang-orang dalam kawasan PERDA ini terkeluar dari mentaliti 'seige' yang saya sebutkan tadi dan mempunyai keyakinan untuk integrate dengan bangsa-bangsa lain di Pulau Pinang.

Kita sedar bahawa orang Melayu di Pulau Pinang merupakan minoriti di negeri tersebut, tetapi kita tidak boleh buat kota dan duduk dalam kota itu serta membuat dunia yang tersendiri dan terasing di dalam kota yang tersebut. Dan menjadi satu matlamat supaya kita meningkatkan keyakinan, keupayaan keluar daripada 'seige mentality' ini berkeupayaan untuk integrate dengan bangsa-bangsa lain di Pulau Pinang buat joint-ventures atau sebagainya, tetapi akhirnya kita boleh meletakkan orang-orang ini pada satu tahap yang sama dengan orang lain. Akhirnya kita mencapai matlamat sebenarnya atau matlamat asas kenapa kita wujudkan PERDA itu sendiri.

Jadi, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bagan tadi, dia faham kenapa kita perlu wujudkan PERDA dan kalau kita buat benda ini semua, akhir sekali kita akan sampai pada satu tahap yang saya ingat Yang Berhormat dari Bagan pun tidak ada masalah sebab pada tahap itu kita rasa semua orang, every body is equal. Dalam pada itu we can have integrasi nasional yang sebenar-benarnya, kemudian baru kita boleh pergi kepada apa yang disarankan oleh Lee Kuan Yew. Kita boleh pergi kepada full meritocracy yang disarankan oleh Lee Kuan Yew tempoh hari sebagai syarat untuk bergabung dengan Malaysia. Jadi, itu adalah merupakan beberapa perkara yang saya ingin timbulkan untuk diambil

perhatian oleh PERDA dalam pada PERDA merencanakan program-programnya untuk mencapai matlamat yang tersurat dalam penubuhannya.

Perkara-perkara yang saya cadangkan tadi saya harap dapat diberi pertimbangan dan dapat kita fikir bersama bagaimana kita boleh 'operationalise'kan konsep-konsep yang kita sebutkan tadi. Dalam program saya tahu, kita baca dari laporan-laporan tahunan PERDA, rancangan-rancangan yang telah kita lakukan, tinggal lagi kita rasa, kalau kita beri penekanan lebih kepada pembangunan manusia, pembangunan kemahiran, pulangnya mungkin lambat sedikit, tetapi pulangnya adalah pulangan yang berkekalan, yang pada jangka masa panjang akan lebih memastikan dan kita boleh mencapai matlamat kita. Yang satu lagi, saya harapkan kita akan mempunyai satu perubahan dari konsep mentaliti kampung tradisional kepada konsep mentaliti bandar moden, dari segi fizikalnya dan juga dari segi abstraknya kita kena ubah orientasi itu.

Kita hendaklah mampu mengeluarkan kumpulan sasaran ini daripada mentaliti yang merasakan diri mereka terpisah daripada orang lain, tetapi merasakan bahawa mereka boleh terus wujud dalam keadaan yang mereka ada sekarang tanpa mengambil kira bahawa mereka itu sebenarnya adalah sebahagian daripada benda yang lebih besar.

Kita mahu tidak ada pemisahan dari segi mental mahu pun perancangan, dari segi kawasan PERDA dengan kawasan bukan PERDA. Memang PERDA melakukan perancangan dalam kawasannya, tetapi dalam pada kita mentafsirkan masalah, dalam pada kita melakukan perancangan, perancangan itu hendaklah mengambil kira apa yang berlaku di kawasan bukan PERDA. Malah bukan sahaja mengambil kira perkara-perkara di luar kawasan bukan PERDA,

tetapi mengambil kira soal-soal wilayah sekalipun dan soal global regional question dalam pada kita membentuk strategi untuk mencapai matlamat-matlamat yang hendak dicapai oleh PERDA.

Saya mengucapkan syabas kepada PERDA setakat ini kerana berjaya melakukan beberapa program, walaupun kita rasa ada kelemahan-kelemahan yang spesifik, tetapi bukan kelemahan dari segi polisi, dari segi konsep. Kita mencadangkan beberapa pendekatan yang saya harap dapat diambil kira.

Saya rasa PERDA sebagai satu agensi pembangunan wilayah menghadapi cabaran yang cukup berat kerana PERDA mempunyai gelanggang permainannya di Pulau Pinang. Di Pulau Pinang ini dia punya penghukuman dan penghakiman dia cukup cepat, oleh sebab yang demikian PERDA tidak mempunyai banyak ruang untuk membuat silap sebab penghukumannya akan datang dengan cepat, bukan penghukuman politik, tetapi penghukuman dari segi realiti semasa atau keadaan ekonomi dalam kawasan PERDA itu adalah satu realiti yang dia boleh punish dengan cepat, dan dia punish very effectively, iaitu margin of error yang ada pada PERDA tidak banyak dan masa makin lama makin berlalu, lagi panjang masa berlalu, lagi banyak benda yang kita tidak buat, lagi susah benda yang kita hendak selesaikan.

Saya harap PERDA dapat bergerak dengan pantas, dengan yakin untuk mengubah pemikiran dan juga kedudukan orang-orang di dalam kawasan liputannya. Saya berharap sangat jika PERDA ini boleh berjaya kerana kalau PERDA berjaya dan hidup saya pun senang sedikit sebab setengah daripada masalah-masalah di kawasan saya sudah boleh diselesaikan. Dan dengan kita luluskan rang undang-undang ini yang membolehkan PERDA mengawal personennya dengan lebih baik dari segi disiplin, kita berharap PERDA

berkemampuan menggerakkan organisasinya dengan lebih efektif. Saya sebenarnya hendak melihat di masa-masa depan dari segi agihan perbelanjaan pembangunan PERDA itu lebih banyak diorientasikan kepada latihan dan bukanlah macam sekarang ini kita lihat separuh masuk kepada pembangunan kampung tradisional, bukanlah hendak beri kurang kepada perkara itu tetapi hendak memberi lebih penekanan kepada soal-soal yang lain.

Sebagai Ahli Dewan Rakyat kawasan Balik Pulau ini, saya pun boleh berkata bahawa sebenarnya kehadiran PERDA di sebelah pulau ini agak kurang sedikit berbanding dengan kawasan di sebelah tanah besar, saya harap di masa-masa depan kehadiran PERDA dalam apa bentuk sekali pun dalam kawasan Parlimen Balik Pulau boleh dipertingkatkan sama ada kehadiran yang bertujuan untuk latihan ataupun education ataupun apa juga pembangunan bandar pun. Setakat ini yang saya tahu selain daripada di Kuala Sungai Pinang, 'Pan shrimp' tadi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan dan rumah kos terendah yang saya sebutkan tadi, selain daripada dua perkara tersebut adalah di Sungai Rusa di Balik Pulau itu ada projek yang saya ingat kurang berprestasi baik sekarang ini dan selain daripada itu Taman PERDA di Teluk Kumbar.

Jadi, kita mahu PERDA memasuki kawasan Parlimen Balik Pulau dengan lebih agresif dan melibatkan diri dalam pelbagai perkara di dalam kawasan Parlimen Balik Pulau. Saya rasa tidak ada masalah dari segi politiknya, pengurusan lembaga pengarahnya dengan di bahagian, kita semua adalah dari parti yang sama, nasib baik di kawasan ini tidak ada masalah, PAS atau apakah, tidak ada masalah.

Jadi, itulah sahaja beberapa saranan yang saya ingin kemukakan dan harapan

saya tentang apa yang dapat dilakukan oleh PERDA di kawasan saya sendiri dan juga di keseluruhan kawasan liputan PERDA di negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Parit Buntar.

4.45 ptg.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman (Parit Buntar):** Tuan Yang di-Pertua, saya menunggu giliran untuk berucap ini sampai sakit pinggang, sebab sayarasa Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau memanglah merupakan seorang daripada, orang kata, hasil perjuangan PERDA jugalah dalam satu segi. Walaupun saya bukan daripada Pulau Pinang, kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang berucap sebelum saya, Ahli dari Bagan dan Balik Pulau mewakili Pulau Pinang, saya sebenarnya adalah dari kawasan yang bersempadan dengan Pulau Pinang. Jadi, sebagai jiran, kita dapat juga manfaat daripada limpahan-limpahan pembangunan yang begitu rancak di Pulau Pinang.

Saya seratus peratus bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat sahabat saya dari Balik Pulau, seharusnya soal memikirkan kewujudan PERDA ini tidak harus timbul, sebaliknya kita harus mengkaji dan kalau boleh biarlah kita gerakkan ia dengan lebih agresif lagi untuk berusaha mencapai matlamat-matlamat di sebalik penubuhan.

Secara kebetulan saya masih ingat lagi pelbagai debat perbincangan dengan masalah yang dihadapi oleh masyarakat di Pulau Pinang khususnya masyarakat bumiputera dalam tahun-tahun 70-an. Dahulu kalau hendak mencari pemimpin dari Pulau Pinang pun bukan main susah, pegawai-pegawai kerajaan yang ada qualification sedikit kalau hendak dihantar

ke Pulau Pinang mereka tak mahu, susah, tak boleh buat apa, kerana adanya 'seize mentality' atau 'mentaliti terkepung' yang dihadapi oleh masyarakat Pulau Pinang khususnya masyarakat bumiputera.

Jadi, sekarang ini Alhamdulillah, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau adalah seorang yang berkelulusan doctorate dan Timbalan Perdana Menteri kita juga berasal dari Pulau Pinang, Menteri Luar Negeri dari Pulau Pinang dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri juga dari Pulau Pinang, malangnya mereka tidak ada di sini untuk mendengar saya berucap tentang apa yang berlaku 12 tahun dahulu. Masa itu, debat ataupun perbahasan yang paling popular di kalangan masyarakat Pulau Pinang, di kalangan para intelektual di Pulau Pinang ialah 'the problem of the Penang Malays', dengan izin, 'masalah Melayu Pulau Pinang'. Sebenarnya, Melayu Pulau Pinang ini dia unik sedikit, kadang-kadang features mereka pun unik, lihat sahajalah Ahli dari Balik Pulau, (*Ketawa*) walaupun dia seorang Orang Melayu. Jadi, masalah-masalah mereka juga unik, sehinggakan masa itu dirasakan Dasar Ekonomi Baru itu tidak boleh menembusi masalah Melayu Pulau Pinang. Begitu kebalnya masalah mereka.

Jadi, Dasar Ekonomi Baru itu dirasakan belum mampu mengatasi senario itu dan pelbagai perbincangan dibuat sehinggalah ada yang mencadangkan pembentukan agensi khusus untuk melihat dan mencari jalan menyelesaikan masalah ini. Maka dengan itu antara lain wujudlah PERDA ini dan inilah sebenarnya rasional di sebalik pewujudan PERDA ini.

Jadi, kalau dulu masyarakat lain pun memandang orang-orang Melayu Pulau Pinang ini macam sudah ada satu 'perception' yang tidak begitu baik, misalnya ada cerita-cerita, saya tak tahu sama ada Tuan Yang di-Pertua pernah mendengar, ada cerita misalnya kalau



kita diundang untuk makan tengah hari ke rumah suri rumah tangga di Pulau Pinang, nanti dia akan keluarkan macam-macam hidangan yang paling lazat, bila kita datang, dia kata: "Awat tak mai semalam? Kalau mai semalam, awat tak khabak mai, kalau khabak nanti masak lagi best!" Pada hal itu yang 'the best', itulah sikap suka meninggi-ninggi diri, saya minta maaf, ini sebenarnya adalah hasil dari satu kajian 'empirical' yang pernah saya buat semasa saya student di Pulau Pinang dahulu.

Kemudian mereka menghadapi satu lagi masalah 'inferiority complex', masalah rendah diri, fasal ada mentaliti terkepung tadi, mereka merasa rendah diri seolah-olah tak guna dah hidup, tak boleh buat apa. Jadi, untuk mengatasi masalah ini, maka timbullah cerita-cerita tadi. Cerita-cerita yang suka membesar-besarkan diri, kononnya ada juga cerita kalau 'priority' ataupun keutamaan wanita-wanita di Pulau Pinang masa itu ialah untuk mengumpul harta kalau dapat harta mereka tidak pernah membincangkan untuk melaburkan harta itu tetapi dia beli gelang emas daripada sini sampai ke sini (*sambil menunjukkan hingga ke siku*). Itu cerita-cerita dahulu. Jangan marah ya!

**Seorang Ahli: Methos!**

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Methos! Kemudian kalau kita pergi ke Balik Pulau, nanti dia akan keluarkan, dia kata: "Durian Balik Pulau adalah durian yang paling best, kalah Batu Kurau". Sebenarnya, durian Batu Kurau itulah yang paling lazat. Jadi, semua cerita itu .....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yan bangun. Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya kira-kira Ahli Yang Berhormat kita ini kurang arif dari segi buah durian. Saya sebagai Pengerusi FAMA, saya sudah menyiasat buah durian yang paling baik sekali daripada Yan. (*Ketawa*) Nama dia 'durian kucing tidur'. Tuan Yang di-Pertua, warnanya kuning, jadi, walaupun durian Tanjong baik, tetapi tak boleh lawan. Ini penjelasan. Adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju?

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Saya bersetuju! Sebenarnya, durian Yan itu asalnya dari Batu Kurau. (*Ketawa*) Dan nama asalnya bukan 'kucing tidur', orang kata 'kucing tidoorr' Perak punya style. (*Ketawa*) Asalnya Perak 'kucing tidur'.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Balik Pulau Bangun.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Saya ingat, fasal durian ini di Balik Pulau, bukan Tanjung. Minta penjelasan. Saya ingat di Balik Pulau—kita kena pertahankanlah buah di Balik Pulau ini. Selain dari durian "kuching tidor", di Balik Pulau ada durian "udang terbakar" udang merah—untuk makluman Parit Buntar.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Terima kasihlah Yang Berhormat dari Balik Pulau dan Yan. Jadi, cerita-cerita durian itu sebenarnya adalah satu macam 'escapism' untuk mengelakkan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang Melayu Pulau Pinang tadi.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Yang Berhormat, Padang Terap bangun.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar dengan penuh minat psikoanalisis yang dibuat oleh Yang Berhormat Parit Buntar ke atas orang Pulau Pinang ini. Satu yang saya hendak tanya mengenai dengan inferiority complex. Yang Berhormat kata orang Pulau Pinang mempunyai inferiority complex, apa sebabnya? Apakah ini datang daripada peristiwa sejarah, Raja Kedah menjual Pulau Pinang kepada British dahulu? Sehingga apabila dia hendak berpisah daripada Kedah, pokok padi pun dia panggil pokok beras. Jadi mungkin orang Parti Buntar pun semacam, ia juga dijual kepada British termasuk Pulau Pinang. Adakah sindrom ini berlaku juga di Parit Buntar?

**Tuan Abdul Rahman bin Haji**

**Sulaiman:** Terima kasih, sebenarnya, Parit Buntar tidak berlaku. Dan di Pulau Pinang ini saya tidak tahu sama ada dia ada kena-mengena dengan peristiwa sejarah, oleh sebab kita membuat kajian itu tidak begitu menyeluruh sehingga ke akar umbi, tetapi dari maklumat-maklumat yang kita dapat pada masa itu iaitu pada tahun 1970-an, inilah problemnya. Kadang-kadang kita tengok rumah itu senget, tetapi bila dia berseimbang, bercakap, bukan main tinggi. Jadi, inilah antara masalah-masalah, dan sebab itulah.....

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kangar bangun.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan rumah senget ini yang disebut oleh Yang Berhormat dari Parit Buntar. Saya dapat faham bahawa Pembangunan Wilayah Pulau Pinang yang telah mengadakan projek perumahan kos rendah adalah dalam tahun 1994. di mana melibatkan kawasan pembangunan projek kos rumah terendah Ekor Kuching, di Seberang Perai Utara—

ada 30 unit, dengan kos sebanyak RM1.3 juta, manakala di Sungai Duri, Fasa 1, di Seberang Perai Selatan—40 unit, kos yang terlibat ialah RM2.2 juta. Jadi, ini kalau kita perhatikan projek rumah kos terendah ini melibatkan sejumlah 70 unit tetapi perbelanjaannya tidak terendahlah iaitu RM3.5 juta. Jadi, pada pandangan Yang Berhormat Parit Buntar, adakah ini merupakan projek membaiki rumah senget dengan kos yang begitu tinggi dan bilangannya 70 unit sahaja?

**Tuan Abdul Rahman bin Haji**

**Sulaiman:** Saya sebenarnya tidak begitu arif tentang kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, tetapi saya rasa mungkinlah itu salah satu daripada usaha untuk membangunkan ekonomi bumiputera di kawasan itu. Tetapi kalau belanjanya begitu tinggi, itu mungkin soal lainlah, tetapi yang penting ialah usaha telah dibuat untuk mengatasi segala permasalahan yang unik untuk orang Melayu Pulau Pinang itu oleh berbagai-bagai agensi termasuklah PERDA ini.

Salah satu lagi masalah, di samping masalah rendah diri tadi, kita juga dapati masa itu, orang-orang Melayu Pulau Pinang tidak ada motivasi, terlalu rendah motivasi mereka. Malah semasa itu kalau golongan-golongan belia, mereka lebih suka duduk di kedai-kedai kopi, minum kopi di Penang Road, kemudian melihat lalu lintas jalan, daripada pagi sampai petang, jadi, ini seolah-olah menjadi macam satu kebiasaan di Eropah—dia kata "watching the world passes-by".

Jadi, sebenarnya dari segi itu, kalau ikut dari segi kemajuan, kalau di Eropah itu sekarang kita ada budaya macam itu, di Pulau Pinang dia lebih advance, lebih cepat menikmati budaya melihat dunia bergerak.

**Dr. Nugsari bin Ahmad Radhi:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Balik Pulau bangun.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Parit Buntar yang elaborate konsep seige mentality yang saya kemukakan tadi. Tetapi saya harap Yang Berhormat Parit Buntar dalam pada dia psikoanalisis orang Melayu di Pulau Pinang ini, janganlah generalise (*Ketawa*). Berdasarkan emperical study pada tahun 1970-an. Sebenarnya ada banyak yang sudah berubah dan ada banyak yang sudah berjaya, tinggal lagi yang kita rasa, sebagai salah satu agensi yang terlibat dalam membantu mereka, PERDA hendaklah mengambil sikap yang bertujuan untuk mengubah pemikiran seperti Yang Berhormat Parit Buntar katakan, supaya janganlah kita jadi romantik untuk mengekalkan cara-cara yang dahulu kerana cara-cara itu tidak dapat kita laksanakan, tetapi jangan generaliselah Yang Berhormat dari Parit Buntar. Sebab, kita boleh tengok Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun dari Pulau Pinang juga, dia mempunyai sikap yang very liberal dan very dynamic yang dikongsi oleh sebahagian besar mereka yang di Pulau Pinang.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Terima kasih Balik Pulau, saya ingat dia tidak dapat gambaran jelas. Sebelum saya bercakap tadi, saya sudah kata, senario yang saya olah ini ialah senario sebelum kewujudan PERDA, senario dalam tahun 1970-an. Jadi, Alhamdulillah, saya kata oleh kerana adanya PERDA dan berbagai-bagai agensi lagi yang menumpukan usaha khusus untuk meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat Melayu di Pulau Pinang, maka mereka sekarang telah melahirkan, misalnya Ahli Parlimen Balik Pulau yang telah pun mendapat ijazah kedoktoran, kemudian Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang sedang masuk

sekarang. Dahulu dia pun ada, tetapi dahulu dia lebih rela duduk di Kuala Lumpur menjadi pensyarah, dia tidak hendak balik ke Pulau Pinang, cuma apabila suasana telah berubah, suasana yang menjanjikan sesuatu yang baik, barulah depa ini pakat balik semua dan sekarang sampai tidak cukup tempat—berebut.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Yan tunjuk minat. Ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menyelesaikan masalah ini, saya kira, memanglah sebelum merdeka ini, orang Melayu mana pun macam itu, selepas merdeka dan tubuh macam-macam, dia jadi eloklah. Jadi, kalau pakat dok kira perkara yang lama, cerita tidak habis, lama-lama kawan-kawan bertumbuk. (*Ketawa*). Jadi, saya kira memang betul. Bila kerajaan membuat segala agensi ini, ia hendak tolong yang itulah—yang tidak erti pakai seluar kita ajar dia pakai seluar, yang duduk di kedai kopi, kita cari masa bagi dia buat kerja, cari duit beri kepada dia—jadi, itu kerja kita.

Jadi, saya kira untuk menyelesaikan masalah ini, kita tidak usah cerita sejarah. Kalau kita cerita sejarah, kalau hendak kira, negeri Kedah ini adalah negeri yang tertua di rantau Asia—Yang Berhormat tentu setuju, jadi, saya tidak mahulah cerita fasal daripada Srivijaya, semua. Sat ini kalau saya cerita, Yang Berhormat kata saya hendak angkat Kedah baik—tidak macam itu. Jadi, boleh dikatakan, kalau sejarah pemerintahan ini, negeri Kedahlah yang terkaya dan terlama, sebab itulah—Pulau Pinang pun, kita kasikan kepada negeri Pulau Pinang, itu yang kita beri tanah kepada mereka, tidak apa. Kedah ini bertolak ansur, sampai hari ini pun kita dok bela rakyat Malaysia makan

nasi—ia daripada Kedahlah. Jadi, itulah, elok baliklah. Setujukah dengan saya?

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Terima kasih, saya bersetuju. Sebenarnya tadi ada cadangan, saya ingat Yang Berhormat daripada Bagan yang mencadangkan supaya PERDA ini ditutup sahajalah, fasal dia tidak relevan lagi, jadi point ini sengaja saya timbulkan untuk menjelaskan betapa relevannya PERDA ini. Jadi, ia harus diteruskan.....

**Tuan Lim Hock Seng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bagan bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, sudah ada dua orang dari sebelah sana salah menganggap bahawa saya tidak bersetuju dengan kewujudan PERDA di Pulau Pinang. Sebenarnya dalam ucapan saya, saya telah berkata PERDA (Penang Rural Area Development Board) ini perlu ditukar nama, sebab ia sudah membangkitkan satu kekeliruan dan dalam ucapan saya, saya telah berkata, saya hargai kejayaan PERDA ini, cuma saya merayu supaya polisi PERDA ini boleh ditukar supaya semua kaum boleh mendapat manfaat dari kejayaannya.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Terima kasih.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kangar bangun.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Memang mungkin saya gunakan istilah tidak relevan. Sebenarnya itulah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bagan. Dia kata selama ini PERDA terlalu banyak memberikan tempuan untuk membangunkan sosio-

ekonomi bumiputera. Saya sengaja timbulkan masalah Melayu Pulau Pinang 'prior' sebelum penubuhan PERDA untuk menjelaskan, untuk memberikan gambaran kenapa ini perlu. Sebab sepertimana yang saya katakan tadi pelbagai permasalahan yang unik yang dihadapi oleh masyarakat Melayu Pulau Pinang itulah makanya polisi PERDA itu dibentuk sebegitu rupa. Tetapi insya-Allah satu masa nanti bila keupayaan meningkat, usaha meningkatkan keupayaan bumiputera untuk bersaing dengan kaum-kaum di Pulau Pinang sudah tidak wujud lagi, maka masa itu sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi bolehlah kita laksanakan konsep meritokrasi secara penuh.

Jadi, ini yang harus kita faham, rasional di sebalik penubuhan PERDA tadi. Jadi, cerita-cerita tentang gelang sampai ke siku, durian yang paling best dalam dunia, lauk-pauk itu hanyalah satu contoh sahaja yang saya bawa untuk menunjukkan betapa keadaan masa itu. Saya tidak berniat, langsung saya tidak berniat untuk merendah-rendahkan orang-orang Melayu Pulau Pinang. Jadi, saya minta maaflah kalau ini disalah tafsir. Malah saya secara tak langsung menyebut bahawa akibat daripada usaha yang menyeluruh bersungguh daripada ini, maka ia telah melahirkan ramai cendekiawan bumiputera dari Pulau Pinang. Tadi kita dengar sampai dua jam bercakap salah satu dari produk PERDA.

Dalam hubungan itu, saya inginlah menyeru sekali lagi ataupun menyatakan sokongan saya sekali lagi bahawa konsep pembangunan wilayah ini harus diteruskan, bukan sahaja untuk kawasan Pulau Pinang, malah di kawasan-kawasan lain pun jika keperluan untuk menghendaki, misalnya di kawasan saya sendiri. Kita sudah sebut macam Kayan Valley Development Area. Mungkin satu masa nanti kita boleh wujudkan satu perbadanan yang khusus, misalnya

Perbadanan Kemajuan Lembah Kayan. Kalau mereka hendak cari chairman pun tak payah, candidate banyak.

Berbalik saya kepada tujuan khususnya rang undang-undang pindaan ini ialah untuk memasukkan peruntukan-peruntukan bagi mengawal disiplin di kalangan para anggota dalam PERDA. Sebenarnya keperluan begini sudah lama dirasakan bukan sahaja bagi perbadanan seperti PERDA, malah juga untuk agensi-agensi lain, selain daripada agensi-agensi kerajaan lain, selain daripada jabatan-jabatan khusus. Selama ini agensi-agensi seperti PERDA dan lain-lain cuma mengambil pakai atau menerima pakai peruntukan Bab D dalam Perintah Am. Kita tahulah oleh kerana terdapatnya pelbagai karenah birokrasi, maka prosedur untuk tindakan disiplin itu sebenarnya terlalu leceh, terlalu lewat dan terlalu makan masa. Itulah sebabnya dirasakan bahawa agensi-agensi tertentu harus mempunyai peraturan disiplinnya sendiri.

Saya ucapkan syabas kepada kementerian, khususnya kepada PERDA yang akan mengambil inisiatif untuk membentuk peraturan-peraturan disiplinnya sendiri, untuk mengawal selia pegawai-pegawai di bawah kelolaannya. Cuma saya rasakan oleh kerana ini merupakan satu usaha bersendirian ataupun terkeluar daripada peruntukan Perintah Am, seharusnya diambil kira tentang kelemahan-kelemahan yang ada dalam Perintah Am. Kalau kita lihat peruntukan-peruntukan Perintah Am (Bab D)—secara kebetulan saya pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Disiplin sebelum jadi Ahli Parlimen dahulu. Sebenarnya untuk pegawai-pegawai awam dari satu segi mereka boleh buat apa sahaja tanpa tindakan boleh diambil kepada mereka. Sebabnya tindakan-tindakan itu terlalu sukar untuk diambil. Kalau pun kesalahan-kesalahan tatatertib itu didapati ada prima-facie kes, kesalahan disiplin ini, hukuman yang dikenakan kepada kesalahan-

kesalahan begini begitu ringan. Ia ada pelbagai-pelbagai hukuman, pelbagai langkah yang harus diambil sebelum seseorang itu dapat diberhentikan atau dibuang kerja.

Berbeza misalnya dengan syarikat-syarikat swasta. Kalau misalnya para pekerja mereka didapati melanggar peraturan tatatertib, Lembaga Pengarah boleh bertindak terus memberhentikan. Tetapi di sini macam-macam. Walaupun saya sedar bahawa peruntukan-peruntukan ini bertujuan untuk menjamin keadilan, tetapi kadang-kadang ia menyekat diri kita sendiri. Kalau misalnya hendak buang kerja pun, ia mesti ada warning, amaran beberapa kali. Jadi, hukuman paling berat yang boleh dijatuhkan, termasuk juga di sini kalau kita lihat misalnya dalam Fasal 2B, diantaranya disebutkan "peraturan-peraturan tatatertib di bawah seksyen ini boleh mengadakan peruntukan bagi apa-apa hukuman tatatertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga". Dan hukuman itu boleh meliputi amaran, denda, pelucutan emolumen, penangguhan pergerakan gaji, pengurangan gaji, penurunan pangkat dan buang kerja yang last, yang terakhir.

Sebenarnya kalau kita ikut peraturan itu cukup susah hendak sampai ke tahap buang kerja, walaupun sebenarnya pegawai yang berkenaan telah melakukan kesalahan yang terlalu berat. Sebenarnya kalau ikut Perintah Am (Bab D), ada satu lagi jenis hukuman disebut 'celaan'. Di mahkamah kita tak dengar apa hukuman celaan—ada. Celaan itu sebenarnya adalah tinggi sedikit daripada amaran. Mula-mula amaran, makna warning. Kemudiannya ada celaan, juga dalam bentuk surat. Tetapi suratnya kena kasar sedikit. Amaran polite sedikit. Bila celaan, kasar sedikit. Itulah sebenarnya karenah-karenah birokrasi yang terdapat. Seolah-olah peraturan ini sengaja dibuat untuk melindungi pegawai-pegawai awam. Jadi, sebenarnya orang-orang yang pernah mengendalikan Jawatankuasa Disiplin

akan merasa terlalu kecewa. Kadang-kadang kita bermesyuarat berjam-jam, kita adakan trial. Kadang-kadang macam mahkamah, ada 'trial between a trial', dengan izin, untuk menentukan sama ada ada prima-facie kes. Tetapi bila sudah dapat kes, kes ini sudah ada, prima-facie ada, hendak jatuhkan hukuman, itulah dia cela. Sudah tiga hari, empat hari mesyuarat, hukuman yang dijatuhkan, Jawatankuasa menjatuhkan hukuman cela kepada si anu-anu setelah berbincang sampai tiga hari, buang masa, elaun kena claim.

Ini sebenarnya yang saya katakan tadi peraturan-peraturan ini kalau kita lihat dari satu segi seolah-olah bertujuan untuk protect mereka yang melakukan pelanggaran tata tertib. Jadi, jarang sekali pegawai awam diberhentikan kerja kerana melanggar peraturan tata tertib. Kecuali kalau misalnya mereka disabitkan kesalahan oleh kuasa luar, bukan machinery dalam jabatan itu sendiri. Kalau misalnya mereka didapati bersalah oleh mahkamah kerana kesalahan-kesalahan jenayah, barulah dibawa ke jabatan. Tetapi jabatan itu sendiri tidak mempunyai mekanisme untuk mengambil tindakan yang sewajarnya selain daripada benda-benda yang ringan. Macam misalnya, potong gaji. Ada kes, tetapi saya tak mahu sebut di mana, dia tuang tak pergi kerja, dia kerja di tempat lain. Dapat gaji lebih daripada apa yang dia dapat. Kemudian bila dijatuhkan hukuman, potonglah tiga kali gaji. Bagi dia tiga kali gaji tidak ada benda, sebab dia dapat sebulan gaji, lebih banyak daripada apa yang dia kena bayar, lebih untung. Lebih untung ponteng kerja daripada kerja, walaupun dijatuhkan hukuman tata tertib.

Jadi, inilah kelemahan-kelemahan yang ada. Sepatutnya, kalau kita sudah mengambil keputusan untuk memperkenalkan peruntukan berasingan daripada peruntukan Perintah Am ini, perkara-perkara ini harus dikaji. Itu

sahajalah yang dapat saya sentuh dalam menyokong pindaan ini, walaupun saya sebenarnya mengharapkan peruntukan-peruntukan yang lebih jelas dan lebih tepat harus dibuat dalam pindaan ini.

Jadi, dengan itu Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi dinyatakan saya tidak mahu nanti ada kekeliruan tentang apa yang saya sebut tentang Melayu Pulau Pinang ini. Maksud saya, apa yang saya timbulkan itu adalah sebagai satu contoh. Saya cuba menggambarkan senario sebelum kewujudan PERDA ini. Jadi, dengan kata-kata itu dan dengan ini saya secara sukacitanya menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian diminta jawab.

*5.11 ptg.*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Bagan, Yang Berhormat dari Balik Pulau dan Yang Berhormat dari Parit Buntar yang telah memberi pandangan, teguran dan cadangan kepada kementerian mengenai PERDA.

Memang sebagai satu agensi kerajaan, PERDA tidak dapat lari dari berbagai kelemahan. Jadi, segala cadangan yang dibuat oleh ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian dan diambil sebagai panduan untuk PERDA menjalankan tugas supaya matlamat kerajaan menubuhkan PERDA akan tercapai dan kebajikan rakyat dalam kawasan PERDA juga akan dipenuhi.

Yang Berhormat dari Bagan ada menyentuh pelbagai perkara. Saya tidak berhasrat untuk menjawab semua tetapi ada beberapa perkara yang saya ingin

jawab. Yang pertama, Yang Berhormat mencadangkan bahawa Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) ditukar nama kepada nama, apa yang Yang Berhormat hendak saya pun tidak tahu. Sebenarnya Yang Berhormat terkeliru kerana apabila dia tengok 'R' itu dia fikir itu 'rural.' Sebenarnya ia bukan rural tetapi "regional", maka namanya adalah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang.

Yang kedua, mengenai kawasan operasi dan pertindihan kuasa. Ini juga saya rasa Yang Berhormat pun tidak berapa fasih mengenai PERDA kerana kalau beliau ada fahaman sedikit mengenai PERDA, beliau pun tahu bahawa Pengerusi PERDA ialah Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang dan dalam lembaga pengarah ada juga tiga wakil dari Kerajaan Pulau Pinang dan dengan struktur itu kita yakin bahawa segala masalah mengenai pentadbiran, mengenai undang-undang, mengenai cara kerja dapat diselesaikan. Maka, setakat sekarang kementerian berpuashati mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh PERDA.

Satu tuduhan yang berat yang dilemparkan oleh Yang Berhormat dari Bagan kepada PERDA adalah bahawa PERDA terlalu menolong kaum bumiputera berlebihan. Saya rasa ini satu tuduhan yang melulu. Yang Berhormat pun tidak ada memberi bukti-bukti yang tertentu. Sejauh mana yang kementerian tahu, PERDA telah menjalankan tugasnya dengan baik dan Yang Berhormat juga harus faham apakah tujuan penubuhan PERDA. Dua orang Yang Berhormat tadi telah membantu saya untuk menjelaskan tujuan asalnya dan matlamat PERDA ditubuhkan. Untuk makluman Yang Berhormat, PERDA ini memang ditubuh untuk mencapai sesuatu matlamat. Saya rasa Yang Berhormat pun telah faham juga tetapi Yang Berhormat dengan secara sengaja dan juga hendak menyanyi 'lagu'

yang lama, sentiasa hendak memainkan masalah perkauman ini. Nasihat saya kepada Yang Berhormat, lagu itu sudah "outdated" kerana rakyat telah faham bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak mengamalkan dasar perkauman seperti parti DAP.

**Tuan Lim Hock Seng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Bagan bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Sebenarnya saya tadi sudah dua tiga kali menekankan bahawa saya tidak membantah kerajaan menolong bumiputera. Yang Berhormat Timbalan Menteri duduk di sana sejak pagi sampai sekarang dan meneliti apa yang kami perkatakan di sini. Dua tiga kali saya mengatakan saya tidak membantah kerajaan menolong kaum bumiputera. Yang saya bangkitkan hanya berharaplah PERDA boleh menukarkan polisinya supaya semua kaum boleh dapat manfaat dari PERDA ini dan sebagai seorang Timbalan Menteri yang bertanggungjawab, saya ingat tuduhan yang berlebihan itu janganlah berbangkit lagi.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Saya belum jadi Timbalan Menteri. Saya masih Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat ini memang pandai berpolitik-politik, berpusing-pusing. Tetapi pokoknya tuduhan adalah bahawa PERDA tidak menolong kaum lain tetapi hanya kaum bumiputera. Bukankah itu bercorak perkauman? Mengapa Yang Berhormat tidak mengemukakan dengan cara yang lain, dengan cara yang lebih manis? Jadi, saya berharap mulai dari sekarang Yang Berhormat akan mengeneipkan 'lagu' lama itu tadi.

Kerana dari pihak kementerian, misalnya dalam usaha kita mengatasi masalah kemiskinan, ada sasaran dan bagi kita, kita tidak memilih bangsa.

agama ataupun siapa. Kita terus menjalankan program-program pembasmian kemiskinan khususnya PPRT untuk semua kaum dan PERDA juga menjalankan mengikut apa yang digariskan oleh kementerian dan dengan itu saya berharap Yang Berhormat dari Bagan tidak lagi memandang rendah kepada PERDA tetapi memberi sumbangan yang lebih positif supaya PERDA dapat memainkan peranan yang lebih positif membantu rakyat di kawasan PERDA.

Yang Berhormat dari Bagan juga minta kementerian memberitahu semua aktiviti PERDA dan saya rasa saya tidak dapat beri di sini kerana aktiviti PERDA panjang, banyak, teratur, tersusun dan kalau Yang Berhormat hendak, Yang Berhormat boleh memohon, kementerian rela beri kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Balik Pulau telah memberi pandangan yang baik, telah menunjukkan kepakarannya dalam masalah sosio-masyarakat dan satu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi adalah apakah pendekatan-pendekatan yang harus diambil oleh PERDA dalam membangunkan kawasan PERDA, membangunkan masyarakat dalam kawasan PERDA dalam masa-masa yang akan datang ke arah tahun 2020.

Beliau juga telah dengan menunjukkan kepakarannya, penelitiannya, pemahamannya dengan segala kemungkinan pembangunan persekitaran Pulau Pinang, pembangunan persekitaran di seluruh negara dan pembangunan persekitaran di seluruh kawasan Asia. Beliau telah pun menggariskan ataupun telah menunjukkan kebimbangan bahawa kalau pembangunan yang dijalankan oleh PERDA tidak mengambil kira segala bentuk pembangunan yang ada, maka kemungkinan masyarakat dalam kawasan PERDA itu tersisih dan tertinggal dalam arus pembangunan.

Memang, untuk makluman Yang Berhormat dari Balik Pulau, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mengambil satu iktibar dan telah merangka falsafah pembangunan luar bandar yang baru yang dinamakan falsafah luar bandar untuk membuat transformasi kali kedua kepada kawasan luar bandar. Dalam program ataupun strategi transformasi luar bandar yang kedua ini, dalam philosophy yang baru ini, kita memang menekankan kepada pembangunan sumber manusia.

Kementerian cukup sedar bahawa untuk masyarakat luar bandar mengejar pembangunan negara, untuk menentukan masyarakat luar bandar tidak tertinggal di dalam Wawasan 2020, untuk masyarakat luar bandar dapat sama-sama meraih hasil kemajuan negara, untuk menentukan bahawa luar bandar tidak jadi kawasan yang tidak didiami oleh masyarakat, untuk menentukan bahawa luar bandar akan menjadi kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan, maka kementerian telah bertekad untuk mengambil satu quantum leap dalam programnya dan dalam program ini penekanan kita adalah kepada pembangunan manusia.

Oleh itu, kita telah juga memberi arahan kepada agensi-agensi di bawah kementerian termasuk PERDA untuk mengorakkan satu program ke arah itu, ke arah untuk meningkatkan kemahiran masyarakat luar bandar untuk menukar sikap. Dari sikap yang tidak baik kepada yang baik dan yang telah baik hendak dibaik lagi supaya mereka ini lebih berinisiatif, lebih berani untuk membuat kerja supaya mereka dapat mengambil segala peluang dan apa yang ada di sekeliling mereka akan digunakan, digemblengkan oleh mereka sendiri untuk membangunkan diri sendiri supaya mereka dapat sama-sama mencapai matlamat yang diharapkan oleh kerajaan. Maka perkara ini ada dalam budget kementerian, iaitu budget badan-badan dalam agensi-agensi



kementerian kita juga menuju ke arah itu. Untuk menekankan program ini, kementerian telah menubuhkan satu agensi yang dinamakan Institute for Rural Advancement. Institute for Rural Advancement ini adalah satu badan atau satu agensi di kementerian yang diberi tugas untuk mengkaji, merangka dan kemudian melaksanakan program pembangunan manusia khusus kepada masyarakat luar bandar.

Saya berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat, khususnya Yang Berhormat dari Balik Pulau dapat memberi sumbangan apakah program-program yang dijalankan, yang dapat diperbaiki, apakah program yang harus ditambah supaya matlamat kementerian untuk membangunkan sumber manusia di kawasan luar bandar dapat dicapai.

Yang Berhormat dari Balik Pulau juga telah menyentuh perkara mengenai synergy, saya fikir itu juga ke arah pembangunan manusia. Beliau juga telah mencadangkan bahawa aktiviti-aktiviti PERDA haruslah mengambil arah kepada aktiviti-aktiviti yang lebih canggih, misalnya projek pertanian akan diambil perhatian oleh kementerian.

Kita juga mengambil perhatian atas keperluan kawasan Parlimen Balik Pulau dan kita berharap beliau sentiasa berhubung dengan PERDA dan dengan kementerian untuk mencari jalan bagaimana kita dapat membantu beliau dalam membangunkan kawasan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada sokongan Yang Berhormat dari Parit Buntar, atas penjelasan juga mengenai beberapa perkara yang disentuh iaitu isu Pulau Pinang, asal-usul PERDA dan bagaimana PERDA akhirnya diwujudkan, tujuan dan matlamatnya.

Dengan itu saya sekali mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga orang

Ahli Yang Berhormat, kalau ada perkara yang tidak disentuh.....

**Tuan Chia Kwang Chye:** Penjelasan!

**Tuan Douglas Uggah Embas:** .... perkara itu akan diambil perhatian oleh kementerian.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua,.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada yang bangun.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Saya hendak minta penjelasan dan menarik perhatian kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang Fasal 17B iaitu berkenaan dengan prosedur rayuan. Nampaknya terdapat sedikit keraguan berkenaan dengan prosedur dan kuasa di antara pihak menteri dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib ini. Kerana Fasal 17B(5) menyatakan bahawa:

“17B. (5) Keputusan Menteri atau Jawatankuasa Rayuan Tatatertib di bawah subseksyen (3) adalah muktamad dan konklusif.”

Andai kata terdapat perbezaan di antara menteri dan jawatankuasa, siapakah yang lebih agung, Yang Berhormat Menteri atau jawatankuasa, kerana jika wujudnya dua cara atau prosedur untuk membuat rayuan, mungkin timbul keraguan berkenaan dengan prosedur ini. Jadi, bolehkah seorang menteri overrule atau overturn keputusan Jawatankuasa Rayuan atau vice-versa dan perlukan semua rayuan yang hendak disampaikan kepada menteri itu melalui Jawatankuasa Rayuan. Saya hendak minta penjelasan tentang perkara ini.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 17B (1) jelas menunjukkan bahawa menteri adalah

diberi kuasa ke mana rayuan akan akhirnya dibuat. Keputusan menteri akan mengatasi keputusan jawatankuasa. Jadi, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.28 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian  
Pembangunan Luar Bandar (Tuan  
Douglas Uggah Embas):** Tuan Yang  
di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu  
Rang Undang-undang bernama Suatu Akta

untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan  
Johor Tenggara dibaca bagi kali kedua  
sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga  
Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)  
mempunyai akta penubuhannya sejak  
tahun 1972. Walau bagaimanapun akta  
penubuhan itu tidak mempunyai  
peruntukan yang khusus bagi membuat  
dan melaksanakan peraturan-peraturan  
tatatertib secara yang lebih teratur.

Lembaga Kemajuan Johor Tenggara  
pada masa ini menerimapakai Perintah  
Am (Bab 'D') dan Peraturan Pegawai  
Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993  
terhadap kakitangan perkhidmatannya  
melalui resolusi yang dibentang dan  
diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Johor  
Tenggara. Setelah dipersetujui oleh  
menteri di bawah kuasa am yang diberikan  
dalam akta berkenaan kepada menteri  
bagi membuat peraturan-peraturan yang  
diperlukan dalam pengurusan badan  
berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, walau  
bagaimanapun peraturan-peraturan  
tatatertib yang sedia ada tidak begitu  
lengkap. Di antara kelemahannya ialah:

- (i) Punca kuasa peraturan tatatertib tidak dinyatakan.
- (ii) Peraturan berkenaan penubuhan dan perjalanan Jawatankuasa Tatatertib dan Rayuan Tatatertib tidak disediakan.
- (iii) Tidak ada peruntukan mengenai surcaj.
- (iv) Tidak ada peruntukan mengenai pegawai-pegawai yang dikenakan perintah tahanan, sekatan kediaman dan sebagainya.
- (v) Terdapat peraturan yang tidak konsisten dengan Perintah Am (Bab 'D') dan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Tuan Yang di-Pertua, maka untuk melengkap dan mengemaskinikan peraturan-peraturan tata tertib (pindaan) kepada Akta ibu adalah perlu untuk membolehkan KEJORA membuat peraturan-peraturan tata tertib.

Pindaan ini adalah untuk memasukkan peruntukan-peruntukan baru di dalam akta. Peruntukan baru yang dicadangkan bertujuan membolehkan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara membuat peraturan-peraturan berhubung dengan kelakuan dan tata tertib. Peruntukan-peruntukan sedemikian akan membolehkan Jawatankuasa Tata tertib dan Jawatankuasa Rayuan Tata tertib ditubuhkan, juga peruntukan-peruntukan bagi kesalahan dan hukuman tata tertib diadakan.

Peruntukan baru juga dimasukkan bagi membolehkan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara mengenakan surcaj terhadap pegawai-pegawai dan penjawat yang cuai atau tidak menunjukkan akauntabiliti dalam urusan kewangan perakaunan dan pengurusan harta.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kemajuan Johor Tenggara perlu mempunyai Peraturan Tata tertib supaya proses tindakan tata tertib ke atas pegawai dan pengkhidmatnya dapat dibuat dengan lebih teratur dan mengikut peraturan bagi mengelakkan penganiayaan dan ketidakadilan ke atas pegawai terlibat. Peraturan Tata tertib yang sedia ada perlu dipinda bagi mengelakkan kesahihannya dicabar oleh mana-mana pihak. Dengan itu, pindaan dibuat dalam Akta ibu bagi memberi kuasa kepada Lembaga Kemajuan Johor Tenggara dengan kelulusan menteri untuk membuat Peraturan-peraturan Tata tertib. Peraturan-peraturan Tata tertib yang dibuat di bawah seksyen tersebut meliputi peraturan mewujudkan kesalahan tata tertib, hukuman tata tertib serta prosiding tata tertib.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 16, seksyen-seksyen berikut:

Seksyen 16A adalah peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Tata tertib bagi kategori berlainan pegawai atau penjawatnya.

Seksyen 16B, peruntukan membenarkan rayuan dibuat kepada menteri atau Lembaga Rayuan Tata tertib mengikut mana yang berkenaan terhadap keputusan Jawatankuasa Tata tertib.

Seksyen 16C, peruntukan bagi memberi kuasa kepada Lembaga dengan kelulusan menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengadakan peruntukan mengenai kesalahan dan hukuman tata tertib.

Seksyen 16D, 16E, 16F, 16G dan 16H adalah peruntukan berhubung dengan pengenaan surcaj terhadap mana-mana pegawai yang sedang atau telah bekerja dengan lembaga dan juga surcaj kepada Pengurus Besar serta komposisi pihak berkuasa lembaga bagi maksud tindakan-tindakan surcaj yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya peruntukan-peruntukan tersebut dalam Akta ibu, peraturan-peraturan tata tertib yang khusus dapat diadakan oleh Lembaga dan membolehkan proses tindakan tata tertib ke atas pegawai dibuat dengan teratur dan mengikut peraturan serta mengelakkan ketidakadilan ke atas pegawai yang terlibat. Sekian, terima kasih.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan

Majlis ialah satu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Gelang Patah.

5.35 ptg.

**Tuan Chang See Ten (Gelang Patah):**

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan pindaan Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 iaitu dengan mengadakan pindaan untuk KEJORA yang mana saya dapati KEJORA sebagai satu badan yang mana mempunyai lebih daripada 600 jawatan dalam kumpulan sokongan dan lebih daripada 60 jawatan tinggi yang merupakan kumpulan pengurusan dan profesional.

Oleh yang demikian, adalah wajar pihak kerajaan mengadakan pindaan ini supaya ada peraturan-peraturan tertentu untuk badan ini dari segi tata tertib dan kelakuan untuk pegawai-pegawai.

Tuan Yang di-Pertua, KEJORA telah ditubuhkan pada 1hb Jun, 1972 di bawah Akta Parlimen 1975 dan Enakmen Negeri Johor yang mana ia diberi fungsi dan kuasa-kuasa tertentu untuk membangunkan Wilayah Johor Tenggara. Ia memainkan peranan yang penting untuk memajukan pembangunan ekonomi dan sosial dalam kawasan Johor Tenggara itu.

Tuan Yang di-Pertua, KEJORA yang ditugaskan dalam pembangunan sektor pertanian di kawasan seluas 118,944 hektar, penubuhan kompleks pelancongan di Pantai Timur Semenanjung Pengerang sepanjang 26 kilometer di antara Tanjong Siang dan Tanjong Punga, Johor. Di samping itu ia ditugaskan menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur asas di kampung-kampung baru yang diwujudkan di tiga buah bandar baru dalam kawasan Johor Tenggara itu.

Usaha-usaha pertanian yang dimajukan oleh KEJORA adalah mereka terlibat dalam tanaman kelapa sawit, getah, tanaman campuran dan melibatkan dalam perusahaan ternak air. Dalam mewujudkan bandar baru yang saya sebutkan di tiga buah bandar, iaitu Bandar Penawar, Bandar Tenggara dan Bandar Mas, saya dapati bahawa dari segi infrastruktur memang belum sampai ke tahap yang memuaskan hati dan ia perlu kerjasama dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya segala infrastruktur di kawasan-kawasan bandar baru ini dapat dipertingkatkan untuk kemudahan orang awam serta penduduk-penduduk di bandar baru itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada sektor pertanian, KEJORA juga telah meluluskan sebanyak 15 projek pelancongan di sepanjang Tanjong Kelesa hingga ke Kampung Tanjong Pungai. Daripada pembangunan pelancongan ini, di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengangkutan kerana telah dapat mengadakan terminal ferry di Tanjong Belunggor di antara Tanjong Belunggor dan Changi sejak Mei 1993 dan dengan mewujudkan terminal ferry itu ia telah dapat mempertingkatkan sektor pelancongan di kawasan Johor Tenggara itu.

Tuan Yang di-Pertua, daripada projek-projek penswastan yang dijalankan oleh Johor Tenggara didapati pihak Johor Tenggara ini memang melibatkan projek-projek penswastan dengan mewujudkan Bandar Tenggara seluas 375 ekar yang mana ia membina lebih daripada 2,300 unit pelbagai jenis rumah, ada rumah kos rendah, rumah kos sederhana, rumah pangsa serta kedai. Dengan mewujudkan bandar-bandar itu, ia memang perlu mempunyai kakitangan yang cukup mahir dalam mengendalikan projek-projek tersebut kerana memandangkan permintaan daripada penduduk-penduduk

adalah banyak dan projek-projek itu mesti dikendalikan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin memberi saranan kepada pihak kementerian supaya dari segi memberikan kemudahan-kemudahan asas kepada kampung-kampung baru dan bandar baru, kita perlu ambil ingatan dari segi penjagaan alam sekitar serta dari segi pembinaan jalan yang sempurna. Saya berharap, oleh kerana kawasan di Johor Tenggara ini memang luas, bila kita membina kampung-kampung tradisional atau kampung-kampung baru dan bandar baru, adalah baik kalau kita dapat mewujudkan lorong khas untuk basikal dan motor, selain dari jalan-jalan untuk kereta dan lori, kerana kita mesti ada perancangan yang jauh supaya kita dapat menggalakkan orang-orang kampung di kawasan KEJORA lebih menggunakan basikal untuk pergi bekerja, kerana tempat kerja mereka adalah berdekatan.

Selain daripada itu supaya kita dapat mengindahkan kampung-kampung tradisional, kampung-kampung baru yang diwujudkan dan bandar baru yang diwujudkan itu kita perlu mengadakan perancangan yang sempurna untuk kawasan perdagangan dan kawasan perindustrian. Kawasan perindustrian yang dimajukan perlu diambil kira dari segi perparitan, pemetungan dan dari segi zoning supaya penduduk-penduduk di tempat-tempat di kampung baru dan bandar baru dalam kawasan KEJORA tidak akan menghadapi masalah pencemaran air dan pencemaran udara yang bakal wujud. Oleh yang demikian, faktor-faktor penting untuk kawalan alam sekitar dan kawalan yang lain tentang keindahan kampung-kampung adalah perlu diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak KEJORA kerana mereka ada terlibat dalam projek-projek landskap di bandar-bandar

baru dan kampung tradisional, tetapi saya harap kerja-kerja projek landskap ini dapat dipertingkatkan. Mereka mengadakan projek-projek landskap di kawasan penempatan baru, di kawasan pelancongan, di kawasan perindustrian dan di kampung-kampung tradisional. Tujuan KEJORA mengadakan projek-projek landskap ini adalah untuk mewujudkan persekitaran penempatan yang harmoni supaya penduduk-penduduk dapat duduk dalam suasana kehijauan dan tujuan mengadakan landskap dengan tanaman-tanaman pokok akan mewujudkan kawasan pelancongan dan perindustrian yang menitikberatkan ciri-ciri alam sekitar dan tindakan ini adalah untuk menyambut saranan kerajaan agar lebih banyak pohon-pohon hijau ditanam di kawasan penempatan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin memberi sedikit maklumat kepada Dewan yang mulia ini, bahawa pihak kerajaan Negeri Johor akan mengadakan polisi yang baru yang mana tiap-tiap projek perumahan perlu mengadakan sekurang-kurangnya 10% daripada luas tanahnya dirizabkan untuk pembangunan tanah lapang di projek-projek perumahan itu dan saya harap pihak KEJORA akan mengikuti polisi baru yang diberikan oleh pihak kerajaan negeri ini. Saya berikan satu misal, di kawasan saya di Gelang Patah di mana baru-baru ini ada satu projek perumahan yang meliputi 1,200 ekar tanah dan pemaju ini diwajibkan untuk merizabkan sebanyak 120 ekar tanah kelompok untuk dijadikan hutan bandar dan dengan kewujudan hutan bandar ini, apabila taman perumahan itu diduduki oleh penduduk-penduduk, mereka akan mendapat peluang menikmati kemudahan-kemudahan sukan dan kawasan lapang untuk mereka bersama-sama keluarga untuk menikmati persekitaran kehijauan di kawasan taman-taman itu.

Ini adalah satu polisi yang cukup baik dan saya harap segala projek-projek yang

dimajukan, sama ada oleh swasta atau oleh pihak kerajaan Persekutuan atau yang lain-lain perlu mengikuti supaya kita dapat mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai banyak taman-taman untuk generasi muda kita.

Tuan Yang di-Pertua, daripada pindaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, iaitu supaya dengan pindaan ini ada peraturan-peraturan tatatertib yang tertentu dan Jawatankuasa Tatatertib serta Jawatankuasa Rayuan Tatatertib akan diwujudkan dengan pindaan ini dan ia akan dapat mengemaskinikan undang-undang ini untuk kebaikan KEJORA. Saya harap segala usaha yang murni ini dibuat atas dasar keadilan sosial kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang bertugas di KEJORA demi kepentingan KEJORA dan kepentingan pegawai/pekerja di KEJORA itu. Saya harap dengan kewujudan pindaan ini pegawai-pegawai di KEJORA akan bertugas dengan lebih efisien serta mempunyai perasaan tanggungjawab dan perasaan kekitaan dalam badan KEJORA ini.

Dengan kata-kata demikian, saya sangat menyokong pindaan yang disarankan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Ledang**

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Johor Tenggara ataupun KEJORA ini. Saya mengucapkan tahniah dan menyokong cadangan untuk meminda Akta Lembaga Johor Tenggara ataupun KEJORA dalam usaha kita memantapkan lagi kawalan terhadap pengurusan KEJORA dengan memberikan kuasa tatatertib kepada lembaga terhadap semua pegawai dan penjawatnya. Kerana

kejayaan sesebuah jabatan atau organisasi itu tidak syak lagi banyak bergantung kepada kecekapan dan kemantapan pihak pentadbiran dan pengurusannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin merujuk kepada seksyen 16D(1) yang berbunyi "seseorang yang sedang atau telah kerja dengan lembaga boleh disuruj jika ternyata kepada lembaga bahawa orang itu tidak memungut apa-apa wang yang terhutang kepada lembaga yang pemungutannya menjadi tanggungjawabnya". Saya cuma ingin bertanya apakah yang mendorong pihak kementerian mengemukakan cadangan ini. Adakah sebelum ini ada kes-kes di mana pegawai-pegawai KEJORA tidak melaksanakan tugas memungut hutang ataupun tidak menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya dan lain-lain yang terkandung di bawah seksyen ini atau pun jika mereka telah melaksanakan tugas tersebut tetapi gagal dalam usahanya itu, apakah pula bentuk tindakan yang wajar difikirkan kerana dua perkara ini iaitu di antara tidak menjalankan tugas dengan gagal dalam menjalankan tugas mempunyai pengertian dan implikasi yang lebih kurang sama dalam konteks tanggungjawab dan amanah yang terpikul ke atas bahu pegawai-pegawai kerajaan iaitu kedua-duanya melibatkan kerugian bagi pihak kerajaan.

Walau bagaimanapun pada keseluruhannya kita berbangga dengan kedudukan dan prestasi kewangan KEJORA yang baik dan kukuh misalnya mengikut laporan tahunan KEJORA tahun 1993 sehingga pada akhir tahun tersebut tiada lagi pinjaman bank dibuat. Pinjaman daripada Perbendaharaan juga telah semakin berkurangan, mungkin ini disebabkan kecekapan pegawai-pegawai KEJORA memungut hutang-hutang yang terkumpul.

Tuan Yang di-Pertua, cuma yang saya agak musykil ialah prestasi anak syarikat

KEJORA iaitu KEJORA AVI Sendirian Berhad. Sama ada penglibatan anak-anak syarikat KEJORA ini dalam aktiviti pelancongan dan perhotelan masih mengalami kerugian. Misalannya tahun 1993, kerugian terkumpul 18.3 juta, kerugian semasa 4.2 juta. Manakala tahun 1994 pula kerugian terkumpul ialah 21.8 juta, kerugian semasa lebih daripada 4 juta. Adakah keadaan ini masih berterusan hingga sekarang ini? Adakah di antara faktor yang menyebabkan kerugian ini berpunca daripada hutang-hutang yang tidak dipungut secara berkesan oleh pegawai-pegawai anak syarikat ini yang akhirnya mendorong kepada cadangan pindaan akta ini?

Tuan Yang di-Pertua, di samping meletakkan harapan yang tinggi terhadap pegawai-pegawai yang berdisiplin dan komited KEJORA juga diharapkan dapat memikul komitmen sosial yang lebih besar infrastruktur sosial seperti kelas-kelas tabika, kelas-kelas fardu ain, perpustakaan desa, kemudahan-kemudahan sukan, skim pinjaman dan biasiswa kepada pelajar luar bandar dan lain-lain seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat dari Yan, semalam. Perlu diberi perhatian lebih bermakna kerana saya lihat dalam Rancangan Malaysia Ke-6 bagi tahun 1993 sahaja, hanya lebih kurang 1.5 juta sahaja yang diperuntukkan bagi kemudahan infrastruktur sosial ini. Oleh itu saya ingin bertanya kepada pihak KEJORA sama ada di bawah RMK7 tumpuan terhadap pembangunan sosial ini diberikan perhatian yang lebih wajar dan lebih saksama.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga amat mengharapkan KEJORA memberikan perhatian terhadap pembangunan kampung-kampung tradisional di bawah wilayah pembangunannya, sama ada kampung-kampung ini telah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas yang lengkap dan sempurna ataupun masih ada rumah-rumah yang terpencil

kedudukannya yang masih dahagakan kemudahan-kemudahan seperti api, air, jalan tar dan lain-lain.

Program-program kampung tersusun juga perlu diperluas dan diperhebatkan supaya suasana hidup di kampung-kampung menjadi lebih selesa teratur dan terancang dan tidak kurang pentingnya ialah pembangunan ekonomi di kampung-kampung tradisional ini. Apakah program KEJORA untuk memastikan penduduk-penduduk di kampung-kampung tradisional ini turut serta dalam arus pembangunan negara. Misalannya penglibatan mereka dalam Program Industri Kecil Sederhana ataupun IKS. Program satu kampung satu industri. Penglibatan anak-anak tempatan dalam industri pelancongan dan sebagainya. Program-program seperti ini amat perlu dirancang dengan lebih teratur supaya mereka tidak tersisih daripada arus pembangunan negara yang pesat sekarang ini juga untuk membendung penghijrahan kaum-kaum belia ke bandar-bandar yang sekaligus dapat mengurangkan masalah sosial yang berlaku di bandar-bandar besar negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga dimaklumkan iaitu KEJORA melalui pelan induknya telah mencadangkan seluas 100,060 hektar untuk dibangunkan dengan berbagai-bagai projek pertanian. Saya ingin bertanya adakah KEJORA bercadang untuk meneroki bidang-bidang baru dalam program pertaniannya? Misalannya menanam pokok jati untuk dijadikan perabot yang hasilnya dikatakan lebih lumayan daripada kelapa sawit, getah dan koko dan kalau kita membaca laporan akhbar kira-kira seminggu yang lalu Datuk Haris Salleh, iaitu bekas Ketua Menteri Sabah, confirm perkara ini dan beliau sendiri sekarang ini sedang mengusahakan tanaman pokok jati dan beliau confirm bahawa hasil daripada tanaman pokok jati lebih lumayan daripada kelapa sawit, koko, getah dan sebagainya. Ataupun

pihak KEJORA memberi peluang kepada mana-mana individu ataupun pihak-pihak swasta yang berminat untuk menceburi bidang ini di atas tanah KEJORA. Langkah ini diharapkan dapat memberi sokongan kepada industri perabot yang sedang berkembang pesat di Johor sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik hati dengan program pembangunan petani siswazah yang menjadi salah satu daripada pembangunan petani di bawah KEJORA ini. Ini merupakan langkah yang cukup wajar dan progresif. Sudah sampai masanya bidang pertanian ini diberikan satu dimensi baru dengan penyertaan para siswazah lulusan Universiti Pertanian kita. Kita tidak mahu lagi sektor pertanian ini dianggap sebagai sektor bidang ataupun satu kerja yang tidak glamour. Sektor pertanian tidak menjanjikan masa depan yang lebih terjamin dan sektor pertanian hanya untuk orang-orang kampung dan untuk orang-orang yang tidak berjaya dalam bidang pelajaran dengan penglibatan para siswazah dalam bidang ini kita berharap mereka akan menjadi contoh kepada belia-belia kita yang lain supaya tidak memandang remeh, rendah dan lekeh terhadap sektor pertanian ini dan dengan berbekalkan ilmu pertanian yang lengkap kita berharap para siswazah ini akan menyumbang ke arah peningkatan produktiviti pertanian negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan kepada pihak kementerian adakah Program Petani Siswazah ini mendapat sambutan daripada para siswazah kita? Sejauh manakah kejayaan program ini? Saya berharap dapat Dewan ini dimaklumkan tentang contoh-contoh kejayaan program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada KEJORA yang tidak pernah lupa dan mengabaikan tanggungjawabnya terhadap soal-soal pendidikan dalam usaha

meningkatkan pencapaian akademik murid-murid dari keluarga termiskin dalam wilayahnya. Bantuan-bantuan buku, pakaian seragam dan kelas-kelas bimbingan juga diadakan. Kita juga berharap bantuan-bantuan ini bukan sahaja perlu diteruskan, bahkan tambahkan lagi bagi menampung keperluan murid-murid di sekolah-sekolah rendah dan menengah dalam wilayah KEJORA, khususnya daripada kalangan keluarga-keluarga termiskin. Kita juga berharap KEJORA akan mengambil satu daya usaha mewujudkan pusat-pusat latihan kemahiran kepada lepasan sekolah seperti kelas-kelas latihan kemahiran menjahit, membuat kek, kraftangan, kemahiran memperbaiki, mengimpal dan mengecat kereta dan motor, kemahiran dalam bidang elektrik, memperbaiki radio/TV dan lain-lain yang mungkin tidak relevan dengan program PERDA tadi, tetapi kemahiran seperti ini amat relevan dalam konteks KEJORA, kerana suasana KEJORA mungkin lain apa yang berlaku di Pulau Pinang.

Lain-lain bentuk kemahiran supaya setiap keperluan penduduk dalam wilayah KEJORA, dalam perkara-perkara yang saya sebutkan tadi dapat ditampung oleh anak tempatan sendiri. Ataupun mewujudkan program latihan yang lebih canggih seperti yang dilakukan oleh IKM Giat MARA dan lain-lain bentuk kemahiran supaya dengan ini KEJORA dapat membantu menampung keperluan tenaga mahir daripada kalangan anak negeri sendiri yang amat diperlukan oleh negara sekarang ini, dalam usaha kita mengurangkan pergantungan kita kepada pekerja-pekerja yang datang daripada luar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya lagi sekali dengan sukacitanya menyokong pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang



Berhormat Setiausaha Parlimen minta jawab.

6.04 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas):** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucap terima kasih kepada dua Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan menyampaikan berbagai cadangan yang baik kepada kementerian ke arah memajukan kawasan di bawah KEJORA. Kedua-dua Yang Berhormat tadi adalah Yang Berhormat dari Gelang Patah, begitu juga Yang Berhormat dari Ledang.

Yang Berhormat dari Gelang Patah telah membuat pelbagai cadangan khususnya mengenai pendekatan dan juga cara yang diambil oleh KEJORA apabila melaksanakan sesuatu projek. Ingin saya memberitahu di sini bahawa sebelum KEJORA melaksanakan apa-apa projek, ia memang dengan seboleh-bolehnya memenuhi kehendak undang-undang, baik pun mengenai alam sekitar ataupun apa-apa yang diperlu dalam undang-undang perancangan dan sebagainya. Pendekatan ini kita ambil supaya projek dapat berjalan dengan lancar dengan tidak mengalami berbagai masalah yang kita dapat elakkan.

Begitu juga dengan cadangan mengenai pembangunan kawasan perindustrian, KEJORA akan mengambil iktibar untuk memenuhi segala syarat-syarat yang diperlukan supaya projek yang bertujuan untuk membantu, untuk memanfaatkan rakyat tidak sebaliknya menjadi satu masalah kemudiannya. Walau bagaimanapun, kalau Yang Berhormat ada maklumat tertentu mengenai masalah-masalah yang timbul seperti ini, kita harap Yang Berhormat dapat memajukan perkara ini kepada kementerian supaya kementerian dapat mengambil perhatian dan membantu menyelesaikan masalah supaya Yang Berhormat terus akan menang dalam kawasan tersebut.

Yang Berhormat dari Ledang telah menyentuh beberapa perkara. Yang pertama adalah mengenai peruntukan 16D, di mana disebut "bahawa seseorang yang sedang atau telah bekerja dengan lembaga boleh disurcaj jika ternyata kepada lembaga bahawa ada beberapa syarat di bawah itu." Beliau bertanya sama ada ada isu, ada kes tidak menjalankan tugas dan juga ada kes kecuai. Oleh sebab itu, beliau hendak tahu sama ada kes itu ada ataupun apakah sebab seksyen ini dimasukkan dalam peruntukan?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kita belum ada kes prima-facie mengenai perkara ini. Tetapi peruntukan ini diadakan bertujuan menandingi situasi-situasi seperti dinyatakan dalam seksyen ini jika berlaku. Ini menunjukkan kementerian bertindak secara proaktif supaya apabila perkara itu berlaku nanti, kita tak perlu balik kepada Dewan untuk minta kebenaran, kelulusan Dewan seperti yang kita buat dua-tiga hari ini. Kalau sudah ada peruntukan ini, maka apabila berlaku kesalahan ini, KEJORA cukup diberi kuasa untuk menandingi masalah tersebut.

Mengenai KEJORA R.V. Sdn. Bhd., saya diberitahu di sini bahawa KEJORA dan kementerian cuba sedaya upaya untuk menentukan bahawa masalah-masalah yang dihadapi dapat diselesaikan. Maklumat yang terperinci saya tidak ada di sini. Kalau Yang Berhormat mahu, saya boleh minta bertulis kepada kementerian.

Mengenai rancangan pembangunan, berbagai-bagai cadangan telah dibuat oleh Yang Berhormat, termasuk mencadangkan banyak lagi pembangunan sosial. Begitu juga menekankan kepada pelbagai pendekatan pembangunan, khususnya untuk kampung tradisional, di mana beliau mencadangkan pembangunan jalan, mungkin jalan kampung. Begitu juga dengan pembangunan rumah.

pembangunan kampung-kampung yang terpencil, yang terpisah jauh dari kampung lain, begitu juga mengenai pembangunan ekonomi. Beliau juga menyentuh mengenai keperluan untuk mengadakan latihan kemahiran di kampung-kampung tersebut untuk belia-belia di kawasan tersebut.

Untuk Ahli Yang Berhormat, memang Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedaya upayanya seperti yang saya sebut sebelum tadi bahawa pembangunan sosial kita akan dipergiatkan lagi, khususnya untuk pembangunan manusia.

Selain itu, kita juga setakat mana kerajaan mampu untuk meneruskan pelbagai projek untuk meningkatkan taraf hidup, khususnya kemudahan-kemudahan infrastruktur di kampung-kampung di luar bandar. Kita berusaha sedaya upaya—saya tahu juga negeri Johor telah mengambil pendekatan yang baik untuk mempercepatkan lagi, khususnya pembangunan jalan kampung.

Mengenai pembangunan ekonomi, memang inilah ditekankan kerana cogan kata kepada pengguna luar bandar.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada yang bangun.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tunggu saya siapkan sentence ini. Mengenai ekonomi memang penekanan juga diberi oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana kita nak mewujudkan satu kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan di luar bandar dan satu pendekatan untuk menentukan peluang ekonomi ada di kawasan tersebut.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Setiausaha Parliman ada menyatakan berkenaan dengan infrastuktur di dalam

kawasan KEJORA. Saya difahamkan bahawa dalam kawasan KEJORA ini terdapat rancangan FELDA. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai masalah jalan khususnya, masalah jalan ini sebenarnya adakah tanggungjawabnya di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar ataupun Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi sebab saya pernah menyuarakan perkara ini di peringkat daerah misalnya atau di FELDA sendiri, maka mereka tidak begitu pasti sama ada ini di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Satu lagi berkenaan dengan syarikat pelancongan, saya tak pasti nama dia tadi, 'ABRI' something like that. Saya lihat jumlah kerugian terkumpul, kalau tak silap saya, meningkat daripada RM18.3 juta kepada RM21 juta. Jumlah ini sebenarnya besar dan saya tak fikir pihak syarikat akan dapat redeem, dengan izin, jumlah yang sebesar ini. Jadi, soal saya adakah pihak kementerian bercadang untuk menutup sahaja syarikat ini daripada ia terus mengalami kerugian, kalau kita tengok kerugian semasanya tidak bergerak daripada RM4 juta. Sekian, terima kasih.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat, ada dua soalan. Satu, mengenai jalan dalam kawasan FELDA, kalau saya tidak silap, dalam budget kita, untuk tahun ini ada beberapa peruntukan untuk menyelenggara jalan-jalan kampung dan bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar kita ada bahagikan untuk kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah dan dalam FELDA, kalau saya tak silap, adalah dari Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi ada peruntukan untuk FELDA dan juga peruntukan dari Jabatan Perdana Menteri pun ada. Jadi kalau kawasan ini termasuk dalam Lembaga Kemajuan Wilayah, mungkin dapat dibincang oleh badan berkenaan.

Mengenai syarikat KEJORA AVY ini, kementerian masih menimbang pelbagai pendekatan apakah tindakan yang baik yang akan diambil. Jadi saya tak boleh menjawab secara putus kata sama ada kita terus tutup ataupun apakah pendekatan yang kita ambil, untuk mengatasi apa-apa masalah yang dihadapi oleh syarikat tersebut.

Untuk menyambung jawapan Yang Berhormat dari Ledang tadi, maka mengenai pembangunan ekonomi khususnya industri luar bandar yang termasuk IKS, kita sekarang telah pun siap membuat kajian dan kita berharap kita dapat pendekatan baru dalam pembangunan industri luar bandar ini. Dan untuk beberapa kawasan memang sesuatu kawasan misalnya di PERDA tadi memang bentuk industrinya mungkin tidak sama. Dan di KEJORA, KEJORA pun ada competitive edge sendiri, dengan izin. Oleh demikian, maka pihak negeri dan juga pihak KEJORA sama-sama diminta, termasuk juga Yang Berhormat kalau itu masuk dalam kawasan Yang Berhormat, sama-sama kita minta pandangan dari Yang Berhormat apakah industri yang baik harus kita jalankan untuk menentukan bahawa industri di luar bandar ini berjaya dibangunkan, supaya industri di luar bandar ini menjadi satu struktur ekonomi yang baru yang akan menukar corak kawasan luar bandar yang akan menjadikan luar bandar ini lebih menarik, lebih menguntungkan dan lebih maju seperti yang dihasratkan oleh kerajaan Barisan Nasional.

Mengenai program pertanian siswazah tadi, saya diberi makluman di sini, KEJORA telah diluluskan peruntukan RM250,000 untuk program ini. Pada masa ini terdapat 3 orang pengusaha yang dibantu oleh projek tanaman campuran seluas 167 hektar untuk ternakan. Jadi kita masih melihat sejauh mana projek ini dapat dijalankan dan kalau berjaya kita nak maju ataupun usahakan kepada tempat-tempat yang lain.

Yang Berhormat tadi juga menyentuh mengenai bantuan kepada keluarga termiskin. Memang matlamat kerajaan Barisan Nasional untuk menentukan masalah rakyat termiskin ini selesai apabila kita tiba kepada tahun 2000. 'Selesai' bermaknanya kita berharap kepada masyarakat termiskin ini yang mampu bekerja, yang economically viable, dengan izin, dapat terkeluar dari senarai rakyat termiskin. Jadi itulah matlamat kita dan dengan matlamat itu kerajaan memberi berbagai pendekatan termasuk memberi latihan kemahiran kepada rakyat termiskin ini kerana didapati dari kajian kementerian, satu masalah yang dihadapi oleh rakyat termiskin ini ialah mereka ini kurang kemahiran, mereka ini juga jauh dari peluang-peluang pekerjaan, peluang-peluang ekonomi dan sebagainya.

Maka dengan penemuan itu, satu cara adalah untuk memberi latihan kepada mereka dan latihan ini juga termasuk latihan-latihan basic, latihan-latihan kemahiran mengikut keperluan di kawasan setempat. Kalau diperlukan kita hendak menggunakan ramai lagi orang yang boleh mencebur dalam bidang jahitan, maka kita nak melatih para kaum ibu dan wanita kita dalam bidang jahitan. Tapi kalau ada lain seperti misalnya di Johor banyak industri perabot, mungkin perlu untuk kementerian melatih pakar-pakar perabot supaya kita bukan hanya mengeluarkan perabot basic yang dikeluarkan sekarang, tapi kita mungkin akan mencatat design kita sendiri supaya kita dapat menandingi keluaran perabot dari negara luar, seperti dari Indonesia ataupun dari Itali, ada perabot yang begitu cantik dengan ukir-ukirnya begitu baik. Itulah berbagai pendekatan yang kita ambil dan kita harap dengan pendekatan-pendekatan itu masalah rakyat termiskin dan juta masalah rakyat luar bandar .....

**Tuan Hashim bin Ismail:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji**

**Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila, Yang Berhormat.

**Tuan Hashim bin Ismail (Ledang):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi dalam ucapan saya, saya ada menyentuh tentang kemungkinan KEJORA meneroka satu bidang pertanian yang baru, misalnya tanaman pokok jati untuk kegunaan industri perabot ini. Saya hendak bertanya adakah KEJORA bersedia untuk memberi peluang kepada mana-mana individu ataupun syarikat yang ingin mengusahakan tanaman pokok jati ini di atas tanah KEJORA?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Memang saya hendak jawab perkara itu tadi tetapi saya hendak jawab yang lain dulu. Tetapi, Yang Berhormat tidak sabar.

Mengenai cadangan Yang Berhormat tadi mengenai kayu jati, saya rasa Kejora boleh melihat kepada viabilitinya dan juga dari segi kemahiran, dari segi pasaran dan sebagainya. Jadi, pendekatan kita adalah jelas bahawa kalau tanaman itu dapat memberi peluang yang lebih baik dari yang sediakala dan juga akan mempelbagaikan projek ataupun peluang ekonomi kepada luar bandar, saya rasa kita memang sedia untuk menceburi apa-apa peluang yang ada.

Mengenai rakyat termiskin tadi, Yang Berhormat minta bantuan ditambah. Seperti saya kata kelmarin juga, macam bantuan rumah kita memang sudah ada beri tambahan dan kita akan meneruskan juga berbagai bantuan makanan kepada anak-anak tadika dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah pelbagai perkara yang telah disentuh oleh dua orang Ahli Yang Berhormat tadi. Kalau perkara yang tidak saya sentuh, ianya akan diambil perhatian oleh kementerian dan saya berharap kita akan terus bekerjasama untuk mencari jalan bagaimana kita dapat membantu masyarakat luar bandar.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
LEMBAGA KEMAJUAN  
WILAYAH JENGA (PINDAAN)  
1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

6.25 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ) mempunyai akta penubuhannya sendiri sejak tahun 1983. Walau bagaimanapun, akta penubuhan ini tidak mempunyai peruntukan yang khusus bagi membuat dan melaksanakan peraturan-peraturan tatatertib secara lebih teratur. Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka pada masa ini menerima pakai Perintah Am (Bab D) dan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 terhadap kakitangan perkhidmatannya melalui resolusi yang dibenteng dan diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka serta dipersetujui oleh Menteri di bawah kuasa am yang diberikan di bawah akta berkenaan kepada Menteri bagi membuat peraturan-peraturan yang diperlukan dalam pengurusan badan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, peraturan-peraturan tatatertib yang sedia ada tidak begitu lengkap. Di antara kelemahannya ialah:

- (i) punca kuasa peraturan tatatertib tidak dinyatakan;
- (ii) peraturan berkenaan penubuhan dan perjalanan Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib tidak disediakan;
- (iii) tidak ada peruntukan mengenai surcaj;
- (iv) tidak ada peruntukan mengenai pegawai-pegawai yang dikenakan perintah tahanan, sekatan kediaman dan sebagainya;
- (v) terdapat peraturan yang tidak konsisten dengan Perintah Am (Bab D) dan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Tuan Yang di-Pertua, maka untuk melengkap dan mengemaskinikan peraturan tatatertib, pindaan kepada akta itu adalah perlu untuk membolehkan

LKWJ membuat peraturan tatatertib. Pindaan-pindaan ini adalah untuk memasukkan peruntukan-peruntukan baru di dalam akta. Peruntukan-peruntukan baru yang dicadangkan bertujuan membolehkan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka membuat peraturan-peraturan berhubung dengan kelakuan dan tatatertib. Peruntukan-peruntukan sedemikian akan membolehkan Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib ditubuhkan. Juga peruntukan-peruntukan bagi kesalahan dan hukuman tatatertib diadakan.

Peruntukan baru juga dimasukkan bagi membolehkan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka mengenakan surcaj kepada pegawai-pegawai dan juga pengkhidmat yang cuai dan tidak menunjukkan akauntabiliti dalam urusan kewangan, perakaunan dan pengurusan harta.

Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka perlu mempunyai peraturan-peraturan tatatertib supaya proses tindakan tatatertib ke atas pegawai dapat dibuat dengan lebih teratur dan mengikut peraturan bagi mengelakkan penganiayaan dan ketidakadilan ke atas pegawai terlibat. Peraturan-peraturan tatatertib yang sedia ada perlu dipinda bagi mengelakkan kesahihannya dicabar oleh mana-mana pihak. Dengan itu, pindaan dibuat dalam akta ibu bagi memberi kuasa kepada Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka dengan kelulusan Menteri untuk membuat peraturan-peraturan tatatertib. Peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen tersebut meliputi peraturan mewujudkan kesalahan tatatertib, hukuman tatatertib serta prosiding tatatertib.

Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 17, seksyen berikut:

Seksyen 17A adalah penubuhan bagi Jawatankuasa Tatatertib bagi kategori

berlainan pegawai dengan penjawat-penjawat.

Seksyen 17B membenarkan rayuan dibuat kepada Menteri atau Lembaga Rayuan Tatatertib mengikut mana yang berkenaan terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib.

Seksyen 17C, peruntukan bagi memberi kuasa kepada lembaga dengan kelulusan Menteri untuk memberi peraturan-peraturan bagi mengadakan peruntukan mengenai kesalahan dan hukuman tatatertib.

Seksyen 17D, E, F, G, H adalah peruntukan berhubung dengan pengenaan surcaj terhadap mana-mana pegawai yang sedang atau telah bekerja dengan lembaga dan juga surcaj kepada Pengurus Besar serta komposisi pihak berkuasa lembaga bagi maksud tindakan surcaj yang berkaitan.

Dengan adanya peruntukan-peruntukan tersebut dalam akta itu, peraturan-peraturan tatatertib yang khusus dapat diadakan oleh lembaga dan membolehkan proses tindakan tatatertib ke atas pegawai dan penjawat dibuat dengan teratur dan mengikut peraturan serta mengelakkan ketidakadilan ke atas pegawai dan penjawat yang terlibat.

Terima kasih.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah satu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila yang di depan.

6.28 ptg.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil masa sedikit membahaskan pindaan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan saya merupakan satu kawasan yang kebanyakannya termasuk di dalam kawasan Wilayah Jengka (LKWJ) dan begitu juga kawasan-kawasan yang terdapat di daerah Maran, Temerloh dan juga Bera. Oleh kerana itu, saya merasakan bahawa penting agar beberapa perkara tertentu dibawa agar dapat kementerian mengambil tindakan yang sewajarnya bagi tujuan meningkatkan lagi efisiensi Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, masa cukup untuk hari ini. Minta sambung esok ya. Minta seorang mengemukakan usul.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

### Permohonan Melepaskan Kuota Unit Bumiputera Dalam Projek Perumahan Kedai dan Kilang IKS, di Pulau Pinang

6.30 ptg.

**Tuan Lim Hock Seng (Bagan):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengemukakan Ucapan Penangguhan saya iaitu Permohonan Melepaskan Kuota Unit Bumiputera Dalam Projek Perumahan Kedai dan Kilang IKS, di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, kuota unit bagi bumiputera rumah kedai, kilang ringan dan rumah pangsa selepas satu had tempoh yang ditentukan ia tidak diambil oleh kaum bumiputera dan segala syarat-syarat telah dipatuhi termasuk iklan dalam surat khabar pun telah dipatuhi. Pemaju swasta ini memohon kepada pihak berkuasa untuk melepaskan unit berkenaan.

Kerajaan Pulau Pinang melalui Exconya, Y.B. Dato' Mohd. Shariff bin Omar, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Negeri telah meminta kepada pemaju supaya levi 5% wang tunai dari harga bangunan disumbang atau diderma kepada kerajaan negeri supaya permohonan mereka dapat ditimbang. Arahan ini adalah secara mulut dan tidak berani memberi surat rasmi dan resit rasmi untuk tujuan berkenaan.

Izinkan saya mengemukakan beberapa soalan berkenaan dengan perkara itu, iaitu berapa kes permohonan berkenaan telah diterima bagi tahun 1994, 1995 dan 1996 serta berapa telah diluluskan. Berapa kes yang belum diluluskan dan sila beri tarikh permohonan dan mengapa tidak diluluskan. Setakat ini berapa jumlah sumbangan atau derma dari pemaju untuk tujuan ini telah diterima oleh kerajaan dan sama ada Kerajaan Pusat akan campur tangan untuk membetulkan keadaan ini.

Sekian sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji  
Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila jawab.

6.33 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan (Dato Mohd. Tajol  
Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan mengenai permohonan melepaskan kuota untuk bumiputera dalam projek perumahan, kedai dan kilang IKS di Pulau Pinang.

Dasar pembangunan negara dan strategi bagi membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat adalah jelas dan telah lama dilaksanakan termasuk menentukan bumiputera mendapat peluang membeli rumah di kawasan pembangunan termasuklah projek perumahan, kedai dan kilang IKS. Walau bagaimanapun, bagi projek-projek yang tidak cukup pembeli untuk memenuhi kuota bumiputera, kerajaan negeri terpaksa meluluskan kuota supaya tidak membebankan pihak pemaju. Kementerian ini sedar bahawa penetapan kuota bumiputera adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Bagi kes ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kerajaan negeri berhak membuat pertimbangan dan perancangan sewajarnya dalam menetapkan kuota bumiputera dalam kawasan-kawasan pembangunan negeri tersebut. Kerajaan Pusat tidak berhasrat untuk campur tangan dalam perkara ini.

### Isu Pemberian Saham Khas Bumi Kepada Individu dan Kriterianya

6.35 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, selamat malam. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa satu perkara iaitu mengenai satu masalah yang sangat penting berkaitan dengan pemberian saham khas oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kepada individu-individu tertentu di bawah skim khas bumiputera.

Seperti yang dimaklumkan oleh pihak kementerian sejak isu ini bermula 3 tahun lepas, apabila pihak kerajaan mengambil dasar baru dengan memberikan saham khas bumiputera kepada individu-individu tertentu ia telah disalahgunakan untuk memanfaatkan golongan-golongan tertentu sahaja. Selain daripada apa yang telah didedahkan oleh Yang Berhormat Menteri apabila perkara ini dijawab dalam Parlimen, adalah sungguh mengejutkan. Ini adalah kerana di antara pihak-pihak yang mendapat saham itu terdiri dari ahli keluarga pihak menteri dan pemimpin tertinggi negara.

Di sini pihak kerajaan masih belum memberikan satu jawapan yang baik....

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Saya tengok korum tidak cukup dalam Dewan ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, kerana Menteri .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bunyikan loceng.

**Tuan Lim Guan Eng:** ....Dato' Seri Rafidah Aziz—ini penyokong Dato' Seri Rafidah.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya.

**Tuan Noh bin Omar:** Sebab ini Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Guan Eng:** Okay, penyokong Dato' Seri Rafidah Aziz—tidak apa kempen UMNOlah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, minta dibunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan*

*(Ahli-ahli dikira: kurang 26 Ahli hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak cukup korum pada hari ini, kita kena tangguhkan Dewan ini sekarang sehingga jam 9.30 pagi hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.37 petang.*